

Kebanggaan yang sejati adalah kahawa kamu mencintai sesama manusia sebagaimana kamu mencintai diri kamu sendiri. Dan kamu akan lebih bertsh bahagia apabila semua kawan mencintai kamu sebagaimana mereka mencintai dirinya masing-masing. Persoalannya, adakah kawan-kawankh mencintai diriku seperti mereka mencintai diri mereka?

a day of broken promises



Beyond the imagination

Isu #2 / RM2.00

SIDANG REDAKSI

Editor
Fendy (The Super Player!)

Juru edit
Norhafizi a.k.a Jimboleh!

Penulis artikel
Amin, Tifla, Babat, Rashid, Suraya, John Gerassi, Sidharta, Fendy, Angah

Penulis diskusi
Fazri DRSA, Babat, xPiex, Umar, Erin, Angah, Din Akar, Mus, Hazrin

Penulis puisi
Ayed, Norhayati Mat Top, Addy Zaidy, Sidharta, Rashid, Suraya, Meghan Pollock, Amin, Sasha Boni, Liana Hwang, Through the Never,

Penulis scene report
Takde

Penulis ulasan zine
Fendy jugak

Penulis ulasan muzik
Balik-balik Fendy

Penulis gossip
Fendy (bukan nama sebenar) and assitant!

Dalam kenangan
Semalam, kelmarin, minggu lepas, bulan lepas, tahun lepas

Buah tangan, surat ancaman, kuih bom, dan bombastik ke alamat;
Fendy,
21, Jalan Jagong 8,
Bandar Baru Uda,
81200 Johor Bahru,
Johor, MALAYSIA.

LAY-OUT CONCEPT: Emo and hardcore!

MAI DOK GEBANG BANG BOOM BANG...

Assalamualaikum dan salam sejahtera aku ucapkan kepada semua pembaca di luar sana. Watashino nama-e-wa Fendy des! Kali ini kita kembali lagi dengan isu yang ke-2 zine yang tak seberapa ini. Kepada pembaca yang masih setia membaca setiap isu zine ini dari Rintihan Perasaan lagi.. terima kasih aku ucapkan. Nampaknya, aku masih lagi belum putus asa dan masih aktif lagi untuk membuat sambungan zine ini. Terima kasih aku ucapkan kepada rakan-rakan dalam komuniti DIY di sekitar Johor Bahru dan di sekitar Malaysia kerana kamulah yang menjadi



peransang kepada aku untuk meneruskan penuangan yang masih belum selesai ini. Nampaknya sudah setahun lebih baru isu ke-2 ini rilis. Pasti ada sesetengah pembaca tertanya-tanya bila ADOBP (A Day of Broken Promises) akan rilis. Ini kerana aku telah memberitahu sesetengah pihak bahawa isu ke-2 ini mungkin akan rilis pada awal tahun 2002. Tapi nampaknya aku memungkin janji aku. Biasalah, nama zine pun dah *a day of broken promises*.. faham-faham jek la! Hehe... harap maaf ya! Aku juga pernah mengatakan (di dalam isu 1) bahawa isu ke-2 ini mungkin akan rilis split bersama 5 buah zine iaitu Roots, Psycho Diversion, Cronically Donut, Propagate dan EarthSonsDiscussion. Tapi nampaknya, aku masih menliskan isu ini sendirian. Masing-masing ada komitmennya sendiri. Tapi mungkin untuk isu berikutnya, aku akan menliskan zine ini split bersama Cronically Donut #13 dan juga Roots #5. Insya'Allah.

Untuk isu kali ini, ia menampilkan temuramah bersama sebuah kugiran Old School HC yang semakin meningkat naik iaitu Nostalgia. Harap maaf jika ruangan temuramah ini sudah lapuk kerana ia dibuat pada akhir tahun 2001 yang lalu. Maaf ya! Band ini telah mengeluarkan 2 buah EP dan yang paling terbaru sekali ialah Nostalgia 's/t' EP. Mereka menliskan EP yang ke-dua ini sendiri tanpa bantuan mana-mana label. EP pertama mereka telah diriliskan oleh label aku sendiri iaitu Aspirasi Records. Buat masa ini Aspirasi Records masih mencari band untuk menliskan stuff mereka. Projek seterusnya mungkin full-length dari band Sinatra (emocore) dari Muar ataupun sebuah band Digital HC dari JB. Kepada band-band DIY di luar sana yang mahu stuff mereka dinliskan oleh Aspirasi Records, boleh lah menghantar a good quality sound recording kepada alamat zine ini. Tidak kiralah band anda bermain genre apa tapi pastikan band anda tiada unsur-unsur diskriminasi seperti rasisme, fasisme, sexisme dan homophobia. Berbalik kepada zine ini, anda pasti terkejut kerana kebanyakkan konsep zine ini telah berubah sama sekali. Ayat-ayat editorial tidak berbunga-bunga seperti yang terdahulu. Mungkin isbiah emo telah lah, tapi di mana ia melarikan diri? Sebenarnya, aku sudah bosan dengan istilah emo. Bukannya aku fuck emo tapi aku bosan kerana ianya seperti sudah menjadi satu trend di mana semua orang nak emo (adakah aku ni trendy/poser?). Ayat-ayat dalam zine mesti nak berbunga-bunga sampai aku pun nak tergelak membaca ke emo annya. Band-band pun dah macam-macam. Semua nak selit istilah emo. Emo grunge, emo rock, indie emo, dan yang paling nak tergelak sekali ialah emo grind. Macam-macam, tapi baguslah, menvariasikan muzik yang sedia ada. Buat pembaharuan sikit. Bila aku baca balik isu-isu terdahulu ADOBP ini, macam nak tergelak pun ada. Sampai aku ni dicop sebagai seorang yang jiwang, emo gila babeng. Kelakar juga bila orang mengejek yang aku ni emo. Tapi, everybody has a little bit emo inside. Betul tak? Hipokrit kalau anda mengatakan dalam din anda tiada perasaan emo walaupun sedikit. Aku pun tak nafikan, kadang-kadang aku ni emo jugak. Jadi mega big fuck kepada orang yang fuck emo! Jadi, untuk isu kali ini, aku ingin mengurangkan istilah emo di dalam penulisan aku. Penulisan-penulisan yang ada kebanyakkannya bersifat personal. Kali ini beberapa penulis jemputan menulis untuk ruangan kolum. Antaranya, En. Amin, En. Thiefla, En. Rashid, En. Babat, Cik Bad, Cik Suraya dan juga aku sendiri. Korang nilaikan yang mana best dan yang mana tak best. Tapi mungkin masih terdapat artikel-artikel yang berbentuk kesedihan. Tapi apa salahnya membaca luahan hati seorang insan kecewa. Ambil ikhtibar dari segala kejadian yang berlaku. Ruangan puisi dan juga diskusi masih dikekalkan cuma individu yang mengambil bahagian adalah amat mengecewakan. Mungkin ramai orang dah benci dengan zine ini. Uwaa.. Sekarang ni pun, surat yang sampai ke rumah aku semakin berkurangan. Tak tahulah di mana silapnya. Nak kata aku tak balas surat orang, aku balas. Ntah la, mungkin orang semua dah tak nak berkawan dengan aku. Satu lagi yang merisaukan aku ialah, jika pihak pos dah blacklist alamat aku. Ini kerana zine aku pernah diambil oleh polis ketika mereka datang ke sebuah gig di Wadihana pada bulan Julai (2002) itu hari. Ish.. risaunya aku!

Kalau dilihat dalam isu kali ini, aku sudah mula pandai untuk memasukkan gambar-gambar. Tak kiralah sama ada gambar band atau gambar melalut-lalut. Ini kerana, aku hendak mengelakkan para pembaca semua menjadi bosan. Banyak juga aku baca review di zine-zine yang mengatakan zine aku ni bosan sikit sebab tak ada gambar. Jadi, untuk membalas jasa baik semua pembaca, aku selitkan beberapa keping gambar peribadi aku. Anyway, terima kasih kerana bagi ulasan yang jujur. Tapi kali ini, aku tidak menggunakan khidmat Din Akar, sebaliknya menggunakan hasil kerja aku sendiri. Amacam? Agak-agak, Din boleh cari makan tak lepas ni? Hehe... Kebanyakkan gambar-gambar yang tersiar merupakan gambar aku sendiri (masa kecik-kecik!), gambar adik aku, bapak aku, dan juga, kawan-kawan masa aku belajar. Mungkin korang akan lihat kecomelan aku ketika muda. Hehe.. Bercerita pasal kawan-kawan ni, ingin pulak aku bercerita pasal kawan-kawan aku ketika aku belajar di KUiTTHO. Untuk pengetahuan para pembaca, aku sekarang baru habis semester akhir Diploma Kejuruteraan Awam dan Pendidikan. Jadi, jika aku keluar nanti, aku akan menjadi seorang tenaga pengajar. Hmm... jadi cikgu ataupun pensyarah politeknik. Okay, berbalik cerita pasal kawan-kawan. Bila aku masuk KUiTTHO, baru aku sedar bahawa kadang-kadang kita terpaksa menjadi hipokrit hanya untuk berkawan. Kalau tidak jangan harap lah ada orang nak berkawan. Jangan ego dan berlagak. Karang tak pasal-pasal kena pukul. Biasa la, duduk asrama. Tak puas hati jek, gaduh. Itu jek kerja dia. Tapi nasib baik kat KUiTTHO ni tak macam tu. Biasa kita dengar kat UPM atau universiti lain, unsur-unsur perkauman mesti kuat. Macam kat UPM dulu, pernah tejadi satu kes pergaduhan di antara pelajar dan Johor dan juga Kelantan. Diorang bergaduh sampai ada yang cedera teruk. Apalah budak-budak ni. Semangat kenegerian terlalu kuat. Inilah masalah yang sering berlaku di universiti tempatan. Di sini aku nak ceritakan pengalaman aku dengan kawan-kawan (habis!!!) di KUiTTHO. Semasa aku tinggal di rumah sewa di Pant Raja, aku pernah dipulaukan oleh so-called kawan serumah atas alasan, aku ni takde motor. Aduih.. pening kepala aku memikirkannya. Inilah dia society yang hanya mementingkan kebendaan (mega big fuck goes to Fizar!!). Benda remeh macam tu, aku dipulaukan teruk. Kalau nak diikutkan berkiranya diorang dengan aku, aku pun boleh juga nak berkira

koleksizine.blogspot.com

Kalau tak pahit, bukan Tongkat Ali namanya!!..



* Pada ruangan perbincangan, isu yang dibincangkan ialah "Komuniti DIY semakin hilang unsur fun/lawak. Masing-masing terlalu ekstrim dengan ideologi sendiri. Apakah pandangan anda semua?" Pihak editor memohon kemaafan di atas segala kesulitan yang dialami oleh semua pembaca tersayang. Terima kasih dan I love you!

* Untuk isu yang ketiga (#3), A Day Of Broken Promises akan memaparkan isu 'persahabatan'. Jadi di sini pihak editor ingin meminta kerjasama pembaca semua untuk memberi sumbangan artikel, art-work, quote dll yang berkaitan dengan tema 'persahabatan'. Tulislah apa sahaja, percintaan, kebencian, keemoan, kebengongan dan apa saja yang berkaitan dengan tema 'persahabatan'. Date-line 1 April 2003! Setiap sumbangan yang tersiar akan menerima senaskah percuma! Hantar, jangan tak hantar ke alamat zine ini! Bye.. muahss..

* Ada kesilapan eja pada bahagian Perbincangan = 'RUANGAN' bukan 'RUNANGAN'!!

* Cronically Donut #12 dah keluar! Siapa yang dapat cover silver telah dirip-off! Pastikan anda semua mendapat cover gold! Sesiapa yang telah ditipu bolehlah claim duit anda pada Jimbo atau Syed! Alamat cari sendiri!

* Eh, betul beb Syed (editor Cronically Donut) nak kahwin pada 2003! Tak tipu punya! Dia nak declare dalam masa terdekat ni! (28/11/02 10.47 p.m)

* Cronically Donut nak keluar isu eksperimen yang mungkin menggunakan nama dan editor yang lain.

* Wak (drumer Makhlok Perosak) kena pukul dengan seorang awek di atas motor beliau sendiri! Fuh..

* A Day Of Broken Promises akan mengeluarkan CD kompilasi yang akan menampilkan band-band dari sekitar Malaysia dan juga luar negara. kepada band-band yang berminat, sila hantarkan material anda kepada alamat zine ini. Satu lagu, siap lirik dan info band anda!
Alamat surat-menyurat:
Fendy, 21, Jalan Jagong 8, Bandar Baru Uda, 81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia



V/A Gore Domination CD

Waduh-waduh.. seram gua! Memang gore giler! Kompilasi yang menampilkan band-band gore grind dari serata dunia. Memang best tak ingat punya. Membuatkan kepala aku nak banging dan muntah sana sini. Bayangkan bila anda mendengar CD ini sambil meyembelih kepala manusia! Memang gore! Menampilkan 23 buah band. Antaranya ialah, Terrorist, Feble Minded, Purulent, Arkaniuz, Christ Denied, Morbosidad, Goreopsy, Kabak, Cabal, Gorerotted dan banyak lagi! Kepada peminat gore grind, anda pasti menyukainya dan kepada sesiapa yang penakut jangan dengar CD ini malam-malam kerana nanti anda pasti dibuai dengan mimpi buruk! Apa yang aku minat kat sini ialah artwork pada sleeve CD ini sebab ada gambar-gambar gore. Ada gambar perut terburai dan tangan terbelah. Senang cerita Syed memang tak boleh tengok gambar ni. Nanti dia pening kepala! *(American Line Production c/o Joel Morales, P.O. Box 20-465 Mexico 01001, D.F. Mexico)*

V/A Initial Extreme Music Sampler CD

Kompilasi CD dari sebuah label besar iaitu Initial Records. Bermacam-macam jenis muzik ada di dalam CD ini. Sebut aje apa, semua ada. Emo, indie rock, chaotic, old school hc, new school dan banyak lagi. Memang puas hati kalau beli CD ni. 23 buah dan dan setiap band menyumbang sebuah lagu. Antara band-band yang terdapat di dalam CD ini ialah Boy Sets Fire, Botch, Chalkline, Coalesce, Elliot, In My Eyes, Give Until Gone, Ink and Dagger, Keepsake, Jejune dan banyak lagi. Anda perlu dapatkan CD ini. Terbaik! *(Initial Records, P.O. Box 17131, Louisville KY 40217, USA)*

V/A One Family 'Global HC Compilation' CD

Para hardkoris kental perlu mendapatkan CD ini. Ini adalah cetakan untuk Korea. Sebab dia ada tulis *XFor The Korean HCX*. Sememangnya yang terbaik. Menampilkan 30 band old school hc dan new school hc dari serata dunia. Kepada peminat muzik old school pasti tidak melepaskan peluang untuk memiliki CD ini. Anda pasti berpuas hati kerana semua band yang terdapat di dalam kompilasi ini sungguh bertenaga dan terkenal (??). Di samping itu juga, ia pasti membuatkan anda tersenyum kerana band-band tersebut tidak akan menghampakan harapan kamu semua. Band yang terdapat di dalam kompilasi ini, antaranya ialah Final Exit, Racial Abuse, Ignite, One King Down, End All, Abhinanda, Unbroken, Misconduct, Intensity dan banyak lagi band-band old school hc. Rasa macam kat dalam gig bila pasang CD ni. Mana taknya, asyik nak finger pointing dengan melompat memanjang! Satu lagi yang menarik mengenai CD ini, ia banyak menampilkan band-band sXe. Lepas tu layout CD pun gambar orang-orang yang bertanda X di tangan! Cuma yang mngecewakan ialah aku tak boleh baca petikan di sleeve CD ini kerana ditulis dalam bahasa Korea. Hmm... hampeh! *(Grind Mix Crew Label c/o govegan@hanmail.net)*

V/A Reprise de 7 Seconds 7"

Sebuah kompilasi yang menampilkan band-band hc/punk terbaik. Kompilasi ini ialah tribute kepada band 7 Seconds dan terdapat 6 buah band yang mengambil bahagian. Kesemua mereka membawakan lagu-lagu dari band 7 Seconds dan memberikan nafas baru kepada lagu-lagu tersebut dengan membawakan lagu tersebut dengan cara/rentak mereka sendiri. Cukup menarik! Band yang mengambil bahagian ialah Endstand, Fake Hyppi, Stranded, This Side Up, Intensity dan Second Rate. Anda boleh mendengar dari rentak old school hc kepada melodic punk rock di dalam kompilasi ini. Setiap band membawakan sebuah lagu 7 Seconds tetapi Intensity membawakan 2 buah lagu. Aku paling minat Second Rate kerana muzik yang dibawa mereka begitu indah sekali (cewah!). Mereka membawakan lagu 'Young 'til I Die' dengan irama emo punk rock (pada pendapat aku!). Best siot! Kepada peminat Sheila on 7, eh.. silap, 7 Seconds, dapatkan kompilasi ini! Satu lagi yang menarik di sini ialah, sleeve vinyl ini diprint menggunakan silk screen. Alah, yang macam Din Kuro print baju tu. Rare beb! Totally DIY! *(Wee Wee Records, David S., 25 Rue Goundoli, 31240 Saint Jean, France)*

V/A Un Pulso A La Escena Vol. 2 CD

Sebuah CD kompilasi yang datang bersama sebuah zine iaitu The Piohosa's Zine #9 dari Sepanyol. CD kompilasi ini merupakan salah sebuah CD kegemaran aku kerana ia menampilkan pelbagai variasi jenis muzik. Tidak begitu membosankan. Kebanyakkan band yang terdapat dalam kompilasi ini juga jarang aku dengar. Terdapat 32 buah band dan setiap band menyumbangkan 1 lagu sahaja. Jenis muzik yang terdapat dalam komplasi ini merangkumi old school hc, emo hc, melodic punk rock dan banyak lagi. Ska pun ada beb! Antara band-band yang terlibat dalam komplasi ini ialah Boy Sets Fire, Good Riddance, Marshcrannies, Fast Times, Cooter, Open Close My Eyes, Gameface, Raised Fist, Foxyheidi, Together We Fall, Uziel, The Movielife, Ketchoop, Eterna Inocencia, Try Again, Hoax, Knowledge Is A Weapon dan banyak lagi. Begitu menarik sekali. Anda patut memiliki CD ini. *(TPZShit Recordings, Talamanca 22,2°A, 28807 Alcalá de Henares, Madrid, Spain)*

Zegota 'movement in the music' CD

Pergh... memang pelik band ni. Tapi aku meminatinya sekali. Muzik yang dibawa oleh Zegota begitu berlainan sekali dengan band-band hardcore yang sedia ada. Muzik yang chaotic dengan vokal terjerit-jerit ala penyanyi metalcore. Muziknya kadang kala menjadi melodic dan kadang kala begitu teknikal dan ganas sekali. Tempo yang sentiasa berubah-ubah menyebabkan aku tidak bosan mendengar CD ini. Kadang-kadang tu, ada yang rock habis macam lagu '$59.95'. Best tu! Satu revolusi dalam muzik hardcore. 7 buah lagu yang amat politikal. Lirik disertakan dan penerangan yang panjang lebar disediakan pada booklet yang terdapat pada CD ini. Packing CD ini memang menarik dan unik serta artwork yang menghiasi cover CD ini membuatkannya lagi meriah. Banyak yang anda boleh perolehi jika memiliki CD ini. Yang pertama, semestinya, pengetahuan dan yang keduanya hiburan! Tapi yang paling penting sekali, pengetahuan la. Inginkan kelainan? Milikilah CD ini sekarang dan pasti anda tidak akan menyesal. *(Zegota, 1104, Buckingham Rd, Greensboro, NC 27408 USA atau CrimethInc. 2695 Rangewood Dr, Atlanta, GA 30345 USA)*

Top 20 list album terbaik:

1. Children Of Bodom 'hatebreeder' CD
2. The T.V. Dinners 'for the people n Afghanistan..' kaset
3. Disgorge 'chronic corpora infest' CD
4. Petrograd 'a.b.c' CD
5. Demon System 13 'vad vet vi om kriget?' CD
6. Catharsis/Newborn split CD
7. Dajjal 'amarah' kaset
8. Dead Pits 'titik balik' kaset
9. Sanktio 'Ei Toi Mi Enää' CD
10. V/A Gore Domination CD
11. Stubborn All-Star 'open season' CD
12. It's You 'demo' kaset
13. Strangedays 'from infinity to oblivion' CD
14. R.U. Sucks 'we're the crew' kaset
15. Serpico 'heroes of the bomb scare' 7"
16. Racebannon/Mara 'Akate split 6"
17. The Subsistence 'catch a dream and shit with it' CD-r
18. Kontra La Paré/Petrograd split 7"
19. Forty Winks 'to the lonely heart' CD
20. Equation of State 'exploded view' CD





dengan diorang. 90% perkakas kat rumah sewa aku tu, kepunyaan aku. Diorang tak sedar dan tak bersyukur lagi tu (ini kira mengungkit ke?). Ish.. Bengang pun ada, kelakar pun ada. Bila difikirkan balik, macam budak kecik pulak. Tapi aku pendam jek. Biarlah, orang buat kat aku. Satu hari nanti dia akan malu pada diri sendiri jugak. Memang betul pun, sebab tak lama kemudian itu, kitorang kena praktikal sebagai cikgu di Muar dan si Fizar ni pun kena praktikal juga kat situ. Di Muar, aku tinggal di rumah atuk aku dan si Fizar ni takde tempat tinggal. Jadi dia pun merayu kat aku, nak tumpang rumah atuk aku. Kalau aku ni berkira macam si bastard ni, memang aku buat tak tahu aje. Tapi tak sampai hati pula. Last-last tengok muka kesian dia, aku pun kata okay jek. Duduklah si bastard ni menumpang kat rumah atuk aku. Itu pengajaran la kat dia yang aku ni tak berkira langsung (ayat puji diri sendiri?). Lastly, aku ambil keputusan pindah rumah lain. Masa aku pindah tu, sedih pula aku tengok muka sekor-sekor berok tu pasal rumah terus jadi kosong. Dah macam kotai pulak aku tengok sebab yang tinggal hanya tilam, kuali, tong gas dan tikar getah. (Tikar getah tu pun aku punya tapi tak sampai hati nak ambil) Biarkan ajelah! Baru diorang tahu rasanya berkira dengan aku! Sebelum ni, aku tinggal dengan bebudak kelas aku, tapi untuk kali ini, aku mencari bebudak yang bukan sekelas dengan aku. Dan akhirnya aku berjaya cari rumah sewa yang lain dan aku tinggal dengan bebudak junior yang aku rasa fikiran mereka lebih matang daripada bekas bebudak rumah lama aku. Walaupun aku takde motor tapi diorang still boleh terima aku dan beri aku tumpang. Dan di sini juga aku ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada sahabat aku iaitu Zaharuddin yang selama ini banyak membantu aku ketika aku dalam kesusahan. Tidak kira, tempat tinggal, study dan banyak lagi. Aku amat terhutang budi dengan beliau. Dan untuk pengetahuan pembaca semua, aku amat terkilan kerana tidak dapat mengucapkan terima kasih di hadapannya sendiri. Dan jika saudara Zaharuddin ada membaca atau terbaca zine ini, aku ingin mengucapkan ribuan terima kasaih yang tak terhingga kerana banyak membantu aku. Mungkin suatu hari nanti kita akan berjumpa lagi dan aku akan balas budi baik kau. Aku rasa aku belum cukup membalas budi baik kau selama ini. Tidak lupa juga kepada geng-geng aku di Parit Raja, Ramzul, Waridi, Gobe, Sepang, So'od, Nahar, Rahman, Izwan dan Aween, aku merindui korang semua! Uwaa....

Itulah, sahabat sejati memang sukar untuk dicari. Tapi musuh pula amat mudah untuk dicari. Lagi satu, kawan-kawan yang hanya baik di depan mata kita saja tapi di belakang kita dia backstab kita. Dan aku cukup benci dengan orang yang menipu aku. Sekali orang tu menipu aku, memang aku ingat sampai bila-bila dan jangan harap aku nak mempercayai dia lagi. Macam yang berlaku kat aku tahun lepas. Seorang wanita ada menulis surat kepada aku dengan ayat yang cukup menaris dan akhirnya aku mengetahui bahawa segalanya adalah penipuan belaka. Kat sini aku sertakan 2 helai surat yang telah ditulis oleh wanita tersebut. Aku harap si dia membaca zine ini! Surat seorang yang hipokrit, penipu besar dan bastardozz...

Surat 1

Assalamualaikum....

Aku Iza dari Penang menulis. Apa khabar? Selamat berkenalan. Aku contact kau ni sebab nak ajak kau trade zine dengan aku. Aku dah keluarkan Propaganda #1 pada Ogos (2001) lepas. Kira baru lagi laa.. aku nak trade dengan Rintihan Perasaan #0. Harga jual zine aku sama macam kau. Zine aku taklah best sangat sebab baru #1. Konsep all rounders dan biar aku bagitau awal-awal yang aku bukan dari team Northen Riot dan zine aku tak ada unsur-unsur perkauman. Aku bergerak secara sendirian dan aku tak berminat dengan fahaman-fahaman yang fascist. Intipati zine aku banyak menyentuh tentang kemasyarakatan. Jadi kalau kau rasa okay, kau jawablah surat aku ni, ye! Sekian, wassalam.

Iza,

Lot G55, G-Floor,

Terminal Bas The Summit,

BM Plaza, 14000 Bukit Mertajam,

Pulau Pinang

Surat 2

Assalamualaikum...

Hai Fendy! Iza here... Apa khabar? Sorry for not answering your letter earlier. I'm not well, that's why.. Thanks a lot for all of your broken promises) #1 zine. So, here the Propaganda #1. Sorry I can't comment on anything about ADOBP because I don't completely read it. Lots of thing to do. Cuma sempat baca secara rambang.. Pasal ep yang kau sebutkan tu, berapa harganya kalau untuk 10 pcs (wholesale price). Aku cadang nak jual kat War Shoppe. Actually, War Shoppe adalah kedai music stuff. Menjual stuff music yang special kepada konsep rock. That's means, Hindustan, Dangdut atau pop takde laa.. pun begitu ada sedikit sebanyak stuff u/g. Bagi kami music itu universal. Tak kira sama ada u/g atau mainstream. Sebenarnya War Shoppe ini kedai kecik milik husband aku. Okaylah, kalau kau setuju nak jualkan 10 pcs, kau boleh menulis terus kepada Matt dengan alamat di bawah dan bolehlah kau nyatakan berapa harga yang kau nak bagi. Got to go now. Take care, bye...

Matt c/o Iza,

Lot G55, G-Floor,

Terminal Bas The Summit,

BM Plaza, 14000 Bukit Mertajam,

Pulau Pinang.

Kedua-dua surat di atas telah aku terima pada akhir tahun 2001. Tiada pengubahsuaian di dalam susunan ayat mahupun tatabahasa. Seperti yang telah tercetak (surat 1), Saudari Iza ingin membuat pertukaran zine aku dengan zinenya. Sengaja aku menebalkan dua baris ayat yang mengatakan bahawa dirinya tidak terlibat dalam unsur-unsur perkauman. Tanpa mengesyaki sesuatu, aku mengambil keputusan untuk membuat pertukaran. Aku yakin bahawa saudari Iza seorang yang jujur. Setelah beberapa bulan (surat 2), aku telah menerima zinenya dan aku masih tidak mengesyaki apa-apa kerana zinenya tidak terdapat unsur-unsur perkauman (Nazi). Tetapi tidak lama selepas itu, aku telah diberitahu oleh Jan (Ravage) bahawa kedai kepunyaan Saudari Iza di BM Plaza adalah satu pusat Nazi Punk terbesar di Penang. Bapak segala Nazi lepak di situ. Aku rasa tertipu dengan ayat seorang hipokrit (bastard!). Aku juga mendapat tahu bukan aku seorang sahaja yang telah ditipu oleh Saudari Iza Bastard, malah ramai lagi termasuk label-label di luar negara dan juga dalam negara. Malah kedai kepunyaan Saudari Iza Bastard (War Shoppe) menjual kaset/CD dengan harga berlipat ganda. Malah ada sesetengah stuff dicetak semula tanpa kebenaran label tersebut dan menjual dengan harga yang lebih tinggi dari harga asal. Tapi apa yang merisaukan aku ialah jika si Bastard ini mencetak semula zine aku tanpa kebenaran aku. Dan kepada sesiapa yang ada melihat zine ini (ADOBP #1) dijual di kedai tersebut, silalah beritahu aku secepat mungkin dan di sini aku ingin mengingatkan para pembaca semua bahawa aku bukanlah seorang yang menyokong fahaman racist dan fascist ini! Dan jangan tertipu dengan dengan ayat-ayat manis dari Saudari Iza Bastard! Pergi jahanam...

Hari ini (5/8/02), hari yang paling membosankan aku! Balik aje ke rumah sewa aku, aku dah panas (marah) gila. Dengan rumah bersepah, lepas tu atas meja study aku, ada kulit limau bersepah dan dah bersemut! Geram je aku. Lepas tu bila nak mandi, aku dapati aku hilang! Cibai, kat mana dia sembunyi! Yang aku dapat tahu, salah seorang budak rumah aku ada bawa balik awek dia ke rumah sewa aku. Aku rasa awek dia ambil tuala aku. Ntah apa yang dia nak buat dengan tuala aku. Nak hantar bomoh agaknya. Tension aku! Tapi itu semua masih boleh aku terima. Yang tak boleh aku terima sekali bila, budak rumah aku bergaduh sesama sendiri. Tali persahabatan yang dibina kian terputus. Ini bermula bila 2 orang budak rumah aku, dah tak lepak kat rumah lagi. Setakat balik untuk mandi dan tukar baju. Tidur pun kat rumah lain. Start dari tu aku rasa dah tak best. Tinggal aku 4 orang tercongok hari-hari kat rumah. Untuk pengetahuan korang, aku tinggal bersama 5 orang kawan. Hmm... lepas tu, seorang budak nak pindah. Aku dah rasa tak best. Nak bayar sewa memang sakit. Dah orang nak pindah, aku terpaksa akur la. Takkan tak bagi pula. So, dia pun kemas barang-barang, time cuti pertengahan semester. Dan pada hari ni, 2 orang budak rumah aku bergaduh sesama sendiri. Yang sorang gurau melampau, dan yang sorang lagi tak boleh nak dibawa bergurau. (tak boleh gurau duduk kat surau la!). Dah nak hampir bertumbuk. Kalau bertumbuk aku tak tahu la siapa yang menang, pasal aku tengok dua-dua ni sama kuat. Tapi nasib baik seorang budak rumah aku, datang mengawal keadaan. Dan aku tak menyabelahi sesiapa. Aku hanya duduk kat bilik aku dan layan lagu Children of Bodom. Lagi bagus. Tapi di dalam hati aku, terasa sedih pulak. Yelah, teringat kenangan lama. Masa tu baru pindah ke rumah sewa baru. Masing-masing baru berkenalan dan masa tu la, masa yang paling menarik sekali. Pergi makan sesama, pergi kedai pun sesama, keluar ke Bandar pun sesama. Macam adik beradik. Time tu, aku rasa happy sangat. Satu lagi yang aku tak boleh lupa, bila satu masa tu, kami semua tengah kering (maksudnya takde duit la tu!). Kitorang semua kumpul duit sampai cukup untuk beli sebungkus mee Maggi (ada 5 paket dalam dia) dan gula pasir sebungkus untuk buat air teh 'o'. Pergh.., masa tu rasa best gila, sanggup bersusah payah untuk makan. Semangat persahabatan yang begitu erat aku rasa. Memang aku takkan lupakan kenangan tu. Tak pernah aku rasa best macam ni. Yelah, dulu duduk rumah lama, pun ada masalah. Ini nasib baik semester terakhir aku duduk dekat rumah sewa ni. Kalau tidak aku tak tahu nak buat camne. Yelah, asyik berpindah aje. Tiada kawan serumah yang boleh dibuat kenangan untuk diceritakan kepada anak-anak. Hehe.. Tapi pada keesokan harinya (6/8/02), aku rasa aku jadi hero pulak. Mana taknya, aku berjaya menyatukan kedua-dua budak yang bergaduh semalam. Nak tahu bagaimana caranya? Senang aje. Aku ajak, 4 orang budak rumah aku termasuk aku sekali main daun terup. Mula-mula dua-dua orang ni tak nak. Tapi bila dah aku saiko dan paksa, akhirnya diorang akur jugak pasal aku ni ketua rumah! Hehe.. kitorang main Royal sampai berjam-jam dan di situ mula timbul bibit-bibit kemesraan. Yes.. aku berjaya jugak. Aku tengok diorang dah mula boleh bergurau. Itu dah kira okay la. So, kesimpulan yang aku dapat simpulkan ialah, dengan beriadah (main daun terup kira beriadah ke?) kita dapat mengeratkan tali persahabatan serta mengukuhkannya. Yes.. aku berjaya! Kembang kempis hidung aku time tu!

Hmm.. sekarang ni aku tengok semakin banyak zine dan n/l yang terbit seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Tapi apa yang aku lihat, kebanyakkannya, kurang berkualiti. Aku nak beli pun fikir 2-3 kali. Aku tak katalah yang zine aku ni bagus sangat tapi, sekurang-kurangnya buatlah sesuatu yang memuaskan hati pembaca. Kadang-kadang tu aku sesetengah zine yang layoutnya berserabut. Mak aih.. berpinar mata aku nak baca. Walaupun isinya bagus tapi kalau layout tak best, jadi tak best zine tu. Itu hanya pendapat aku. Cuma di sini aku nak menyenaraikan zine-zine tempatan yang menarik tidak kira dari segi layout mahupun isi kandungannya. Antaranya ialah, DRSA, Ganyang, Sadis, Roots, Solidaritas, Cronically Donut, Dispute of Concern, Detonate the Mind, xStandpoint of Mindx, Embrace dan Sebutir Bintang Merah. Kesemua zine tersebut menjadi kegemaran aku dan aku tidak akan miss satu isu pun! (ayat berbentuk bodekkan!). Sebenarnya, dari zine la, kita dapat menyampaikan sesuatu kepada orang lain. Dengan kata lain dapat merevolusikan diri kita dan juga masyarakat sekeliling. Seperti kata-kata saudara Aizat yang dipetik dalam zine Detonate the Mind; *"..Revolusi mampu tercipta daripada muzik, penulisan mahupun perbincangan yang diadakan. Tetapi isu-isu yang dibawa mestilah bukan sesuatu yang remeh temeh. Tapi kelihatan pada masa ni banyak band yang hanya menyanyi lagu yang tiada isu. Zine pula asyik dengan lawak bodoh mereka serta penulisan*

tentang cinta. Jikalau perkara ini terus berlaku maka tiada revolusi yang diharapkan..." Tapi pada aku, tidak salah kalau sesebuah zine itu menulis tentang cinta atau pun lawak bodoh. Janganlah terlalu serius dalam penulisan (harapan seorang insan hina! Hehe..). Seperti yang aku lihat sekarang, komuniti DIY sekarang ni, dah kurang unsur lawak. Bukannya, aku tidak suka jika anda semua senus tapi sekurang-kurangnya selitkan la barang seketul dua lawak-lawak. Jadi, orang pun tak terlalu bosan. Macam band Good Clean Fun. Lirik diorang politikal tapi disampaikan dalam bentuk sarkastik. Memang menarik. Tidak salah kalau sarkastik diselitkan di dalam penulisan anda. Macam zine Reunite, bila aku baca buat pertama kali rasa macam bodoh gila zine ni. Tapi bila aku belek buat kali kedua, memang zine ni menarik. Kadang-kadang tu, terdapat artikel yang nampak bodoh gila. Sebaliknya mempunyai nilai atau isi yang tersirat. Kat sini aku selitkan satu artikel dalam zine Reunite yang aku minat gila; *Huh! Dah nak mencecah 2 hari aku tak mandi. Badan pun dah gatal-gatal. Cikgu kata kita perlu mandi. Kita perlu menjaga kesihatan tubuh kita. Bau badan pun dah busuk gila. Tak patut jugak aku rasa lepas main bola pun tak mandi lagi. Apa laa nak jadi. Kalau aku mandi, badan aku yang busuk boleh jadi wangi semula. Tapi laa, aku rasa aku akan mandi setiap masa kalau hati aku turut jadi wangi bila mandi. Hehe.. baik badan busuk dari hati busuk...* memang bersahaja artikelnya, tapi sila lihat ayat terakhir tu. Mendalam beb maksud dia!

Ha.. sekarang ni aku selalu tenet (dating) dengan seorang awek tu. Nama dia tak boleh sebut la. Rahsia beb (siapa yang dah tahu, diam-diam aa..) tapi aku belum ada apa-apa hubungan yang istimewa dengan awek ni. Kitorang masih berkawan lagi. Belum declare lagi. Hehe.. Tapi kawan-kawan asyik bagi aku tekanan suruh aku declare dengan awek ni. Awek ni memang best kepala dia. Sempoi.. Hmm.. aku pun tengah kusut kepala memikirkannya. Bukan aku nak mempermainkan perasaan awek ni cuma aku belum sedia lagi la. Kalau korang nak tahu, aku dah 2 kali putus cinta. Aku tak nak perkara yang sama berlaku lagi kat aku. Tak best woo... tapi si Jimbo tak habis-habis suruh aku declare. Ish.. tensennya! Nanti dulu la. Satu lagi yang aku geram ngan bebudak ni, diorang ada konspirasi nak menjatuhkan aku. Konspirasi ini terdiri daripada dua orang penjahat yang amat ditakuti iaitu Jimbo si Jalak Lenteng dan Indiana Din Akar Tunjang. Diorang menyebarkan berita bahawa aku ialah seorang player (playboy) di dalam flyers dan juga website. Takpe, ada lori ada bas, ada hari aku balas! Muahaha... (ketawa orang jahat!). Kalau ada sesiapa yang belum tahu, Jimbo si Jalak Lenteng baru sahaja bertunang dengan gadis pilihanraya, eh.. silap, pilihannya di Kg. Melayu, JB pada bulan Mei lalu. Yang pergi menghantar rombongan ialah aku, Din Akar, Din Bird, Said dan juga Mohd. Hazrin. Tak lupa juga keluraga si Jimbo ni. Yang kitorang geram kat Jimbo ni, kitorang cakap dengan dia jangan ikut tapi seboleh-boleh dia nak ikut juga. Last-last kitorang suruh dia stay dalam kereta je. Biasalah, bila dah habis upacara, mesti ada makan-makan. Masa time makan tu, si Hazrin ni boleh terkentut pulak. Nasib baik hanya beberapa orang jek dengar. Ish.. buat rosak majlis jek. Lain kali kalau sesiapa nak bertunang, jangan ajak si Hazrin ni. Kentut tak reti nak cover la mamat ni! Hehe...

Pada suatu hari, tak silap aku hari minggu la. Hari Sabtu. Aku tak ingat tarikh dia. Pada waktu itu (waktu siang), aku tengah melakukan aksi terus, atau kata lain, tengah tenet (dating) dengan Zura (bukan nama sebenar). Macam biasa aku akan pergi bersama-sama dengan dia ke bandaraya JB yang tak best dan seindah mana pun. Tapi kat bandar la tempat aku selalu tenet berdua. Nak pergi ke taman bunga istana macam jiwang sangat pulak. Mengalahkan cerita Hindustan la pulak. Tapi sekali-sekala tu tak kisah la. Best jugak. Berbalik kepada cerita asal:. Apabila sampai di bandar, aku pun berhenti di PO (post office). PO ni memang tempat tunggu bas paling happening kat JB. Macam-macam ragam orang boleh kita jumpa kat PO ni. Okay, apabila sampai kat PO, aku memang suka berjalan kaki ke pusat-pusat membeli-belah di sekitar JB ni. Antaranya, Kotaraya dan City Square. Biasalah, sambil jalan, macam-macam perkara boleh dibualkan. Memang best masa tu. Jalan sambil berpimpinan tangan dan berbual mesra. Ish.. romantik sungguh time tu. Untuk mengambil jalan dekat, aku mencadangkan kepada Zura, agar mengikut lorong Dhobi. Dia pun okay aje. Kira setuju la. Untuk pengetahuan semua, lorong Dhobi ni short-cut nak ke Kotaraya. Pastu jalan kat situ pun tak banyak kereta. Kepada sesiapa yang berjalan kaki, kira selamat sikit la kalau lalu situ. So, masa tengah sedap-sedap berborak mesra, tiba-tiba aku telah ditahan oleh sekumpulan hero Tamil. Aku pun tidak dapat memastikan diorang ada berapa ramai. Aku dah rasa risau dan takut. Yelah, aku ni bukannya kuat nak bergaduh. Lagipun tak best nak bergaduh. Aku pun tanya diorang: "Apa yang boleh aku bantu? Aku nak cepat nil". So, salah seorang dari diorang pun menjawab dengan berlagaknya; "Kitorang nak pow kau! Kau ade duit tak?". "Eh, apasal pulak. Aku tengah takde duit ni!", aku menjawab dengan tenang! Tiba-tiba, aku rasa perut aku senak semacam jek. Dan apa yang aku lihat, sepasang kasut naik kat kepala aku. Mak aih.. bengong sekejap kepala aku! Aku pun dah tak terdaya. "Zura lari!!!", aku menjerit kat Zura suruh dia lari untuk menyelamatkan diri. Lepas itu, aku dah tak rasa apa-apa. Memang teruk aku dikerjakan. Kena belasah jek, tak sampai diperkosa eh..! Memang la. Diorang tu ramai. Aku pulak seorang insan lemah yang berseorangan di samping seorang gadis kecil yang tidak berdosa. Aku terasa seperti hendak pitam. Telapi aku juga dapat melihat beberapa orang dari mereka mengejar Zura. " Apakah yang akan mereka lakukan pada Zura?", bentak fikiran ku! Aku dah tak boleh nak buat apa-apa lagi. Aku dah tak larat nak bangun dan mengejar mereka. Ah.. sudah! Jangan diorang lakukan benda tak baik kat Zura sudah la. Aku hanya bertawakal. Tiba-tiba, aku terasa yang dunia ni gelap. La.. aku pengsan pulak! Tiba-tiba, aku terjaga, dan melihat seorang pakcik berada di sebelahku. Dia bertanya kepada aku, apa yang telah berlaku. Aku pun menceritakan segala yang berlaku kepada pakcik tu. Tiba-tiba, baru aku terfikir tentang Zura. Arghh.. di mana pula si Zura ni? Dengan kepala yang kusut, aku pun terus meninggalkan pakcik tu dan pergi mencari Zura. Di mana kau berada, Zura? Hatiku sering tertanya-tanya. Dah macam orang gila pulak aku ni. Tiba-tiba dari jauh, aku terlihat seorang gadis yang pernah ku lihat sebelum ini. Tapi di mana ya? (ayat macam Senario Lagi!). Itukah Zura? Hati aku terdetik seketika. Gadis itu kelihatan sedang menangis. Ya, memang tepat itulah Zura. Aku terus berlari kepadanya. " Apa yang telah diorang lakukan pada awak?", itulah soalan yang pertama aku tanya kepada Zura. Dia hanya membisu. "Zura, cakap cepat! Apa yang diorang lakukan pada Zura?", aku menengking sedikit. Sambil mengangis teresak-esak; 'Diorang tak lakukan apa-apa. Nasib baik ada abang tu tolong Zura. Dia belasah budak-budak tu semua!". Dia memeluk aku dan terus menangis. Yes.. Terselamat juga buah hati aku ni! Alhamdulillah. "Endy minta maaf sebab tak dapat selamatkan awak!", sambil aku membelai rambutnya yang lembut seperti kapas itu (ayat macam iklan syampu Dove). Tiba-tiba aku terasa dada aku dicubit. "Woi, dah la tu! Cukup dah!", ada suara orang sound aku! Tiba-tiba aku terjaga! "Siot kau Jimbo, aku tengah mimpi best-best ni, kau boleh kacau! Potong stim betullah! Dah nak ending tu!", aku pun terus memaki hamun si Jimbo dengan kata-kata kesat yang tak boleh disiarkan. Siot betul, baru aku nak mimpi yang indah dan jiwang-jiwang gitu! Dah kena potong. Tak berhati perut la si Jalak Lentang ni! Aku ingat nak sambung tidur balik, tapi tak boleh sebab mak Jimbo dah panggil suruh makan. Hmm.. melepas la aku!

Sekarang, aku baru sahaja berjaya menamatkan pengajian aku di KUiTTHO di dalam bidang Diploma Kajuruteraan Awam serta Pendidikan. Keputusan periksa belum aku ketahui lagi. Mudah-mudahan cemerlang dan membanggakan. Buat masa sekarang, aku masih menganggur lagi. Tengah kusut kepala nak fikir kerja apa. Aku ingat nak jadi cikgu atau pun pensyarah tapi berat woo.. kerja tu! Eh, aku ni, kerja pun nak memilih. Sekarang ni, kita tak boleh nak memilih kerja sangat pasal graduan dah semakin ramai. Kerja pulak sikit. Persaingan terlampau banyak. Bercerita mengenai pensyarah ni, teringat pulak aku masa aku praktikal jadi pensyarah di Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak masa bulan April (2002) dulu. Masa tu aku kena mengajar subjek Lukisan Kejuruteraan semester 1 sijil dan Bahan Binaan semester 4 sijil. Perghh.. nervous jugak bila kali pertama masuk kelas. Mana taknya, pelajar-pelajarnya semua umur lebih kurang aku dan ada yang lebih tua dari aku. Mana tahu karang, bila mereka tahu umur aku, diorang tak hormat dengan aku. Yelah, mestilah takut sebab kalau ada pensyarah observe aku masa mengajar dan lihat semua pelajar tak tumpukan perhatian, habis aku kena marah! Gagal pulak nanti! So, masa aku tengah nervous tu, biasalah berpeluh-peluh dahi! Tapi bila dah kenal dengan semua pelajar, rasa mesra pulak dan diorang boleh hormat aku walaupun diorang tahu umur aku lebih kurang mereka juga. Sebenarnya, nak mengajar ni bukannya susah sangat. (Perghh.. ayat berlagak siot!) Sebenarnya mengajar ni memerlukan psikologi yang tinggi. Kau perlu belajar cara psikologi terhadap pelajar. Kat sini aku bagi contoh, kalau budak tu nakal atau liar kat dalam kelas, kau jangan terus marah. Kau perlu jadi sahabat dia dulu. Borak dengan dia, macam borak dengan kawan. Tanpa ada sebarang garis pemisahan. Jika perkara ni berlanjutan, nescaya pelajar bermasalah tersebut akan dapat menerima kita dan terus mendengar kata. Walaupun ianya mengambil masa sikit tapi keputusannya menarik. Satu lagi petua, jangan terlalu serius bila mengajar. Pelajar pun bosan kalau macam tu. Betul tak? Aku masa sekolah dulu pun benci kalau cikgu yang terlalu serius. Membosankan! So, bila aku mengajar di Poli, aku buat kepala selamba aje. Takde nak marah-marah. Kalau aku marah pun, aku sound baik-baik. Tapi pastikan jangan sampai mereka pijak kepala kau. Jadi bila aku buat kepala selamba, pelajar pun suka dan kata aku ni lecturer rock! Aku pakai jam Casio G-Shock pun student sound aku. "Perghh.. Encik ni sempoi la pakai jam G-Shock! Macam bukan pensyarah pulak". Aik.. pensyarah tak boleh pakai jam G-Shock ke? Hehe... kembang aku time tu! Pulak tu, kelas yang aku mengajar, ramai awek cun! Kadang-kadang terpikat jugak, tapi memikirkan siapalah diri aku yang hina ni, tak jadilah! Yang aku kelakar, student aku semua panggil aku En. Ako Mustapha (alah, yang berlakon iklan McD tu.. boleh mintak kentang goreng sikit?)! Benci betul aku dengan nama tu! Diorang kata muka aku macam dia. Ye ke? Siot ar! Selama sebulan setengah aku dekat Politeknik Ungku Omar, macam-macam perkara yang aku belajar. Masalah senioriti paling meluas sekali. Kadang-kadang tu, aku sampai naik tension nak mengajar. Pensyarah yang sudah lama mengajar di situ, lagi-lagi di Unit Ukur memang berlagak dengan kitorang yang sedang praktikal. Macam kuli dibuatnya kitorang. Aku tengok ramai member-member aku menangis (yang perempuan la). Kesian jugak! Memang bastard orang yang amalkan senioriti ni. Sama macam komuniti DIY kita ni! Ada orang yang claim dirinya old timer! Fuck! Orang macam tulah kita panggil loser! Tidak ada new comer dan juga old timer di dalam komuniti DIY ini! Senioriti tidak pernah wujud! Orang yang mewujudkan senioriti harus dihapuskan! Muahaha... (ketawa jahat!)

Selama sebulan setengah aku kat Perak, aku dah mula jatuh cinta dengan Perak. Banyak tempat-tempat indah untuk dilawati. Bukan macam di Johor Bahru ni, tiada tempat untuk bersantai. Takkan nak bersantai kat City Square pulak! Tak best gitu. Pulak tu, bandar JB ni bukannya bersih dan tenang sangat! Dengan asap kenderaan, bunyi bising dan sampah merata-rata menyakitkan mata memandang. Masa di Perak, aku telah pergi ke sebuah kawasan air terjun iaitu di Ulu Chepor, Chemor. Tempat tersebut memang indah dan tidak ramai yang berkunjung di situ menjadikan kawasan tersebut sentiasa bersih dan tenang. Memang sesuai untuk dijadikan tempat bertenet (tapi jangan buat maksiat pasal orang kampung dekat situ jaga

koleksizine.blogspot.com

Strangedays 'from infinity to oblivion' CD

CD ni aku pinjam dari Din Akar. Dia kata Ibrahim Ganyang yang bagi dan aku meminati CD ini. Strangedays mungkin agak asing bagi mereka yang tidak meminati muzik modern rock. Band dari Malaysia ini memilih style electronica post rock. Mungkin agak janggal bagi mereka yang baru pertama kali mendengar muzik sebegini tetapi kepada sesiapa yang pernah mendengar Space Monkeyz, Lightning Seed, dan Cast mungkin boleh menerima muzik ini. Apa yang menarik di sini, mutu rakaman memang profesional. Dan mereka juga amat berkebolehan bermain alat muzik dan tidak salah jika aku katakan yang mereka boleh menembusi pasaran mainstream. CD ini mengandungi 8 buah lagu termasuk intro dan outro. Lagu-lagu mereka begitu energetik dan membolehkan aku menggerakkan badan aku mengikut alunan muziknya. Terbaik! Aku teringin untuk melihat mereka bermain live tapi tidak kesampaian. Mana taknya, asyik main live kat KL aje dan aku bukannya banyak duit nak turun sana. Kesian aku. Okay la, kepada sesiapa yang bergedil hendak memiliki CD ini, sila hubungi; *(nostrangedays@hotmail.com)*

Strike Back 's/t' kaset

Perghh.. Band dari Indonesia ni memang best! Sebenarnya aku pun tak tahu bagaimana hendak mengklasifikasikan muzik yang dibawa oleh band ini. Old school hc yang ada sedikit touch crust. Mungkin agak sukar untuk menerima muzik sebegini kalau pertama kali mendengar kaset ini. Aku pun macam tu jugak. Tapi bila dah mendengar banyak kali, best pulak. Dengan screaming vokal yang ganas menjadikan lagunya tidak bosan. Kadang-kadang ada macam band Protest (Singapore) la pulak. Yang paling best dan membuatkan aku semangat ialah part sing-a-long! Rasa macam nak melompat dan finger pointing aje. 12 buah lagu yang liriknya menjana minda. Lirik berkaitan perjuangan serta sedikit politikal. Lirik sheet disediakan. Semua lagu dinyanyikan dalam bahasa Inggeris. Best! *(Sound of Anger c/o Jln. Kebun Jeruk Raya, No. 76, Suite #13, Jakarta Barat 11408 Indonesia)*



Stubborn All-Star 'open season' CD

Anda bukan seorang skanker kalau belum dengar band ini. Ska pakcik-pakcik punya. Tradisional ska la. Memang best. Layan kepala siot. Gambar cover depan CD ni, menampilkan 6 orang cowboy, yang kalau sesiapa tak tahu, mesti ingat ini band country. Tapi sebenarnya band ska beb. Skanking aku kat dalam bilik aku sambil mengulas album ini. Diingatkan sekali lagi bahawa, muzik ska yang dimainkan bukan seperti ska punk ala Mighty Mighty Bosstones, Reel Big Fish, Kemuri, Plague of Happiness tapi tradisional ska. Kira ska pakcik-pakcik la. Mungkin ada orang yang susah nak masuk. Tapi kalau setakat nak meriliskan tension atau kepenatan, tak salah kalau layan lagu ni. Ada 12 lagu yang membolehkan anda semua skankin'. Dan lagu yang paling aku minat ialah 'rise to find you'. Satu yang paling menarik ialah line up band ni ramai giler. 11 orang beb. Kalau buat team bola pun boleh. Tapi sememangnya album ini menarik! Skanker out there, you must get this album! Wah.. talking London la..! *(Another Planet Records, 740 Broadway, New York, NY 10003, USA)*

Summer Day In June 's/t' CD

Pertama kali aku mendapat CD ini, aku amat tertarik dengan grafik layout bookletnya. Begitu artistik sekali. Grafik designer dia memang gerek (best!). Sorry la Jimbo, kau kalah time ni. Berbalik kepada SDIJ, pantas, melodic, emosional, jeritan, itulah yang telah dibawa oleh SDIJ. Jika anda pernah (takkan tak pernah?) mendengar Finger Print, mungkin anda dapat gambarkan bagaimana style SDIJ. Mungkin sudah trademark band dari Perancis jika membawa muzik emosional hardcore. SDIJ juga datang dari Perancis dan memeriahkan lagi scene emo hc di sana. SDIJ bukan emo nangis-nangis dan tonggeng-tonggeng punya! 12 buah lagu yang tidak membosankan aku. Tidak lupa juga bahawa vokal SDIJ ialah seorang wanita dan dibantu dengan satu lagi vokal lelaki dan membuatkan muzik mereka begitu energetik sekali. Kepada mat-mat emo di luar sana, anda perlu mendapatkan CD ini. Kepada band-band yang nak bawa cover lagu diorang, anda boleh berbuat demkian kerana lirik disediakan. Lirik yang begitu emo dan personal sekali. Tetapi bukan semua, ada juga lirik yang politikal. Dapatkannya. *(Wee Wee Records, David S., 25 Rue Goundoli, 31240 Saint Jean, France)*

The Subsistence 'catch a dream and shit with it' CD-r

Punk rock untuk awek-awek! Itu sahaja yang boleh aku katakan mengenai band ini. Melodic punk rock yang membolehkan anda semua berjoget mengikut rentak lagu di dalam bilik anda sendiri. Jangan joget depan orang ramai pulak. Malu nanti. Band ini datang dari Singapore dan berjaya menghasilkan kualiti bunyi bagus sekali. Memang memuaskan hati. Aku cukup meminati CD ini dimana ia menampilkan sebanyak 14 buah lagu punk rock yang happy termasuk sebuah lagu cinta melayu. Liriknya, banyak mengisahkan mengenai friendship, cinta dan kekecewaan. Aku rasa band ini banyak dipengaruhi oleh band-band Fat Wreck. Tidak lupa juga, untuk CD ini, ia mengandungi track bonus dari 3 buah band iaitu Take Warning, Blatant Youth dan No Loud Stereo. Cukup menarik! *(Hafiz, Tampines Ave 8, Block 893 #01-46, Singapore 520893)*

The T.V. Dinners 'for the people in Afghanistan..' kaset

Sebenarnya, aku tak sabar-sabar nak review kaset ini. Aku dapat kaset ini dari Jimbo. Tengok cover macam tak best. Tapi Jimbo saiko aku suruh beli. Dia kata band ni best. Aku pun termakanlah pujuk rayu si Jimbo ni. Ternyata band ini best gila! Emotional indie rock dari Jepun. Dengan vokal yang begitu passionate dan penuh emosi membuatkan lagu diorang jadi emo tertonggeng! Dinyanyikan dalam bahasa Jepun. Band ini mengingatkan aku kepada band Rainer Maria (the best!) dan State 20 Route. Vokal yang lebih kurang macam Hour of the Star. Hanya terdapat 2 buah lagu yang boleh membuatkan anda semua tertonggeng kesedihan. Tapi apa yang mengecewakan aku ialah liriknya ditulis dalam bahasa Jepun. Haram sepalah pun aku tak paham! Anyway, cuba dapatkan kaset ini dari Broken Noise Distro atau dari band ini sendiri! Pasti tidak menyesal! *(T.V. Dinner c/o 2-69 Sakuragicho, Oobu-shi, Aichi 474-0044 Japan or tvdinner@hotmail.com)*

V/A Blastnight CD

Pada bulan Mei (2002) yang lalu, seorang budak Jepun yang bernama Masaki (Tribal War Asia) datang ke Johor Bahru dan menetap selama beberapa minggu. Tujuannya datang ke sini ialah untuk membuat sebuah filem pendek mengenai kehidupan 2 remaja yang bermasalah. Pelakonnya ialah anak-anak DIY dari sekitar Johor. Alang-alang dia datang sini, dia bawa banyak stuff terbaru rilisan Tribal War termasuklah CD ini. Jadi dia dengan baik hati telah bagi CD ini secara percuma kepada aku dan rakan-rakan yang lain. Perghh.. memang best CD ini kerana ia menampilkan band-band dari serata dunia. Kebanyakkan band yang terdapat di dalam kompilasi ini ialah band-band hc/crust/grind. Walaupun aku kurang minat dengan muzik yang macamni tapi sekali-sekala layan kepala okay jugak! Antara band yang terdapat dalam CD ini ialah, Power of Idea, Demisor, Unholy Grave, Perpetual, Terkutok, Battle of Disarm, Sound Like Shit, Beyond Description, Terrible Headache, World Downfall, Gate, Zone Defection, Bolt Stein, dan Defect. Sungguh berbaloi kalau beli CD ini. *(Trash Ahoy!, JH549, 825-Ishiwata, Mizuho, Nishitama, Tokyo, 190-1211, Japan)*



V/A Crust Night 2001

Ni satu lagi CD yang aku dapat percuma dari Masaki. CD ni memang rare pasal tokey Tribal War sendiri telah menghadiahkan aku satu lukisan kat sleeve CD. Gambar awek kartun Jepun. Ala yang hidung mancung-mancung tu! Dia lukis sendiri gambar tu! Memang si Masaki ni seorang pelukis la! Dalam CD kompilasi ini, ia hanya menampilkan band-band crust/grind dari Jepun. Band-band yang terdapat dalam CD ini ialah Peaceful Collapes, Reality Crisis, Power of Idea, Battle of Disarm, Age, Crocodileskink, Asbestos, Change, A.A.N.A, Screen Out (favourite aku!), Argue Damnation, Beyond Description, Golcha, Abraham Cross dan Indistinct Unrest. Kepada peminat-peminat muzik sebegini, aku cadangkan korang beli CD ini kerana CD ini memang best. Sampai ada orang sanggup mencuri CD ini. Bayangkan betapa hebatnya CD ini. Tapi kalau nak sangat CD ini, tak payah la sampai nak mencuri. Broken Noise Distro ada jual! Dosa kalau mencuri! *(Tribal War Asia, JH549, 825-Ishiwata, Mizuho, Nishitama, Tokyo, 190-1211, Japan)*

V/A Get thee to a Nunnery CD

Kompilasi yang menampilkan band-band yang yang menarik. Bermacam-macam genre muzik yang ada di dalam kompilasi ini. sebut saja. Trash, ska, grind, punk rock, gothic. Dan banyak lagi. Sound pelik-pelik pun ada. Memang best. Bervariasi la orang tua kata. Cover CD ni jek dah lucah. Menunjukkan seorang paderi wanita mengangkat kain dia. Nampak seluar dalam warna putih! Eeii.. tak malu! Band-band yang terdapat dalam kompilasi ini antaranya 9 Curve, DS 13, The Mormons, The Knock-Up, Black Mass of Absu dan banyak lagi. Band-band yang terdapat di dalam ini datang dari Jepun, Bulgaria, Finland, Sweden dan juga US. Dinlis oleh sebuah label dari Canada iaitu Schizophrenic Records. Dan band yang telah menawan hati aku dalam kompilasi ini ialah DS 13 (macam biasa), Black Mass of Absu, Hyper Hindu Squatters, The Knock-Up dan The Mormons. Memang best! Kalau korang nak tahu lagi mengenai kompilasi ini, ia mengandungi 34 buah lagu dari 12 buah band! Gila la. Tak rugi beb kalau memilikinya sekarang! *(Schizophrenic Records, 50, Fielding Cres, Hamilton, Ontario, Canada L8V2P5)*

kadang membuatkan aku nak berpogo. Hehe.. Lirik, macam biasa la, politikal, personal dan juga mengenai konflik yang melanda. Memang menjana minda remaja. Hehe.. Mungkin kebanyakkan budak punk sekarang susah hendak menerima muzik sebegini. Tapi, belum cuba, belum tahu! Sedikit info mengenai label yang meriliskan CD ini. Label yang meriliskan CD ini ialah Taang! Records. Dan untuk pengetahuan kalian semua, tokey Positive Tone (yang meriliskan OAG, NiceStupidPlayground) pernah bekerja dengan label ini. Kelakar tak? Kalau kelakar, tolong la ketawa! Cuba dapatkan CD ini (kalau ada lagi!) di; *(Taang! Records, P.O. Box 51, Auburndale, MA 02166, USA)*

Putrid Scum 's/t' CD

Psychosexualcyberspacefuckgrindsplatterdeathcore. Itulah yang tertulis pada sleeve CD ini. Betul ke band ni main macam ni? Pada aku diorang main goregrind. Grind ni pegang kapak punya line! Bunuh-bunuh menjadi perkara biasa. Lagu yang membolehkan kepala anda pecah dan telinga anda mengeluarkan cecair ungu. Ish.. geli siak. Jika anda memiliki CD ini, jangan pasangkannya terlalu kuat kerana ia boleh membuatkan mak bapak serta jiran anda mengamuk! Terdapat 19 buah lagu yang laju-laju serta ganas-ganas. Lirik ada unsur-unsur porn. Suara vokalisnya seperti memasukkan mic ke dalam mulut anda. Tak pun seperti dibenam dalam lumpur! Memang best! *(Maaf tiada alamat)*

R. U. Sucks 'we're the crew' kaset

Sebuah lagi band melodic old school hardcore yang datang dari Indonesia. Sama seperti Dead Pits cuma suara vokalnya lebih melodic sedikit. Band ini lebih berentak punk rock. Mungkin ini adalah influence terbesar Nostalgia (band dari Malaysia). Dah nama old school hc, pasti ada part sing-a-long yang banyak dan bertenaga. Memberi semangat kepada aku untuk finger ponting dan melompat! Cukup menarik sekali. 12 buah lagu telah dimuatkan di dalam album ini. 2 buah lagu di dalam bahasa ibunda mereka dan selebihnya dalam bahasa inggers. Kualiti rakaman dan bunyi yang begitu berkualiti dan setaraf dengan band-band dari Europe. Tidak lupa juga bahawa rilis ini adalah lebih baik daripada rilis sebelumnya iaitu split bersama Looserz. Old school freaks out there, get this tape! *(Rebel Records c/o Jl. Swadaya No 33, RT 003. RW 04, Larangan Indah, Ciledug – 15154, Indonesia)*

Racebannon/Mara 'Akate split 6"

Pergh.. memang ganas split ni. Kedua-dua band ini memilih chaotic hc untuk didendangkan. Racebannon hanya menyampaikan sebuah lagu yang begitu chaotic dengan vokal yang begitu menyayat hati. Memang susah nak masuk ketika pertama kali aku dengar split ini. Muzik yang agak teknikal dengan tempo yang sentiasa berubah-ubah. Begitu pandai sekali mereka menggubah lagu. Mara 'Akate pula lebih menarik. Aku rasa Mara 'Akate telah berjaya mencuri hati aku di dalam split ni. 3 lagu telah disampaikan oleh band ini. Lirik kedua-dua band ini pada aku agak personal dan mempunyai maksud yang mendalam. Memang menarik. Satu lagi yang best tentang split ini ialah, packingnya yang unik. Peminat chaotic atau kepada sesiapa yang ingin mencuba sesuatu yang berlainan perlu memiliki split ini. *(The Electric Human Project, 500 South Union Street, Wilmington, DE 19805 USA)*

Rai Ko Ris 's/t' CD-r

Band dari Nepal yang baru sahaja menghabiskan tournya di Malaysia pada bulan Mac 2002. Sebuah band punk rock yang datang dari negara dunia ketiga. Tak sangka bahawa Nepal mempunyai sebuah band punk yang menarik. Adakalanya terdapat rentak yang melodic serta membuatkan aku terjoget riang. Line up terdiri daripada 2 orang lelaki dan seorang gadis. Dan yang paling menarik sekali ialah, ketiga-tiganya menyanyi sekali. Best siot. Lirik yang politikal membuatkan kita semua sedar dari lamunan mimpi indah. Untuk pengetahuan semua pembaca, CD ini memang DIY gila babi. Cover photostat dan bertulisan tangan sekali. Tapi ia memang tidak mengecewakan kerana kualiti bunyinya lebih baik daripada sesetengah band di Malaysia. Walaupun ianya dirakam menggunakan Digital Mini Disc, tapi ia memang memuaskan. Sound yang clear dan padat. Kesimpulannya, kualiti bunyinya memang baik dan tidak mengecewakan kalian semua. Terdapat 13 buah lagu dan juga 3 buah lagu bonus dari band Guy Goru yang juga datang dari Nepal. Mereka menyanyikan kebanyakkan lagu dengan menggunakan bahasa kebangsaan mereka dan ada juga dalam bahasa inggeris. Jangan takut, lirik disediakan! Terjemahan sekali. Memang anda akan faham dengan apa yang mereka nyanyikan. *(raikoris@mail.com.np)*

Recover 'won't fade away' CD

Yang ditunggu-tunggu telah tiba. Flyer CD ni memang best. Anda patut memilikinya. Keras dan berkilat beb! Kalah flyers luar negara. Dirilis di bawah label One Voice Records dari Singapura. Kalau sesiapa yang tidak mengetahui mengenai band ini, ini ada sedikit info mengenai Recover. *Recover plays metallic old school hardcore with influences from Strife, Bold, and also Judge. Powerful screaming vocals with metallic guitar riffs and singalongs (di ambil dan flyersnya).* Jadi anda mungkin dapat mengetahui sedikit mengenai band ini. Rilisan yang terbaik. Setelah lama wujud dalam scene hc di Kota Singa, baru kali ini ia muncul dengan full length. Selain rilisan ini, Recover pernah muncul di dalam album kompilasi 'A New Hope' pada sekitar tahun 1996. Cukup lama menyepikan diri. Mula-mula aku ingat band ni sudah berkubur. Tetapi aku silap. Muncul dengan kejutan! Kualiti bunyi yang begitu baik. Membuatkan aku hendak sing-a-long bersama sama. Tidak lupa juga melompat dan finger pointing. Itu perkara wajib bila dengar muzik old school hc. He.. he.. he.. Terdapat 12 buah lagu yang boleh memecahkan gegendang telinga bayi! Dapatkan sekarang. *(One Voice Records, Robinson Road Post Office, P.O. Box 1610, Singapore 903210)*

Sanktio 'Ei Toimi Enää' CDEP

Melodic punk rock lagi! Mesti kalian bosan baca ulasan muzik ni sebab, banyak sangat stuff punk rock. Ntah la aku pun tak tahu pasal apa. Mungkin aku suka layan punk rock tak. Hmm.. datang dari Finland aku rasa. Memang melodic lagu diorang dan kadang-kadang aku boleh menyanyi bersama-sama. Tapi apa yang mengecewakan aku ialah, semua liriknya dalam bahasa mereka. Aku tak faham langsung. Apa yang boleh aku sebut, aku sebut. Hehe.. lirik pun tiada terjemahan dan aku tidak tahu mereka menyanyikan lagu mengenai apa. Cuma muzik mereka memang bagus. Tidak membosankan. CD ini pernah menjadi playlist aku selama 2 minggu! Cuma yang mengecewakan aku ialah hanya terdapat 6 buah lagu sahaja. Tak puas nak joget. Baru nak start joget, dah habis! Suara vocalnya yang begitu emosional memang kena dengan rentak lagu mereka. Anda patut mendapatkan CD ini. Maaf, aku tak dapat sertakan alamat untuk dihubungi kerana cetakan alamatnya tidak begitu jelas. *(Rangaistus Records or http://listen.to/ sanktio)*

Schema 'sooner than you think' CD

Emo rock? Indie emo? Aku pun tak tahu tapi yang aku tahu band ni main rockish emo ala Bob Tilton, Mineral dan SunnyDayRealEstate (agaknya!). Sound yang melancholy. Jika anda baru sahaja putus cinta, aku rasa baik layan CD ni sebab ia membolehkan anda semua melalak. He.. he.. he.. Band dari Leicester ini berjaya membawa rentak muzik mereka dengan berkesan sekali. Melodic serta vokal yang begitu emosional sekali. Tidak salah jika sekali sekala, melayan muzik emo. Janganlah tepu sangat sampai nak fuck emo! Everybody has a little bit emo inside. Jangan jadi hipokrit. CD ini mengandungi 15 lagu baru serta dari 7" mereka rilisan Subjugation Records dan dari demo mereka. Terdapat juga booklet setebal 20 muka surat yang mengandungi artwork serta liriknya. Memang menarik serta menjadi playlist band emo aku sampai sekarang. Dapatkannya tidak kira mencuri atau meminjamnya dari kawan-kawan. Tapi kalau dah pinjam, sila pulangkan balik. *(Armed With Anger Records, P.O. Box 487, Bradford, BD2 4YU, UK)*

Secretos Del Corazon 'des fois il faut que j'y pense..' CD

Sebuah band emo hardcore yang datang dari Perancis. Anda pasti dapat membayangkan bagaimana muzik emo dari Perancis. Pasti trademarknya seperti Finger Print. Cuma aku rasa SDC mempunyai identitinya yang sendiri. Vokalnya tidak terlalu menjerit seperti Finger Print tetap aku rasa seperti Grade cuma garau sedikit. Kadang-kala seperti Led by Regret pula. Dengan tempo yang sentiasa berubah-ubah membuatkan aku tidak bosan mendengarnya berkali-kali. Muzik yang diiringi dengan melodic gitar, jeritan emo yang penuh perasaan kadang-kadang membuatkan perasaan aku tersentuh. Begitu bagus sekali hasil kerjanya. Di dalam CD ini terdapat 5 buah lagu yang begitu melodic dan emosional dengan lirik dalam bahasa Perancis dan juga Jerman. Band ini dianggotai oleh anak-anak dari Jerman dan juga Perancis. Tetapi terdapat juga terjemahan di dalam bahasa Inggeris. Lirik yang berkaitan dengan kehidupan personal dan juga konflik diri. Begitu menyentuh hati! Satu rilisan yang hebat! *(Get Up & Go! c/o Nanouk de Meijere, Schwarzenbach 2, 76596 Forbach, Germany)*

Serpico 'heros of the bomb scare' 7"

Melodic pop punk yang akan membuatkan anda semua berasa gembira. 4 buah lagu baru yang lebih ganas dan emosional dan juga masih melodic dan punk tepu. Hehe.. Ketika pertama kali aku mendengar album ini, aku kurang meminatnya dan ianya terperuk di rak aku selama beberapa bulan dan apabila aku mendengarnya semula, aku terus jatuh cinta dengan band ini. 4 buah lagu yang begitu emosional dan juga begitu personal. Arghh... aku dah tahu nak cakap apa lagi. Mungkin album ini sudah agak lama tapi cuba dapatkan. Mungkin anda semua akan menggemarinya. *(Day After Records c/o Horská 20, 352 A8 Czech Republic)*

Social Crime 'statement of outrage' CD

Ha.. CD ni aku dapat free masa Masaki datang sini. Baik hati sungguh Masaki! Memang memeranjatkan kerana cover dia saiz cover LP. Besar gila. Tapi kat dalam hanya CD sahaja. Crust punk tak ingat punya. Dengan suara yang raw dan drum yang laju. Fuh.. best juga. Tapi bukan style yang aku minat. Anyway, aku tetap nak review juga. Band ini baru sahaja menghabiskan tournya di Johor Bahru pada bulan September (2002) yang lalu bersama sebuah lagi band dari Jepun iaitu It's You. Nama emo habis! Diorang ni memang friendly. Best la nak bergaul dengan diorang. Semasa tournya di JB, Social Crime hadir dengan line up yang berbeza dengan album ini. Dianggotai dengan gitaris dan drummer baru. Cuma yang tak best, drummer dia berlagak nak mampus dan menguluk anak-anak punk di sini. Dan aku dengar memang Naoki nak buang mamat tu! Padan muka! Pepehal, Naoki memang best! Peramah walaupun kurang fasih berbahasa Inggeris. Untuk album ini, sebanyak 18 buah lagu disertakan. Lirik yang politikal berkaitan dengan situasi politikal di Jepun. Anda patut memiliki CD ini. Pasti tidak menyesal! *(Tribal War Asia, JH549, 825-Ishiwata, Mizuho, Nishitama, Tokyo, 190-1211, Japan)*

Straight Answer 'stragiht answer is your friend' kaset

Sebuah lagi band old school hardcore dari Indonesia. Kali ini Straight Answer menunjukkan kehebatannya. Seperti band Chain of Strenght, Bold, dan Gorilla Biscuits. Sebanyak 13 buah lagu telah disertakan dalam kaset ini. Lirik yang berkaitan dengan friendship, unity, DIY, serta kekecewaan. Begitu menjana minda sekali. Aku paling suka lirik mengenai kenaikan gaji guru di Indonesia. Memang emo lirik dia! Hehe... Lirik disediakan dan yang paling menarik sekali terdapat juga terjemahannya dalam bahasa Inggeris. Itulah perkara yang patut dilakukan oleh setiap band yang menggunakan bahasa ibunda di dalam liriknya agar kesemua pihak memahami apa yang ingin disampaikan oleh kita. Jadi contohi band Straight Answer ini. Okay la, dapatkan kaset ini segera! *(Movement Records c/o P.O. Box 6371, JKSGU/12063 Jakarta, Indonesia)*

kawasan ni) atau tempat untuk menenangkan fikiran yang kusut. Aku pergi berkelah di sana bersama kawan-kawan yang sama-sama praktikal di PUO. Iaitu Din, Rahman, Arman, Shah, Azhar, Che Mud, Wan Dugong, Achik, Choi, Lotfi, Nory, Imah, Maizan, Shasha dan Sue. Memang best time tu! Happy aje! Time tu semua konflik dan masalah dibuang jauh-jauh! Satu lagi tempat yang menarik telah aku kunjung di sana ialah di Gua Kek Lok Toong, Gunung Rapat. Gua ni berdekatan dengan rumah sewa aku dan kami sentiasa pergi ke sana di sebelah petang untuk beriadah. Main bola dan juga berjogging. Apa yang menarik mengenai gua ini ialah kawasan beriadahnya terletak di kawasan lembah yang dikelilingi oleh bukit batu kapur. Apabila anda memasuki gua ini, anda akan melihat patung-patung buddha dan anda memerlukan lebih kurang 5 minit untuk sampai ke pintu gua yang satu lagi. Bila sampai ke pintu gua satu lagi, anda pasti akan terpegun seketika melihat keindahan lembah di dalam gua itu! Kawasan yang redup dan dingin tu membuatkan aku terasa lebih mensyukuri nikmat alam yang telah diberikan oleh tuhan. Ia mengingatkan aku juga terhadap kemusnahan yang telah dilakukan oleh kita sendiri. Tanpa menghormati hak flora dan fauna untuk hidup. Kita dengan egonya memusnahkan alam sekitar untuk kepentingan teknologi kita! Shit!! Kadang-kadang tanpa kita sedari, kita telah mencemarkan alam sekitar kita sendiri. Macam kita makan gula-gula, dengan selambanya, kita buang sampulnya bersepah-sepah! Itukan mencemarkan. Argghh.... Berbalik kepada cerita tadi. Jadi tiap-tiap petang, kami akan berjogging di situ dan juga bermain bola ala-ala kampung punya. Main curik ayam pun ada! Hehe.. Lagi satu yang best, ramai awek jogging kat situ. Sambil bersenam boleh cuci mata sekali! Macam pepatah orang tua, sambil menyelam, telan seteguk dua air! Satu lagi tempat rekreasi yang kami telah pergi ialah di Padang Polo, Ipoh. Padang ni mendapat nama kerana sebelum ini, padang ini menjadi tempat orang-orang kaya bermain sukan polo. Kini, padang ini menjadi tempat orang berjogging dan juga bertenet. Dua tiga kali anak murid aku kantol bertenet dengan aku. Tapi aku cover line diorang. Buat apa nak marah-marah. Kita pun sama jugak dengan diorang. Memang besar padang ni, dan kepada sesiapa yang stamina tak kuat memang perit la nak jogging. Macam aku, pancit beb! Hisap rokok banyak sangat. Apa yang menarik di sini ialah, awek memang ramai tak ingat. Fuiyoo.. kiri kanan awek! Aku jogging pun sambil kontrol hensem. Tapi hampoh, sorang awek pun tak lekat! Pergh.. aku duduk Perak memang fit badan aku. Mana taknya, tiap-tiap petang beriadah! Balik JB jek terus tak sihat. Nak beriadah, takde kawan! Bosan betul! Semua tahu nak lepak kat City Square aje! Takkan aku nak berjogging sorang-sorang. Tak best la! Kalau kalian nak tahu, aku ni suka pergi tempat-tempat yang tenang dan sunyi! Hehe.. bukan sunyi sebab nak ehem.. ehem..! Masa aku di Perak, member-member serumah aku ni semua kaki bola. Aku pun kaki bola juga tapi Liga Malaysia aku tak layan sangat. Mengantuk tengok diorang main. Slow gila babeng. Aku pun tak tahu apasal. Kalau kita tengok Liga Perdana Inggeris, best pula. 90 minit macam 9 minit aje. Tapi tengok kat Malaysia 90 minit macam 9 jam. Bosan gila. Tapi bila aku dah sampai Perak, tiap-tiap minggu aku gi Stadium Perak, Ipoh. Dah layan kepala budak-budak ni. Takkan nak tinggal sesorang kat rumah. Lagi bosan. Terpaksa jadi penyokong Perak slot. Karang tak pasal-pasal aku kena pukul. Padahal aku time tu sokong Johor FC. Bila dah ada kat stadium, rasa seronok pula tengok bola. Pasukan Perak memang main bagus aku rasa. Anyway, aku tertinggal satu macth aje iaitu perlawanan di antara Perak dengan Johor FC yang disudahi dengan kemenangan berpihak kepada Perak. Menang tipis jek tu. Lagipun main kat tempat sendiri. Boleh la! Johor FC pun menang dengan Perak masa main kat Johor! Masa aku di Perak juga, aku pergi ke Kuala Kangsar. Bandar DiRaja beb! Kat situ member aku yang jadi tourists guide. Dia tinggal dekat Karai. Tak silap aku lebih kurang 10 kilometer dari bandar Kuala Kangsar. Kat sana aku pergi melawat Istana Kenangan. Istana yang dibuat tanpa paku. Tapi bila aku masuk, aku check lantai dia, ada paku jugak. Aku agak mesti kena tipu punya. Kata takde paku tapi kat lantai ada paku. Rupa-rupanya, paku tu diletakkan semasa proses baik pulih. Istana ni sekarang dah jadi muzium jadi semakin ramai orang datang dan mungkin tidak dapat menampung beban orang yang nak ke istana tersebut. Jadi sebab itulah dia letak paku supaya dapat menampung beban orang ramai. Setelah melawat Istana Kenangan, dapatlah aku tahu serba sedikit tentang sejarah Kesultanan Perak. Prosos pertahalan, pakaian DiRaja, serta susur galur Kesultanan Diraja Perak, semua aku tahu serba sedikit. Best juga dapat tahu serba sedikit pasal sejarah ni. Lepas melawat Istana Kenangan, kami semua pergi membeli-belah di sebelah Sungai Perak. Dekat situ banyak menjual barang-barang cenderamata seperti Labu Sayong. Orang kata, labu sayong ni kalau nak lawa kena letak air di dalamnya agar dia nampak berkilat. Memang betul pun. Lawa beb. Pulak tu, air kat dalam tu, kalau diminum memang sejuk. Tak payah masuk dalam peti sejuk. Jadi, aku pun ambil kesempatan untuk membeli sebiji Labu Sayong untuk mak aku. Lagi satu, dekat situ banyak kedai jual laksa. Memang glamer laksa kat situ. Aku pun sempat menjamah sikit. Memang sedap. Cendol pulut dekat situ pun sedap. Saja je nak hitangkan dahaga. Kesimpulan yang aku dapat, memang aku suka negeri Perak!

Semasa tinggal di Perak juga, kami mengambil kesempatan untuk pergi ke Padang Besar di Perlis. Ketika tu, Perak diberi cuti 3 hari. Hari Jumaat, Sabtu dan Ahad. Jadi kami mengambil keputusan untuk pergi ke Penang, Kedah, dan Perlis. Saja melawat. Ni semua idea si Rahman yang nak sangat jumpa awek dia yang sedang praktikal di Kedah. Jadi kami soramai 9 orang memulakan perjalanan yang mencabar ke Penang. Yang pergi dalam ekspedisi kali ni ialah aku, Din, Rahman, Shah, Achik, Imah, Maizan, Shasha dan Sue. Kitorang pergi dengan menaiki sebuah kereta dan diiringi dengan 3 biji motosikal. 2 biji Honda EX5 bikin dan sebji Modenas Kriss bukak kolak angin. Semua 4 lejang punya motor. Kotak angin dah buka dengan tukar spoket kecik. Ishh.. apa aku melalut ni. Kami bertolak pada hari Khamis petang selepas habis waktu mengajar. Mereka yang menaiki motosikal iaitu Din, Rahman, Achik dan Shah bertolak dahulu pada pukul 5.30 petang. Manakala yang menaiki kereta bertolak kemudian pada pukul 6.30 petang. Perjalanan kami sedikit terganggu kerana pada waktu itu, hujan turun dengan selebat-lebatnya. Mereka yang menaiki motosikal habis basah. Aku pula yang menaiki kereta bersama awek-awek manis pun terpaksa berhati-hati kerana hujan menyebabkan pandangan kabur. Kami telah berjanji untuk berjumpa di perhentian R&R Sungai Siput, Perak untuk bersembahyang Maghrib dan makan malam. Selepas itu kami menyambung perjalanan semula dan berjanji untuk berjumpa di Plaza Tol Juru, Penang. Lebih kurang pukul 10 malam kami sampai di plaza tol tersebut. Lebih kurang setengah jam kemudian, mereka yang menaiki motosikal tidak tiba-tiba. la berlanjutan sehingga satu jam setengah. Kami dah mula risau. Biasalah, kalau ada perempuan, mereka yang risau lebih. Mana taknya, abang-abang hensem tak sampai-sampai lagi. Hehe.. Aku pun dah tak sedap hati. Bila call handset diorang tak dapat-dapat. Tak lama lepas tu, diorang pun sampai. Rupa-rupanya, tayar motosikal Rahman pancit. Nasib baik mereka ada bawa spare-part seperti pam, tiub dan spanar. Lepas itu kami bermalam di rumah kawan-kawan yang praktikal di Penang. Kitorang bermalam di Kubang Semang. Kawan-kawan di sana ajak keluar makan tapi aku dah pancit, so aku bantai tidur jek la. Penat beb layan karenah awek-awek dalam kereta. Hehe.. jangan pikir lain aa...! Seawal pagi esoknya, kami semua bertolak ke Kedah. Perjalanan kali ini mengambil masa yang agak panjang kerana kami bertolak ketika matahari sedang naik. Lagipun tayar motosikal Rahman masih ada problem. Kami tidak sempat pergi ke kedai motor kerana kebanyakan kedai tutup. Biasa la, hari cuti. Jadi kami sentiasa mengekori rapat di belakang mereka yang menaiki motosikal. Cheh, macam lumba motor jek! Ya la, senang kalau apa-apa terjadi pada diorang. Bila dalam kereta, macam-macam kerenah budak-budak perempuan ni. Baru aku tahu perangai diorang ni. Ada yang kuat tidur. Ada yang kuat membebel. Ada yang suka menyanyi. Hmm.. penat melayan diorang ni. Lepas tu, kami mengambil keputusan untuk berhenti rehat di kawasan R&R Gurun untuk sarapan. Lapar tu, keluar pagi-pagi tak makan apa-apa. Aku pun sarapan asap rokok je sebelum bertolak dari Penang. Semasa berhenti di Gurun, kami juga terserempak dengan satu konvoi kereta mini. Sempat jugalah, kitorang berborak dan bergambar dengan diorang. Diorang cakap, mereka on the way ke Jitra, Kedah! Eh, sama la dengan kitorang. Lepas makan sarapan, kami menyambung perjalanan kami ke Jitra. Perghh.. memang lawa pemandangan sepanjang lebuhraya yang kami lalui. Sebenarnya, ini kali pertama aku jejak kaki ke Kedah. Jadi jakun sikit la. Aku suka tengok sawah padi yang terbentang luas. Terasa damai di hati ini. Pulak tu, terdapat sebuah rumah di tengah-tengah sawah padi tu. Best la! Cuma yang tak best pada aku ialah cuaca yang amat panas. Aku ni kurang tahan dengan cuaca panas. Nanti kepala aku pening. Kira, macam tak lasak gitu! Di Kedah ni, angin dia kuat tapi angin bahang la. Fuhh.. time tu, air sejuk la yang jadi penawar aku. Akhirnya dalam pukul 11.30 pagi, kitorang sampai di Jitra. Masa tu, kawan aku yang bernama Lotfi dah tunggu di tepi lebuhraya. Dia ni pakwe si Imah. Biasa la, sebelum sampai, si Imah dah call abang sayang dia ni. Di Jitra, kami tinggal di Desa Siswa UUM bersama-sama rakan yang praktikal di Poli Kedah. Memang besar rumah sewa diorang ni. Selesa juga. Sampai-sampai jek, aku terus landing kepala aku kat katil rumah diorang. Semua sekali tidur. Penat beb perjalanan tadi! Sembahyang Jumaat aku tuang (ponteng)! Tapi takpe pasal kitorang musafir. Lebih 2 marhalah ape! Hehe.. alasan orang malas gi sembahyang Jumaat!

Lepas sembahyang Jumaat (macam aku pergi sembahyang Jumaat aje!), kami bertolak ke Padang Besar, Perlis. Perjalanan mengambil masa lebih kurang 1 jam setengah dengan menaiki motosikal. Kali ini Lotfi menjadi jurupandu kami. Ye la, kebanyakkan dari kitorang belum pernah ke Padang Besar. Perjalanan ke Padang Besar akan melalui ladang tebu di Felda Chuping. Amat cantik sekali pemandangan di sana jika anda berada di kawasan tanah tinggi. Sempat jugalah aku mengabdikan kenangan di sana dengan bergambar dengan kawan-kawan. Kalau korang nak tahu, dekat sini la pengambaran filem KL Menjerit dijalankan. Lebih kurang pukul 4 petang, kami sampai di Padang Besar. Uih.. dekat benar dengan sempadan Thailand. Sedang tepak-tepak, kami di datangi oleh seorang lelaki Thai yang menawarkan khidmat seks perempuan Thailand. Kira, mamat ni bapak ayam la. Ahh... malas aku nak layan bapak ayam ni. Mengeksplotasikan kaum wanita untuk kepuasan lelaki. Bullshit! So, kami pun cepat-cepat ke kompleks beli-belah Padang Besar. Perghh.. rambang mata siot tengok jersi ciplak. Banyak gila. Dah la aku ni hantu bola. Yang bestnya beli dekat sini, barang-barang ciplak dia nampak macam yang original. Seperti Nike, Adidas dan banyak lagi barang-barang multinasional yang lain. Buat apa nak beli yang original kalau, yang ciplak punya lebih kurang aje. Betul tak? Cuma yang tak bestnya kat sini ialah, peniaganya mengamalkan diskriminasi. Nak dapat murah, kena pandai cakap utara. Aku ni dah la hampeh nak speaking utara, jadi aku suruh si Lotfi ni jadi jurucakap aku. Dapat aku beli murah. Jadi, pesan aku kepada sesiapa yang nak pergi ke Padang Besar, bawalah teman anda yang pandai speaking utara. Kalau tidak memang kena tipu. Di Padang Besar aku sempat membeli sehelai jersi pasukan England yang berharga RM15, kerongsang untuk mak aku, sebatang pen untuk bapa aku dan jam dinding Man. United untuk adik aku. Tapi aku tak belikan apa-apa untuk awek aku. Hehe... Pejalanan pulang ke Jitra, kami terpaksa menempuh hujan. Habis basah kuyup aku. Menggigil-gigil aku kat atas motor. Hujan lebat tak ingat punya.

Keesokan harinya, kami bercadang untuk ke Perlis lagi. Kali ini kami bercadang untuk ke Gua Kalam dan juga Taman Ular, Sungai Batu Pahat. Kami memulakan perjalanan pada pukul 10 pagi dan pada masa tu, matahari dah nak naik ke

atas kepala. Panasnya, hanya tuhan yang tahu! Lokasi pertama kami ialah rumah seorang teman di Arau, Perlis. Kawan kami ni namanya Miza. Awek manis beb! Muka macam Kartini. Alah, yang dalam majalah Ujang tu! Muka bujur sirih dan senyuman yang ayu. Tapi dia dah bertunang. Melepas la korang! Kalau tidak boleh aku rekemenkan! Hehe.. Kali ini, Miza akan jadi jurupandu kitorang. Kat depan rumah Miza ada pokok ceri. 2 batang tu. Aku ni dah lama tak makan buah ceri. So, turun dari kereta je, aku terus ke pokok ceri depan rumah dia. Best pulak. Teringat kenangan masa aku kecik-kecik dulu. Kat rumah atuk aku ada pokok ceri juga. Kat situlah, aku dan sepupu-sepupu aku memanjat pokok ceri dan makan buah ceri sepuas-puasnya. Kira, kitorang jadikan markas kat pokok ceri tu! Markas penjahat Jln. Temenggong Ahmad, Muar! Hehe.. Selepas makan tengah hari di rumah Miza, kami terus ke Gua Kelam. Fuhh.. best gila Gua Kelam. Redup dan sejuk! Pulak tu, kita kena lalui jambatan gantung di dalam gua tersebut. Jauh juga perjalanan di dalam Gua Kelam. Sejuk beb! Lama juga kitorang menghayati keindahan Gua Kelam. Tapi yang tak bestnya, nak masuk ke dalam Gua Kelam kena bayar RM1. Kena bayar juga! Bosan sey.. Lepas tu, kami ke Taman Ular. Ish.. banyak gila ular kat sana. Ye la, dah nama pun taman ular, takkan sikit pula ular kat situ. Apalah bengong aku ni! Dapat jugalah, aku mengenal spesis-spesis ular yang berbisa dan tak berbisa. Tapi yang bosannya kat situ, banyak sangat ular tedung. Asyik-asyik ular tedung. Aku nak tengok ular orok-orok, tapi hampeh takde pun! Tapi ada ular sawa yang besar gila babeng! Cuak juga aku kalau dia belit aku! Mampus kat situ juga. Nak masuk dalam taman ular pun kena bayar jugak. RM3 tu. Hmm.. nak buat camne, dah teringin nak masuk! Bayar aje la! So, dah puas meronda, kami pun pulang ke markas kami di Jitra. Malam tu, kami kena tidur awal sebab esok pagi nak kena bertolak pulang ke Perak.

Perjalanan pulang kali ini amat mencabar kerana dari Kedah, kami akan terus pulang ke Perak. Masa perjalanan pergi, kami bermalam di Penang tapi tidak untuk kali ini. Perjalanan dimulakan pada pukul 8 pagi lagi. Seperti biasa, sebelum bertolak, kitorang bermaaf-maafan dan mengucapkan selamat tinggal kepada rakan-rakan di Jitra. Sedih aku time tu. Ye la, lepas ni, dah tak boleh jumpa lagi kerana kebanyakkan dari kitorang sudah tamat belajar dan susah nak berjumpa lagi. Ye la, masing-masing duduk jauh di sekitar Malaysia. So, biasalah, setiap pertemuan pasti berakhir dengan perpisahan. Hanya kenangan indah yang jadi hadiah. Selepas ini, masing-masing akan memulakan hidup baru yang penuh cabaran dan dugaan. Semoga berjaya teman! Kami selamat tiba di Perak pada pukul 6 petang. Fuh.. penat gila. Memang sedih bila nak tinggalkan Kedah yang indah tu dan kawan-kawan di sana! Dalam perjalanan pulang, motoskal Shah mengalami masalah pula. Bearing tayar depan hancur! Terpaksalah, kitorang berjalan dengan perlahan. Aku yang menaik kereta terpaksa mengekori mereka untuk mengelakkan berlakunya apa-apa yang tidak diingini. Jadi kami terpaksa singgah ke Alor Pongsu, Perak untuk ke kedai motor. Alang-alang dah sampai ke Alor Pongsu, kitorang pun bercadang untuk singgah di rumah Maizan untuk makan tengah hari. Fuh.. aku yang tengah lapar ni, bantai 3 pinggan nasi. Terperanjat beruk semua orang. Lepas tu, mak si Maizan ni panggil aku 'Tembam'. Segan aku! Dah kenyang, kitorang singgah di rumah atuk Sue yang berada di Bagan Serai. Kat sana kitorang makan laksa Penang pulak. Fuh.. memang kenyang aku time tu. Asyik makan aje. Rumah atuk Sue ni cantik pemandangannya. Belakang rumahnya ada sawah padi dan tali air. Lepas makan, aku pun berehat d atas titi tali air sambil menghisap rokok. Fuhh.. nikmatnya. Terasa macam dalam filem Soal Hati pula. Dengan Erra Fazira kat sebelah aku! Aduih.. romantik betul! Tiba-tiba, aku rasa titi tu beroyang. Rupa-rupanya, budak-budak ni mengacau aku berangan dengan Erra Fazira pulak! Kacau betul la beruk-beruk ni! Hehe.. Bila dah kenyang, kami pun bertolak ke Ipoh dan selamat sampai pada pukul 6 petang. Masa inilah, aku dapat rasakan semangat persahabatan yang begitu kukuh sekali. Tak penah aku rasa best macam ni. Jika ada masalah, sama-sama kita hadapi. Sebenarnya, banyak lagi masalah dan cabaran yang kitorang hadapi semasa ekspedisi kami ke Utara, tapi aku rasa tak perlulah aku bercerita panjang kerana anda semua pasti bosan! Tapi cabaran inilah yang mengukuhkan tali persahabatan kami semua! Kepada kawan-kawan aku yang turut serta dalam ekspedisi kali ini (Din, Rahman, Shah, Achik, Imah, Maizan, Shasha dan Sue), aku tidak akan lupakan kenangan indah bersama kamu semua! Akan aku simpan menjadi khazanah yang susah untuk aku cari ganti!

Hmm.. dah la. Kita cerita yang emo sikit la! L Tahun ini (2002) banyak kenangan pahit yang berlaku berbanding dengan kenangan manis. Kenangan manisnya sikit aje. Boleh dkira dengan jari tangan sahaja. Jari kaki tak payah! Tahun ini jugalah, ramai orang yang aku sayang meninggal dunia. Antaranya ialah Tok Ngah dan Tok Usu aku. Dan yang paling menyedihkan sekali ialah atuk aku sendri telah pergi selama-lamanya.L Tuhan lebih menyanyangi mereka. Aku pasrah. Sekarang aku nak cerita tentang atuk aku. Kitorang sebagai cucu lebih senang memanggil beliau dengan panggilan 'atukyah'. Lebih mesra macam tu. Aku amat mengagumi perwatakan atukyah. Mana taknya, atukyah merupakan orang yang tegas dalam segala keputusan. Dengan cucu pun dia tegas. Kadang-kadang aku pun takut dengan atukyah. Tapi setegas-tegas atukyah pun, masih terselit perasaan kasih sayangnya. Aku masih ingat lagi satu perstiwa di mana salah seorang sepupu aku bermain bunga api dan ketika itu di sebelah rumah atukyah terdapat sebendang tanah lapang yang dipenuhi dengan lalang. Sedang bergembira bermain bunga api, tiba-tiba sepupu aku membaling bunga api yang sedang dia main ke dalam semak dan mengakibatkan kebakaran besar. Fuh.. time tu, bomba pun datang. Atukyah dah bising. Dia membebel aje. Sejak dari hari itu, atukyah melarang semua cucunya bermain mercun dan bunga api. Siap la siapa yang main bunga api, memang kena hambat dengan atukyah. Sampai sekarang memang kitorang tak main mercun dan bunga api. Betapa tegasnya pendirian atukyah. Kadang-kadang aku menyirap juga dengan perangai atukyah yang garang semacam. Tapi sebenarnya atukyah berbuat demikian kerana hendak mendidik cucunya. Pergh.. baru aku dapat tangkap kenapa dia selalu tegas. Satu lagi sikap atukyah yang aku kagumi ialah, dia mengambil berat tentang pendidikan cucunya. Bila di kampung, dia asyik bertanya mengenai pelajaran cucu-cucunya. Aku masih ingat lagi, ketika aku berjaya mendapat 6A dalam PMR dahulu. Atuykyah dengan murah hati memberi aku RM60 sebagai ganjaran. Inilah salah satu sikap atukyah. Kalau ada cucu-cucunya yang mendapat A dalam peperiksaan UPSR, PMR ataupun SPM, dia akan bagi duit sebagai ganjaran. Satu A, RM10. Dengan inilah, ia memberikan motivasi kepada cucu-cucu yang lain agar mengikut jejak langkah abang saudara mereka. Yelah, bila dah tengok abang saudara mereka dapat duit sebab berjaya dalam peperiksaan, jadi mereka bertekad untuk mengikut jejak langkah mereka. Atukyah memang tak kedekut duit. Aku masih ingat lagi, masa tu aku masih sekolah rendah. Atukyah dengan nenek aku berniaga kuih apam. Kuih apam ini akan dihantar ke kedai-kedai mamak pada sebelah pagi. Dan pada sebelah petang aku akan ikut atukyah dengan menaiki keretanya, pergi ke kedai-kedai mamak untuk mengambil bekas dan hasil jualan kuih apam. Ada juga yang tak laku dan ada juga yang licin habis. Bila dah ikut atukyah, mestilah ada kerja. So, aku ditugaskan untuk jumpa mamak dan ambil hasil jualan. Kalau dapat RM8.70, aku dapat upah 70 sen. Kalau RM7.50, aku dapat upah 50 sen. Memang best time tu. Sehari boleh dapat dalam RM2 atau RM3. Best woo.. time tu, RM2 dah kira kaya dah! Macam-macam aku beli. Biasanya aku beli cikedis kat kedai Ah Bo. Kitorang biasa jadi pelanggan tetap si Ah Bo ni la. Kedai dia memang buruk tak ingat. Tunggu masa nak roboh aje. Ish.. apa aku melalut ni. Atukyah memang tak kedekut punya. Biasanya, time nak ambil hasil jualan apam la yang ditunggu-tunggu oleh cucu-cucunya. Siapa yang tidur time tu memang rugi la. Aku pernah tertidur. Bangun-bangun aje, sepupu aku yang lain menganjing aku tak dapat upah. Pergh.. menangis aku time tu. Tapi atukyah aku nampak aku menangis dan dia dengan murah hati bagi aku duit. Gembira aku time tu. Hmm.. memang best time tu. Satu lagi yang best pasal atukyah ni ialah, dia ni suka melawak. Kadang-kadang lawak dia selamba aje. Tak kering gusi kitorang dibuatnya. Seserius manapun dia, masih ada sikap lawak selamba dia. Banyak kenangan manis aku bersama atukyah yang aku tak dapat lupakan. Biarlah aku simpan menjadi khazanah yang berharga.

Pergh.. tahun ini juga, banyak band-band luar datang bermain gig di Johor Bahru. Antaranya ialah Rai Ko Ris (Nepal), Social Crime, It's You dan juga At Cost 46 dari Jepun. Memang meriah aku rasa. Di Johor Bahru juga semakin galak membuat gig. Tiap-tiap bulan pasti ada gig. Tapi yang biasa buat ialah Dicky la. Tapi gig yang Rai Ko Ris (Nepal), Social Crime, It's You dan juga At Cost 46 main dibuat oleh usaha sama 4 orang remaja handalan iaitu Jimbo, Din Akar, Wak dan juga aku sendiri. Memang payah sebenarnya nak buat gig ni. Leceh. Nak pergi jumpa sana, jumpa sini. Apply permit lagi. Memang banyak duit yang kitorang habis. Tapi takpe, yang penting kepuasan diri beb. Memang lega bila gig dah selesai dan tidak ada gangguan. Dan kebanyakkan band-band yang bermain berpuas hati dengan suasana gig serta bayaran. Konsep kami bila membuat bayaran kepada band ialah dengan mendahulukan tambang pergi dan balik sesebuah band itu. Tambang yang dikira adalah berdasarkan tambang bas. Tidak kiralah sama ada diorang datang naik kereta ataupun berjalan kaki. Selepas itu baru dikira keuntungan untuk setiap band setelah ditolak dengan kos. Buat masa ini respon yang kami dapat semuanya mengatakan bayaran kami adil. Alhamdulillah. Tapi masalah bila buat gig ni ialah bila kawan-kawan mengecek nak masuk free. Ish.. tak best la macam ni. Bukannya kami nak untung semata-mata. Tapi cuba bayangkan budak-budak sekolah pun sanggup bayar RM15 untuk masuk ke dalam gig. Inikan pula yang dah bekerja dengan gaji jejak seribu pun nak mengecek masuk free. Apa siak! Tak support scene betul. Ada sekali, sebuah band menipu kitorang untuk membawa masuk kawan-kawan dia masuk free. Tek best la macam ni. Macam aku katakan tadi, budak sekolah pun sanggup bayar RM15. Padahal diorang tu belum bekerja lagi. Nampak sangat kesungguhan mereka. Sekali lagi ingin aku katakan, bukan kami nak ambil profit dengan buat gig ni. Profit tu memang ada tapi ia berjalan di dalam komuniti ini juga. Tidak lari ke mana!

Cerita pasal budak-budak Jepun ni pulak. Diorang ni friendly gila. Best bila hang out dengan diorang. Masa band Social Crime dengan It's You turun, diorang seramai 9 orang. 3 orang line up Social Crime, 4 orang line up It's You, Masaki (Tribal War Asia) dan Nakayama (vokalis Plutonium). Paling best hang out dengan Masaki. Dia ni lasak beb. Sanggup tak tidur sebab layan kitorang ngeteh kat Banafe (Desa Jaya). Best la. Sebelum ni Masaki ada datang JB pada bulan Mei (2002) untuk buat pengambaran filem DIYnya. Pelakon-pelakonnya terdiri daripada anak-anak punk JB. Aku pun dapat juga berlakon satu scene. Aku jadi orang jahat siak lepas tu kena pukul dengan hero. Hero dalam filem ini ialah Din Burung dan watak jahat ialah Jimbo. Filem ini mengisahkan tentang 2 sahabat baik iaitu Din Burung dan Jimbo. Din Burung seorang yang baik dan kuat. Manakala Jimbo pula seorang yang bermasalah. Filem ini banyak menceritakan tentang persahabatan. Tapi banyak juga aksi-aksi lasak diketengahkan. Part emo pun apa kurangnya. Ada heroin pulak tu. Nak tahu siapa? Awek cun beb! Dia seorang pelajar UiTM Shah Alam. Muka ala-ala Japanese. Fuh.. tergoda jugak aku! Tapi aku jeles jek dengan Din Burung pasal dia dapat pegang tangan awek tu! Ciss.. takpe! Ada ubi ada batas, ada hari aku balas! Muahaha.. Band Social Crime dan juga It's You juga sempat merakamkan beberapa buah lagu untuk rilisan terbaru mereka di Studio Batu Giling, JB. Lama juga diorang buat rakaman. Ada la dalam 15 jam! Penat aku, Jimbo, Din Akar dan rakan-rakan lain melepak kat studio tu. Lepas proses rakaman iaitu lebih kurang pukul 3 pagi, kitorang semua balik ke hotel penginapan budak-budak Jepun

school HC dari Jepun, tak salah kalau kalian beli dari Broken Noise Distro. *(Yutaka Kobayashi, 303, 17-2 Hiyoshi-cho Hachioji, Tokyo 193-0836 Jepun)*

Looserz/R. U. Sucks 'reflection' split kaset
Waduh-waduh, bukan basa basi! Hehe.. gila la tape ini. Menampilkan 2 buah band old school dari Indonesia iaitu Looserz dan R. U. Sucks. Okay kita mulakan dahulu dengan Looserz. Rentak old school hc yang begitu bertenaga dari band ini. Dengan suara ala seperti Bold menyemarakkan lagi lagu ini. Sekali dengar macam band Social Intergration pula. Memang membuatkan aku rasa hendak melompat sambil finger pointing! Looserz membawakan sebanyak 7 buah lagu. R. U. Sucks pula lebih menarik. Band kegemaran sepanjang zaman! Hehe.. Melodic old school hc menjadi pilihan. Memang berjoget bila dengar lagunya. Ada rentak-rentak punk rock di dalam lagu mereka. Mungkin ini trademark mereka. Lagu kegemaran aku dalam split ini ialah 'Spins like a wheel' dari R. U. Sucks. Band ini membawakan sebanyak 6 buah lagu yang membolehkan anda semua sing-a-long. Dapatkan kaset ini segera! *(Rebel Records c/o Jl. Swadaya No. 33, RT 003, RW 04, Larangan Indah, Ciledug – 15154, Indonesia)*

Los Vaticanos/Comrades 'fuck jubilaeum' split 7"
Sebuah split 7" yang menampilkan band yang terbaik. Aku cukup meminati kedua-dua buah band ini. Aku mulakan dengan Los Vaticanos (Italy) dahulu. Jika sesiapa yang belum mendengar Los Vaticanos, sila dapatkan kasetnya dari Gamelan Recs kerana label tersebut telah meriliskan kaset band ini. Begitu chaotic dan brutal sekali. Dengan vokal yang terjerit-jerit membuatkan lagunya begitu energetik sekali. Tempo yang sentiasa berubah-ubah menaikkan semangat aku ketika mendengar side Los Vaticanos. Kadang-kadang Los Vaticanos mengingatkan aku kepada band Dillinger Escape Plan. Los Vaticanos membawakan 3 buah lagu. Comrades (Sepanyol) pula seperti biasa telah menawan hati aku. Inilah dia grind pakai topeng punya line! Memang brutal. Dengan dua jenis vokal, satu screaming dan satu lagi growl memang membuatkan lagu-lagunya bertenaga sekali. Apa yang menarik di sini ialah, lirik Comrades begitu sarkastik sekali. Berdainan dengan kebanyakkan band-band grind. Memang best! Terdapat 7 buah lagu pada side Comrades. Lirik kedua-dua band disediakan serta penjelasan sekali! Perlu dapatkannya sekarang! *(Valium Records via Nomentana 113, 00161 Roma, Italy)*

Misconduct/The Almighty Trigger Happy split CD
Misconduct merupakan sebuah band melodic old school hc yang menarik. Anda pasti bersemangat bila mendengar lagu-lagu mereka. Kadang-kadang tu, ada rentak punk rock terselit. Old school freak must get this. Wahh.. talking London lagi aku! Memang tidak rugi. Drum yang pantas dan gitar yang laju membuatkan aku tidak boleh duduk diam di atas kerusi. Rasa macam nak sing-a-long dan finger pointing jek! The Almighty Trigger Happy pula lebih kepada punk rock laju. Tapi kadang-kadang tu, ada rentak old school dan rock & roll. Riff gitar yang menarik serta drum yang laju telah menawan hati aku. Cuma aku rasa, untuk split CD ini, Misconduct telah menawan hati aku yang kesepian ini! Cheh! Cuba miliki split CD ini. *(Bad Taste Records, St. Södergatan 38, 222 23 Lund, Sweden)*

Nostalgia 'tetap berdiri' kaset
Uish.. Memang susah sebenarnya nak mengulas kaset rilisan label sendiri ni. Bila utas okay, karang ada pulak suara-suara sumbang yang kata nak puji diri sendiri. Hoho... tapi persetan sama itu semua! Sememangnya kaset ni best. Bila aku dapat master dari Nostalgia sendiri aku dah suka. Sebab itu aku berani meriliskan kaset ini. Melodic old school hc menjadi pilihan. Mungkin band Full of Hate (Indonesia) menjadi influence. Ini kerana sound mereka lebih kurang dengan band-band dari Indonesia. Ada touch punk rock. Ini terbukti bila dengar lagu pertama diorang. Mungkn sesiapa yang belum pernah mendengar band ini, mengagak bahawa band ini memainkan muzik pop punk rock! Hehe.. tapi silap! Old school lompat-lompat punya line. Satu lagi yang terbaik mengenai band ini ialah, mereka berani mempertaruhkan lagu dalam bahasa Melayu. Memang best! Terdapat 9 buah lagu dalam rilisan ini. Lirik disediakan dan layout cover memang cun. Ini semua berkat otak kreatif saudara Jimbutak! Hehe.. 300 copy kaset ini sudah sold out dan mungkin akan dipress lagi kerana permintaan yang banyak! Tunggu. *(Aspirasi Records c/o Izwan Fandi, 21 Jalan Jagong 8, Bandar Baru Uda, 81200 Johor Bahru, Johor)*



Nostalgia 's/t' kaset
Ini merupakan rilisan terbaru daripada band Nostalgia. Aku rasa band ini adalah antara band yang paling progresif sekali di Malaysia. Tak sampai setahun, dah rilis stuff terbaru. Kali ini, mereka meriliskan kaset ini tanpa bantuan mana-mana label. Seperti yang kita sudah ketahui, band ini membawakan muzik melodic old school hc seperti band-band Indonesia. Ada touch punk rock sikit. Untuk rilisan kali ini, banyak lagu yang berentak punk rock. Sebanyak 7 buah lagu telah dihidangkan kepada pendengar semua. 4 buah lagu dalam bahasa melayu dan selebihnya dalam bahasa Inggeris. Kali ini mereka mendapat bantuan back up vocal dari Skuad Lembah Hitam yang dianggotai oleh 6 orang remaja misteri. Kepada mana-mana band old school hc yang memerlukan bantuan back up vokal dari Skuad Lembah Hitam, sila hubungi saudara Jimbo kerana dia yang menguruskan hal-hal kebajikan skuad ini. Lirik mereka juga straight forward dasn banyak mengisarkan tentang perkara-perkara yang berlaku disekeliling mereka. A bit political too. Layout cover juga lebih simple tetapi lirik disediakan. Ini yang bagus! Anda semua perlu memiliki kaset ini. *(Ahmad Huzairi, 1-056, Pusat Latihan Pertanian, Pintu Padang, 27600 Raub, Pahang)*

Pagan Winter 'inferos' CD
Inilah dia, grind bunuh bunuh. Ngeri siak. Cover depan je dah gambar orang berlumuran darah dan gambar di belakang, gambar orang tengah kena sembelih! Cannibal siot! Tapi kencing jek tu. Orang yang kena sembelih tu padahal line up diorang sendiri. Irama metal grind yang diiringi dengan bunyi tembakan pistol dan machine gun. Amat menakutkan dan mendebarkan! Aku tak tipu punya. Setiap lagu dimulakan dengan bunyi tembakan pistol dan diakhiri juga dengan bunyi tembakan. Memang jahat band ni! Membuatkan aku hendak banging kepala bila mendengar CD ini. Kepada peminat metal grind, anda perlu memiliki CD ini. *(Last Episode, In der Vorstadt 114, 73529 Schwäbisch, Gmünd)*

Petrograd 'isabelle' CD
Bila pertama kali aku dengar CD ni, terdetik dalam hati aku, apa punya band la ni! Tapi bila didengar berulang kali sambil membaca liriknya, terpaku seketika aku! Band ini adalah band terbaik yang pernah aku dengar. Datang dari sebuah negara kecil Luxemburg. Dengan muzik yang begitu melodic dan suara 2 orang vokalis (seorang wanita dan seorang lelaki) yang begitu emosional, membuatkan hati aku sebak seketika. Lirik yang politikal telah dihawa dengan muzik yang melodic serta harmonic. Dengan bunyi piono, menambahkan keharmonian muziknya. Kadang-kadang tu, aku boleh berjoget bila mendangar lagunya. Ada orang cakap band ni main popish punk. Anda labelkan la sendiri. Terpulang pada anda hendak meletak band ni main style apa. Lirik band ini banyak mengisarkan tentang, alam sekitar serta penindasan ke atas orang-orang yang lemah. Begitu menyayat hati bila membaca liriknya. Terdapat sebuah lagu yang begitu menyentuh perasaan iaitu 'ask yourself why'. Lagu yang mengisahkan tentang pembunuhan haiwan serta ujikaji terhadap haiwan-haiwan yang banyak mengorbankan nyawa haiwan yang tidak berdosa. Begitu menyentuh perasaan sekali. Apa yang menarik lagi di sini ialah layout cover CD yang begitu menarik. Begitu artistik sekali untuk memancing pembeli! Yes.. I love this band! *(Petrograd, 8 rue vannerus, L-9289 Diekirch, Luxemburg or petrodiff@ hotmail.com)*

Petrograd '... until someone fails' CDEP
Salah sebuah band kegemaran aku. Aku memang tidak melepaskan mana-mana rilisan band ini. Pada pendapat aku, mereka membawakan rentak pop punk yang begitu harmonic dan melodic sekali. Walaupun bermain muzik sebegini, lirik mereka begitu politikal dan begitu mendalam sekali maksudnya. Untuk rilisan kali ini, hanya terdapat 4 buah lagu termasuk sebuah lagu yang telah di'remix'. Memang menarik. Berani melakukan perubahan! *(Alamat sama di atas)*



Petrograd 'a.b.c.' CD
Petrograd datang lagi dengan album terbaru. Kali ini, album ini merupakan benefit untuk Anarchy Black Cross Innsbruck. Terdapat sebuah booklet yang memberikan info mengenai pertubuhan Anarchy Black Cross. Sambil mendengar lagu, boleh membaca serta menderma. Yelah, bila anda membeli CD ini, secara tidak langsung anda mendermakan sedikit wang anda kepada pertubuhan Anarchy Black Cross. Rilisan ini telah diriliskan hasil kerjasama beberapa buah label dan distribution (international diy network) dari seluruh dunia. Ia mengandungi 13 buah lagu yang memang menarik. Tidak dinafikan lagi! Anda semua patut memiliki semua album Petrograd! *(Alamat sama di atas)*

Poison Idea 'record collectors are pretentious assholes EP' CD
Pergh.. punk tepu punya. Punk rock ala Defiance tapi tak best macam Defiance. Maaf kalau aku lambat mengulas CD ini kerana CD ini keluaran tahun 1985 tidak silap aku. Dah lama siot. Masa tu umur aku baru 4 tahun la... Mungkin ada di antara kalian yang belum pernah mendengar band ini. Poison Idea bermain muzik style street punk rock yang kadang-

koleksizine.blogspot.com

Full Pledge Munkees 'd.i.y demo' CD-r
Yes.. sebuah band ska punk yang berjaya mengajak aku berjoget dengan rancak sekali. Sebuah band ska punk dari Kota Singa yang telah menawan hati aku. Mempunyai pengaruh kuat dari Potshot, Mighty Mighty Bosstones dan banyak lagi band 3rd wave ska. Mungkin band ini hendak berlawan dengan band Plague of Happiness. Siapa menang? Ntahlah. Aku rasa seri pasal dua-dua band best belaka. Apa yang mengecewakan aku ialah kualiti bunyi yang agak tenggelam dan tidak sembang. Kadang-kadang, bunyi trombone kuat. Kadang-kadang bunyi gitar tak dengar langsung. Tapi takpe la, pasal ini baru demo. Anyway, skanker out there, you must get this demo! Cuma mempunyai 5 buah lagu (11 minit 54 saat) termasuk satu intro. Terpulang kepada anda untuk memilikinya. Kalau anda rasa rugi, tak payah beli. Kalau anda nak juga hubungi alamat ini: *(bloodfido@hotmail.com)*

Gory Inhumane Genocide 'hentikan kekerasan' kaset
Nama band ini memang ganas. Datang dari Indonesia dan memilih untuk membawakan muzik death grind yang begitu brutal sekali. Dengan drum yang laju dan riff gitar yang berat menjadikan kesemua lagu ini bertenaga dan brutal sekali. Terdapat 2 vokal yang menarik iaitu satu vokal dengan suara growl dan satu lagi dengan suara screaming. Memang best! Rasa macam nak banging aje! Lirik yang begitu politikal sekali dan agak berlainan dengan kebanyakkan band death grind yang biasanya menulis tentang mayat, kematian dan juga neraka. Tapi band ini banyak menulis tentang situasi politikal di negara mereka sendiri. Terdapat 25 buah lagu dalam album ini yang pasti tidak merugikan anda semua. Layout gempak gila dan lirik disediakan! Dapatkan sekarang! *(Edelweiss Production c/o Jl. Kali Amyar X, Gg. 3 No. 19 Rt. 010/02 Jakarta, Indonesia)*

Human Side 'fragments of pain' 7"
Brutal sekali band ini. Aku rasa band-band HC dari Italy memang best. Band ini salah satu daripadanya. Brutal Mosh Metal HC menjadi pilihan. Ia mengingatkan aku kepada band band brutal HC seperti Timebomb dan Earthmover. Dengan riff gitar yang berat serta drum yang ganas membuatkan lagunya bertambah menarik. Suara yang ganas oleh Diego manjadikannya brutal. Macam vokal Timebomb pulak aku rasa. Lirik yang lebih berkisarkan konflik dalam masyarakat serta animal right. Di dalam 7" ini juga ada diselitkan info mengenai animal liberation prisoner. Aku rasa band ini into animal liberation. Terdapat 4 buah lagu yang ganas dan brutal! *(Step Ahead Records c/o Filippo Pani, via Sassari 98, 09032 Assemini (CA), Sardinia, Italy)*

Implicate 's/t' 7"
7" ini pernah menjadi penunggu turntable aku selama beberapa hari. Aku biarkan aje 7" ini kat turntable aku. Pernah jadi playlist aku satu ketika dulu. Metallic old school hc ala Strife, Judge dan juga Bold dengan vokal screaming dan riff gitar yang berat. Part chugga-chugga yang banyak sekali membuatkan aku terasa seperti hendak mosh dan sing-a-long. Argh.. apa lagi yang hendak aku tulis ni! Lirik yang begitu personal dan juga berkisarkan konflik serta sedikit politikal. Korang nak tahu macam mana aku boleh tahu itu semua? Senang aje, pasal link disediakan pada sleeve 7" ini! Kalau nak dengar band hardcore lompat-lompat, dengar 7" ini. *(Penske Material c/o P.O. Box 2692, Costa Mesa, CA 92626 USA)*

It's You 'demo' kaset
Band ini baru sahaja menghabiskan tournya di Johor Bahru bersama dengan band Social Crime pada bulan September (2002) yang lalu. Diorang ni memang friendly walaupun diorang tak fasih berbahasa Inggeris. Dapat juga aku hang out dengan Hiro (vokalis), Kento (drummer) dan Tomo (bassist). Gitaris dia pemalu sikit. Okay, kembali kepada ulasan demo ini. Demo ini aku dapat percuma masa diorang main kat sini. Aku sebenarnya nak beli tapi diorang yang nak bagi free, siapa tak nak. Aku ambil aje la. Demo ini mempunyai 8 buah lagu yang berentak hc/crust. Aku pun sebenarnya susah nak mengklasifikasikan muzik yang mereka bawa ini kerana ada part chaotic. Ada part melodic. Tapi memang satu revolusi muzik aku rasa. Anyway, asasnya crust punk! Lirik mereka memang political. Kualiti rakaman pula agak memuaskan. Biasalah, nama pun demo. Showmanship diorang memang best! Siapa yang tak datang gig 8/9/02 kat JB itu hari memang rugi! Tapi lagi rare kaset aku ni, sebab ada autograph diorang, hehe... dah macam artis pulak diorang ni! Anyway, korang patut memiliki demo ini! *(It's You c/o #201 2-38-15, Umesato Suginami-Ku, 166 Japan or shitpunk@ezweb.ne.jp)*



Jeritan Sepi 'demo' CD-r
Thrash the music. Fuck telents! Itu yang tertulis pada cover demo CD ini. Sebuah band thrashcore terbaru dari JB yang sedang meningkat naik. DS 13 dan Spazz menjadi influence terbesar! Sudah beberapa kali bermain gig di sekitar Malaysia dan yang paling banyak sekali bermain di JB. Aku amat mengkagumi persembahan live band ini kerana gitaris dan juga vokalisnya suka melompat tinggi-tinggi. Drummer tak boleh la nak melompat! 3 piece band ini akhirnya mengeluarkan demo CD yang pada aku kualiti bunyinya kurang baik. Terlalu 'kering'. Sentuhan thrashnya tidak dapat dirasa. Mungkin kerana faktor rakaman yang hanya menggunakan walkman. 9 buah lagu yang begitu politikal sekali dan juga mempunyai unsur-unsur sarkastik. Lirik yang pendek-pendek dan straightforward. Jangan takut, belajan lirik disediakan untuk rujukan tuan-tuan dan puan-puan semua. Senang difahami. Takde link bunga-bunga macam band-band emo. Cuma yang aku kurang minat ialah sound vokalnya. Kurang thrash la. Hehe.. Jangan marah Isma! Untuk mendapatkan demo ini sila hubungi; *(jeritanxsepi@hotmail.com)*



Julia/Sunshine split 7"
Ini merupakan hasil yang terakhir daripada Julia. Aku memang suka dengan nama band ini kerana ia mengingatkan aku kepada member kelas aku di kolej. Budak Julia ni memang cun beb! Cute pun ada tapi sayangnya dah berpunya. Eh.. apa aku melalut ni. Ini merupakan sebuah split band emo! Memang terlonggeng-tonggeng punya. Julia lebih menonjol sedikit daripada Sunshine. Dengan muzik emo rock yang begitu melodic dan vokal yang begitu emosional telah menjadikan lagu terakhir dari Julia menarik. Hanya sebuah lagu sahaja yang telah disampaikan oleh Julia dan merupakan lagu terakhir mereka. Sunshine pula agak pelik sedikit. Emo meleweh. Aku kurang meminati dengan muzik sebegini. Mungkin jiwa aku hendak yang ganas sikit agaknya. Bayangkan Sunny Day Real Estate bergabung dengan Jets to Brazil. Lebih kurang la. Kedua-dua buah band menyampaikan sebuah lagu sahaja. Vinyl aku datang dengan warna hijau muda yang cantik sekali! *(Day After Records c/o Horská 20, 352 A8 Czech Republic)*

Kate of Kale 'The early days' CD
Sebuah lagi band punk rock dari Kota Singa. Melodic punk rock yang tidak kurang hebatnya. Tapi secara jujurnya, aku memang tidak meminati vocalnya. Ntahlah pasal apa cuma aku rasa macam tak kena jek dengan punk rock! Cheh, macam suara aku sedap sangat! Hehe.... kualiti bunyi yang boleh dikatakan memuaskan cuma bunyi drum yang terlebih kot. Anyway ia adalah permulaan yang bagus. 13 buah lagu yang membolehkan, adik jiran anda berjoget bersama anda mengikut rentak lagu yang melodic. Lagu yang paling aku suka sekali ialah 'Fresh Kale'. Melodic gila siak! Berjoget juga aku kat dalam bilik aku. Kadang-kadang ada juga lagu yang berentak ska sikit-sikit. Tapi tak puas la kalau nak skankin'. Hah, tidak lupa juga terdapat sebuah hidden track yang berjudul 'Minor Threat'. Macam biasa la, semestinya dari band Minor Threat. Mereka membawakan lagu ini mengikut style mereka sendiri. Best jugak la! *(Kate of Kale c/o 29 Corn Flakes Records, No.5 Lorong 102 Changi Road, Singapore 426601)*



Kontra La Paré/Petrograd split 7"
Split ini memang menarik kerana menampilkan 2 buah band yang datang dari negara yang jarang kita dengari. Kontra La Paré (Uruguay) membawakan muzik punk rock yang begitu melodic sekali dalam bahasa mereka. Cukup menarik sehinggakan aku mula menggoyangkan badan mengikut rentak lagu mereka. 2 buah lagu telah disampaikan oleh Kontra La Paré untuk split ini. Seperti biasa Petrograd (Luxemburg) pasti menawan hati aku. Emo pop punk yang dibawa oleh mereka sentiasa mencuri hati aku. Ini bertambah menarik lagi bila diiringi dengan bunyi keyboard dan vokal wanita yang harmonis. Lirik yang puitis sekali dan juga politikal. Untuk copy aku, ia datang dengan vinyl yang berwarna merah jambu (warna kegemaran Cik Bad!). Anda semua perlu memiliki split ini. *(Dorbuka Records c/o Frédéric Brahim, 17 Rue de la forêt, 67340 Menschoffen, France)*

Less Haze 'bring it on' CD
Old School HC in da house! Sebuah band old school HC dari Jepun yang tidak kurang hebatnya. Ala-ala Bold, Judge, Gorilla Biscuits dan band-band old school yang lain. 12 buah lagu yang bisa membuatkan kamu gila. Macam biasa kalau band old school, pasti ada part sing-a-long. Memang best! Sing-a-long sokmo! Membuatkan aku terasa seperti hendak melompat sambil finger pointing! Lirik banyak menceritakan tentang kehidupan harian dan konflik. Lirik yang positif serta menjana minda. Memang yang terbaik. Aku dapat CD ni pun masa Masaki datang ke JB. Baik sungguh dia ni. Bagi free jek. Jimbo ada jual CD ni tapi nasib baik aku tak beli. Dapat free lagi best. Tapi kalau kalian hendak cuba dengar old

tu. Kebanyakkan mereka sudah mengantuk tapi 3 orang budak Jepun nak lepak dengan kitorang kat rumah Jimbo. Aku terkejut jugak pasal ingatkan diorang mesti penat punya. Tapi diorang boleh kata, "Japanese don't sleep!". Kitorang pun on aje. So, kitorang pun pantas pergi ke rumah Jimbo. Budak Jepun yang pergi ke rumah Jimbo ialah Hiro (vokalis It's You), Kento (drummer It's You) dan juga Nakayama (Plutonium). Pergh best jugak lepak dengan diorang walaupun mereka tak fasih berbahasa Inggeris. Kitorang sempat juga tunjuk mereka kebun mak Jimbo. Jakun juga rupanya diorang! Hehe.. Sempat juga diorang meraka kuih-muih tempatan yang dijual oleh mak Jimbo. Diorang suka rupanya makan kuih-muih tempatan terutamanya donut, karipap daging dan kuih apam. Keesokan harinya (tengah hari), mereka terpaksa pulang ke Singapura untuk balik ke Jepun. Tak puas rasanya hang out dengan diorang. Aku pula sempat kirim tempat ikat kepala (yang macam karate kid pakai tu) kat Masaki. Tak sangka pula si Masaki tu belikan aku juga! Hehe.. gumbiranya rasa hati!

Pada 22/9/02 pula band At Cost 46 turun ke JB pula. Kali ini yang stay di JB hanya 3 orang sahaja iaitu Masumi (gitaris At Cost 46), Yonae (bassist At Cost 46) dan Satoshi (New Wind Records). Line up yang lain semua sudah pulang ke Singapura untuk ambil flight ke Jepun keesokan harinya. Diorang stay kat JB selama 4 hari. Diorang ni pun peramah cuma Satoshi ni selalu buat lawak kurang ajor. Kadang-kadang aku menyirap juga dengan lawak dia tu! Masa diorang stay kat JB ni, aku dan Jimbo bawa diorang ke Air Terjun Kota Tinggi untuk mandi-manda. Diorang memang suka bila pergi ke sana. Aku rasa kat Jepun takde air terjun kot. Dah penat mandi kat air terjun, kitorang pergi makan Nasi Beryani di bandar Kota Tinggi serta melawat Yus (Inflict). Diorang ni kuat makan rupanya. Habis licin satu pinggan Nasi Beryani diorang makan. Satu lagi yang kelakar pasal diorang ni ialah, diorang suka tengok pondan. Hehe.. aku la yang bawak diorang ke port pondan di JB ni. Diorang excited betul bila dapat ambil gambar pondan-pondan yang jelita tu! Pondan dalam bahasa Jepun ialah 'okama'. Part paling sedih sekali bila nak berpisah dengan diorang la. Si Masumi memang emo time tu. Macam nak nangis pula aku tengok dia ni. Masumi suka dengan Malaysia ini dan yang paling memeranjatkan aku ialah Masumi tertarik dengn ajaran Islam. Dia ingin mempelajari lebih banyak lagi tentang Islam. Aku rasa dia ni dah sampai seru pasal dia ada cerita masa dia pergi melancong ke Turki, dia ada terdengar orang baca Al-Quran dan tiba-tiba hati dia rasa sayu dan dia suka mendengarnya. Di Kota Tinggi juga dia ada membeli sebuah kaset bacaan Al-Quran. Sebelum berpisah dengan Masumi, dia sempat memberi kata-kata semangat kepada aku agar menjadi seorang guru yang berwibawa. Adulh.. Sedih aku ketika tu! Memang aku takkan lupakan kata-kata Masumi tu! Semasa budak-budak Jepun datang sini, sempat juga aku belajar cakap bahasa Jepun dengan Masaki. Tapi dia ajar benda-benda yang tak elok macam fuck you, go to hell dan banyak lagi! Hehe... aku pun belajar la! Sekurang-kurangnya kalau aku maki kengkawan dalam bahasa Jepun, diorang bukannya faham! Muahaha.. (ketawa orang jahat!)

Pergh.. aku rasa dah banyak sangat aku melalut untuk isu kali ini. Aku harap kalian semua tidak bosan membaca celoteh aku ni. Untuk isu kali ini dan seterusnya, bahagian ini akan dikekalkan. Aku rasa best pula bila bercerita tentang perkara-perkara yang terjadi pada diri aku ini. Sekali lagi aku ingin meminta maaf jika ada di antara kalian yang berasa bosan bila membaca ruangan ini. Sorry, aku ni tak kelakar sangat orangnya! Sebelum aku berundur diri, aku nak pesan sikit kepada semua pembaca semua. Kepada sesiapa yang ingin memberikan sumbangan seperti scene report, ulasan muzik, zine, artikel dan pendapat sila lakukannya dengan seikhlas hati! Sila ambil bahagian dalam penerbitan zine ini. Ucapan terima kasih ingin aku berikan kepada mereka-mereka yang telah bertungkus lumus menjayakan zine ini iaitu, En. Jimbo (ko dah takleh ngeteh selalu pasal dah nak kahwin!), En. Huzairi, En. Amin (emo sokmo!), En. Tifla, En. Babat, En. Rashid (ke mana ko menghilang?), Cik Suraya, En. Angah (emo melalut!), En. Ayed (puisi hang panjang beto!!), En. Addy Zaidy, Cik Norhayati Mat Top (dah berpunya!), En. Fazri DRSA, En. Din Akar (semoga berbahagia disamping 'awak'), En. Mus, En. Umar, En. xPiex (nasib baik ada 2 'x' je!), En. Erin, En. Rayner John (love your artwork!), En. Sir-Punk (love your artwork too!) dan Tuan Haji Ir. Hazrin (pakar mengawan Flower Horn!). Tidak lupa juga kepada penyibuk terbesar dalam pembikinan zine ini iaitu Atan Hoed dan Jontoz 'Lop Labis'. Terima kasih juga kepada diri aku yang berjaya melawan sifat malas untuk menjayakan isu ini, sahabat di Johor Bahru yang banyak memberi aku semangat untuk hidup iaitu Farouk (lu sangap lagi ke?), Leng (abang-abang pelabuhan), Apek Pandan, Arm (kijuk lagi?), Azrie (di mana ko menghilang?), Zam Gamelan (semoga berbahagia hingga ke anak cucu), diri aku juga, NorHuda (jangan ulangi kesilapan lalu! Hehe.. Din kira okay ape!), Shaifull of Fear, xTimmyx, xKerkx (dah berpunya juga!), Isma, diri aku lagi, Aizat, Along (asyik-asyik muka ko kat CS), Syed Syahrul Zarizi (baik-baik bawak kereta kat highway Pasir Gudang!), Black (bila nak ngeteh lagi?), Din Kuro (jom overnight! Hehe..), diri aku lagi sekali, Din Kambing (Cairodean), rakan-rakan di Parit Raja iaitu Bingkai, Rambo, Sharil (Dispute of Concern), Jumaat, Adi chaos, Talib, Che Deen (Nostalgia), Pukau (Nostalgia), dan line up Nostalgia yang lain, Prop dan Argon, Yusman dan Parkinson, Epol dan Logam, Nas, Atoi dan Plague of Happiness, Boy dan Inflict (akhirnya rilis juga tape korang!), Kojak dan Agitator, Ayeh dan JeritanXSepi, Makhlok Perosak, Bard dan Aghast, Fahmi dan Reconstruct, Apis, Ezzed dan Sinatra, Accad, Gangga dan Tussock, Bidan, Fizam dan Melarat, Sabri dan Semerempang, Apis dan Depress, balik-balik diri aku juga, xNiezamx dan Chenta Tiada Restu, Ojie dan ceweknya (bila mau datang ke Johor lagi?), Hadi dan Social Integration, Naqiu dan Boboy (bila nak keluar album baru?), Dicky dan Kharisma (chaotic sampai lebam!), Jan dan Ravage, Ochee dan GT Boyz (glamer dah kot), Pet dan band hardcorenya (Beyond Sight), ED dan Color My Iris, Wan Janggut, Dino (member Huda), Fariq (Sekali Lagi), Halim Convey (tak habis-habis nak pow baju budak Jepun! Hehe..), dan Nasrol (Pontian). Kepada Saudari Zura, terima kasih kerana menjadi penyinar hidup aku! (Cheh, jiwang siak!) Terima kasih juga kepada kawan-kawan dalam komuniti DIY hc/punk yang mengenali diri aku ni tak kira di mana jua anda berada. Kalau aku nak listkan banyak sangat! Nanti kalau ada yang tertinggal letak nama, merajuk pulak! Baik aku sebutkan 'kawan-kawan'. Siapa yang masih menganggap aku sebagai kawannya, terima kasih banyak-banyak. Tak lupa juga kepada keluarga aku, komputer aku, tilam dan juga bantal busuk aku kerana memberikan keselesaan kepada aku. Special no thanks kepada pemecah belah scene dan penyebar fitnah dalam komuniti ini (Abdul S.) serta pakcik-pakcik poyo (PC) sekaliant Janganlah serius sangat, nanti jadi fascist pula! Senyum sikit! J

Sumber inspirasi:
Face of Change 'keep the balance' CD, Dead Pits 'titik balik' tape, Children of Bodom 'hatebreeder' CD, We Must Burn 'the first year with Ishii' CD-R, PageNinetyNine 'document #8' tape, Open Close My Eyes 'el nuevo milenio' CD, R.U. Sucks 'we're the crew' tape, BirdFlesh 'night of the ultimate mosh' CD, Flash Gordon 'troma city polution attack!' CD, Set Aside 'pile on!!' CD-R, Dajjal 'amarah' tape, Suffocation 'depths of depravity' CD, The T.V. Dinner 'for the people in Afghanistan..' tape, Disgorge 'chronic corpora infest' CD, Anchor 's/t' CD, V/A Goredomination CD, Ada Apa Dengan Cinta? VCD & Soundtrack, Legends of the Falls VCD, Yang Bernama Cinta buku, Stubborn All-Star 'open season' CD, OAG 'biru', OAG 'mutiara', Defiance 'no future no hope' tape, The Cure 'picture of you', Black Sabbath 'paranoid', Jimmy Eat World 'hear you me', Foo Fighter 'aurora', Nelly & Kelly Rowland 'dilemma', Hodgepodge #6, Roots #3 & #4, ABC Partisan Gig JB, Gingerbread 'ku cari damai di hati', otak-otak Gelang Patah, bantal busuk kat rumah sewa, keluar dengan awek, budak-budak rumah sewa kat Parit Raja, kawan-kawan kat KUiTTHO dan anda semua! I love you all!

LAMPIRAN



Kek Look Tong



Student cun!



Kuala Kangsar



Ulu Chepor


Alor Pongsu


Atok Ayah


On the way Gurun


Awek gig - chareee!


Gua Kelam - Cave of darkness!


Budak budak!


Masumi dan saya


Bergambar dengan Ifs You


Fendy dan arak (mabuk samsu)


Penyarah hingusan



Tiket Bola


Felda Chuping


Ulu Chepor


Padang Besar


Fendy aka editor!

koleksizine.blogspot.com

Death To Boring Metal VCD
Rilisan terbaru dari Jahil Records. Memang DIY gila babi. Bayangkan, cover VCD ini print guna silk screen beb. Macam nak print baju pulak. Memang rare! VCD ini menampilkan sebanyak 3 buah band yang begitu bagus dari Kota Singa iaitu Secret 7, Jahilia dan Jhai Alai. Ini merupakan rakaman live gig ketiga-tiga band ini. Cuma yang mengecewakan sikit ialah kualiti rakaman dan kualiti bunyi yang belum sempurna. Amatur lagi. Walau bagaimanapun, aku meminati VCD kerana dapat melihat showmanship ketiga-tiga band ini. Yang berjaya menawan hati aku ialah Secret 7 yang memainkan muzik trash ala DS 13 dan Charles Bronson. Jhai Alai seperti biasa membawakan muzik chaotic emocore dengan vokal yang menjerit ala Finger Print dan Jahilia membawakan muzik grind ala Spazz dengan lirik yang sarkastik. Anda semua patut memiliki VCD ini! Best! *(Jahil Records c/o Najjib, Blk 32, Marine Cresent #10-119 Singapore 440032)*



Demon System 13 'vad vet vi om kriget?' CD
Muzik yang sedang menjadi trend di Malaysia. Semua nak buat band main macam ni. Dulu, masa grind tengah naik, semua nak main grind! Sekarang thrash tengah naik, semua nak main thrash! Lepas ni kalau dangdut core naik, semua nak main macam ni! Bulho la! Irama thrashcore menjadi pilihan. Jika anda pernah mendengar Separation, Final Exit dan Charles Bronson, anda pasti tidak kekok mendengarnya. Memang menarik dan begitu energetik sekali. Bila mendengar CD ini, pasti nak pogo jek! Dengan drum yang pantas dan gitar yang laju, sememangnya band ini mencuri hati aku dikala gelisah! Lirik yang straight forward dan ada kalanya sarkastik memang menarik! Anda semua patut memiliki CD ini. Di Malaysia, Asas Distro telah dibori kebenaran untuk meriliskan album ini dalam bentuk kaset. Cuba dapatkan sekarang dan alami muzik yang menjadi trend di sini! Thrash till fucking death (Thrash sampai mampus)! *(Busted Heads Records, Box 275, 901 06 Umea, Sweden)*


Disgorge 'chronic corpora infest' CD

Hok ni ganoh! Memang menyeramkan! Ngeri! Gerun! Takut! Semua ada. Tengok aje cover CD dah nak termuntah. Memang gore band nil. *This album is a tribute to one of the most insane and bizarre cannibal ever, to Jeffrey Dahmer for been a musical and lyrical influence*, itu yang tercatat di sleeve CD nya. Cover CD ada gambar pakcik terburai perut dia dengan terbelah kepala hotak dia. Bila tengok CD nya pula, ada gambar otak manusia. Bila korang angkat CD dia, dekat bawahnya ada gambar otak orang juga. Ish.. ngeri siak! Senang cerita, bersepah sepah gambar gore. Disgorge memainkan muzik gore grind dengan suara seperti dibenam di dalam lumpur. Bayangkan sendiri. Dengan bunyi drum double pedal, membuatkan aku nak banging. Sound gitar yang berat mengiringi bunyi double pedal itu membuatkan ia bertambah ganas. Memang seram. Liriknya pula, hampeh, aku tak paham satu benda sebab ia menggunakan sastera kedoktoran. Bila baca jek dah pening kepala. Aku rasa diorang ni boleh jadi doktor la. Kepada sesiapa yang pitam bila tengok darah macam Syed, jangan sesekali meminjam CD ini atau memiliki CD ini. Buat naya jek. *(Disgorge, P.O. Box 1.310, Queretaro, QRO 76001 Mexico)*

Disagree 'homemade jam' CD-r
King of emo? Bullshit! Itulah perkataan yang keluar dari mulut aku bila baca review band ini dalam majalah-majalah muzik tempatan. Pearl Jam wannabe! Suara nak tiru Eddie Vedder. Muzik nak sama dengan Pearl Jam. Ada diorang kata band ni king of emo! Gila ke apa? Atau dah pokak? 4 buah lagu yang begitu membosankan. Baik aku dengar Pearl Jam, lagi best! *(email@disagreeband.com)*

XEmpire Fallx 'the line have been drawn' 7"
Sebuah band sXe new school hardcore. Kadang-kadang ada part old school. Typical sound of NYHC. Bosan sikit bila mendengar 7" ini. Bukan taste aku langsung. Bayangkan vokal One Life Crew bercampur dengan muzik Strife dan hasilnya Empire Fall. Terdapat 4 buah lagu yang kurang menyengat. Kepada sesiapa yang hendak cuba mendengar 7" ini bolehlah mendapatkannya jika masih ada lagi. Pasal aku tengok kat sleeve dia, 7" ini rilis pada 1997. *(Empire Fall, 6049 Lake Brandt Rd. Greensboro NC 27455 USA)*

Equation of State 'exploded view' CD
What the hell is this? This is what I'm looking for! Ohh.. talking London la! Sebuah band yang begitu menarik dan begitu bertenaga. E of S membawa muzik yang agak unik dengan tempo yang sentiasa berubah-ubah begitu juga dengan kelajuannya. Kadang kadang laju, kadang kadang perlahan. Cuba bayangkan Today Is The Day campur sedikit Acme, campur lagi Dillinger Escape Plan dan hasilnya, Equation of State. Bagi aku, mereka memainkan muzik chaotic hardcore. Dengan vokal yang terjerit-jerit, menyemarakkan lagi semangat aku! hehe.. Turut disertakan sekali ialah booklet setebal 16 m/s. Di dalamnya terdapat lirik mereka yang begitu bagus sekali serta artwork dari setiap ahli kumpulan. Memang menarik sekali. Aku amat terpegun sekali dengan lirik mereka yang begitu membuka minda sekali. Lirik mereka banyak berkaitan dengan kehidupan peribadi serta perkara-perkara yang berlaku di sekitar mereka. Memang terbaik! Jika anda mahukan kelainan, dapatkan CD ini! *(Subpsrolt Records, P.O. Box 34029 Scotia Square R.P.O. Halifax, Nova Scotia, B3J 3S1, Canada)*

Foreground Division 'the fall of an empire' CD
Inilah yang aku cari selama ini di Malaysia. Kualiti rakaman yang begitu baik serta layout yang begitu menarik sekali. Walaupun, aku kurang meminati jenis muzik yang dibawa oleh FD ni, tapi aku meminati untuk memiliki hasil yang begitu sempurna sekali. Harapan aku untuk melihat band band di Malaysia menghasilkan sesuatu yang berkualiti sudah hampir tercapai. Macam inilah, baru memuaskan hati pembeli. Bukan macam 6 way split CD tu. Hampeh! FD memilih new school hc dicampur dengan riff gitar yang metal serta berat dan teknikal sekali. Ada part chugga-chugga juga. Anda boleh bayangkan sendiri. Dengan vokal menjerit dan kadang kadang ia mengingatkan aku seperti 18 Vision dan Adamantium. Kepada sesiapa yang meminati metallic new school hc, perlulah mendapatkan CD ini. Anda pasti tidak akan kecewa. Layout yang begitu menarik siap disertakan lirik sekali. Mereka juga membawakan sebuah lagu dari Iron Maiden yang bertajuk 'somewhere in time' dengan gaya mereka sendiri. Packaging CD yang menarik. Dapatkan CD ini dan anda pasti tidak akan menyesal. Terbaik dan gempak wa cakap sama lu! 10 bintang aku bagi. *(Voice Production Asia, c/o Yoap, 15 US.15/1H, 47610 Subang Jaya, Selangor)*



Forgotten 'tuhan telah mati' kaset
Sungguh memeranjatkan. Dengan nama albumnya, aku dapat menggak bahawa band ini tidak mempercayai mana mana agama (atheist). Ni ada petikan dalam kaset ini; *Terima kasih kepada Tuhan, Setan, Sunga, Neraka atas inspirasi dan ide ide gila diluar akal sehat, semua pihak yang tergoda dan ikut berdosa korana kita.. Salahkan diorang dan sakit semuanya!!* Itu hak diorang dan aku tidak boleh nak halang. Anyway death grind menjadi pilihan. Salah satu playlist aku sekarang. Memang brutal tapi satu vokal aje. Screaming tak ingat punya. Memang metal! Dengan drum double pedal memanjang membuatkan aku nak banging. Ganoh band ni. Tapi aku rasa diorang pakai drum machine la. Pasal aku tengok nama line up, takde drummer pun. Lirik berkaitan kematian dan kesesatan agama. Gila la band ni. Anyway musically aku minat tapi lyrically aku kureng sikit. Hanya terdapat 4 buah lagu ajo tapi panjang beb! Peminat death grind, perlu dapatkan kaset ini. Pasti tidak membosankan! *(Rock Management c/o Addy, Jl. Cicukang, Gg. Sayudi No. 70, Bandung, 40294 Indonesia)*

Forty Winks 'to the lonely hearts' CD
Tak sangka Italy menyimpan sebuah band punk rock yang best ini. Melodic punk rock yang membuatkan kaki anda menghentak lantai mengikut rentak lagu. Tak tipu punya. First time aku dapat CD ni, memang aku tak keluarkan dari CD player aku. Hari-hari aku layan CD ni dan kaki aku naik lenguh. Seminggu beb bantak kaki, mana tak lenguh. CD ini menampilkan 13 buah lagu melodic yang boleh mencairkan hati seseorang gadis bila mendengarnya. Lirik berkaitan cinta, dan kesedihan. Kalau korang nak tujukan lagu diorang kat awek korang pun tak salah. Mesti awek korang cair punya. Sound ala-ala band Fat Wreck. Bunyi gitar yang clean dan memang kena dengan sound punk rock. Tak rugi kalau anda memiliki album ini. *(Trashed Records, P.O. Box 145, 47100 Forli Centro, Italy)*

Ini merupakan ruangan terbaru yang aku cuba masukkan di dalam isu kali ini. Secara jujurnya, aku memang tidak mahir untuk mengulas bahan muzik. Tetapi tidak salah jika aku mencuba. Yelah, kata orang, kalau kita tidak cuba, sampai bila-bila pun kita tak tahu. Betul tak? Jadi, jika aku tersalah review, jangan marahkan aku okay. Kat sini aku nak bag pantun;

Buah cempedak di luar pagar,
Ambil galah tolong jolokkan,
Saya budak baru belajar,
Kalau salah tolong tunjukkan.

Okay, diharap kalian semua berpuas hati dengan ulasan yang telah diberikan. Aku mengulas, apa jua jenis muzik yang ada. Ingin aku ingatkan sekali lagi bahawa aku mengulas muzik ini secara adil dan jujur. Tidak memilih unsur persahabatan ataupun tidak. Keikhlasan di dalam diri adalah amat dititikberatkan. Tiada apa-apa bayaran yang aku terima untuk mengulas bahan-bahan bacaan ini semua. Harap maaf kerana ada di antara bahan muzik yang diulas adalah telah lama. Tapi ada yang masih fresh! Enjoy!

---

4 way split feat. Rainstillfalling, Fallen, Psycotropic, Crickbat CD

Ini adalah sebuah CD yang menampilkan band-band dari Sepanyol yang sedang meningkat naik. Band-band yang terlibat dengan split CD ini ialah RainStillFalling, Fallen, Psychotropic, dan Crickbat. RainStillFalling membawakan muzik berentak emo + chaotic hardcore. Memang menarik sekali. Band ini berjaya menawan hati aku dengan liriknya yang begitu emo dan hampir membuatkan aku menangis. Muzik yang disampaikan juga tidak membosankan aku. RSF membawa 7 buah lagu yang emo. Fallen pula lebih melodic. Ada part old school. Laju juga. Untuk CD kali ini, Fallen telah membawa satu lagu cover dari Minor Threat iaitu Filler. Best giller! Psychotropic pula lebih pantas. Dengan gitar yang teknikal membuatkan band ini bertenaga. Tidak membosankan. Mereka menyanyi dalam bahasa mereka. Crickbat mengingatkan aku kepada Ignite, Gorilla Biscuits dan Warzone. Lebih melodic dan membuatkan aku terencat seketika. Terencat sikit tapi takde la sampai jadi gila. Sememangnya CD ini terbaik! Dapatkan segera. *(Dias De Juventud c/o Pza. Rosalia de Castro, Bl. 1-2°B, 36350 Nigran (Po), Spain)*

Agathocles/Ravage/Comrades 'benefit to Mince Core Act Food Not Bombs' CD

3 way split yang menampilkan band-band yang menarik. Sebenarnya CD ini merupakan 2 way split di antara Agathocles dan Comrades. Tetapi telah dirilis semula menjadi 3 way split dengan kebenaran dari kedua-dua buah band iaitu Agathocles dan juga Comrades. Apa yang mengecewakan aku ialah mutu rakaman Ravage yang agak kelam. Kadang-kadang bunyi clear dan kadang-kadang kelam. Hmm.. tak tahu apa lagi nak cakap. Macam biasa, AG main style mince core dan Ravage juga mempunyai influence besar seperti AG. Cuma Comrades memilih grindcore tepu. Comrades juga merupakan sebuah band sXe vegan yang memakai topeng ice hockey bila bermain live. Walau bagaimanapun, Comrades lebih memikat hati aku! Menarik! *(Mince Act Records c/o Jan, 17 Lorong Siakap 24, 13700 Bandar Seberang Jaya, Pulau Pinang)*

Allnationdeath 'neo imperialism' kaset

Band yang menjadi playlist aku sekarang. Kaset ini merupakan salah satu rilis dari band ini. Aku cuma ada rilis ini sahaja. Tak silap aku dah ada 2 atau 3 rilis. Crust/grind yang mempunyai paduan vokal yang menarik. Satu screaming dan satu lagi growl. Ganoh band ni. Macam Capitalist Casualties dan Comrades pun ada! Kualiti rakaman yang begitu baik sekali. Pada aku, kebanyakkan band-band dari Indonesia mempunyai kualiti rakaman yang baik. Kenapa kat Malaysia amat kurang sekali? Fikirkanlah! Kembali kepada ulasan kaset ini. Sebanyak 20 buah lagu grind yang bertenaga dengan drum double pedal. Best gila! Lirik yang berkaitan dengan situasi politikal di Indonesia. Kesemua lirik disediakan. Ini yang aku suka. Kebanyakkan rilisan dari negara Indonesia pasti disertakan lirik sekali berserta terjemahan sekali. Anyway, band ini memang menarik. *(Sound of Anger c/o Jln. Kebun Jeruk Raya, No. 76, Suite #13, Jakarta Barat 11408 Indonesia)*

Andrephagous 'blood soaked freak' CD

Humang.. ai! Seram sekali bila pertama kali aku mendengar CD ini. Andrephagous merupakan sebuah band death grind dari Jerman yang begitu menyeramkan. Kalau adik-adik mendengar CD ini sebelum tidur pasti kencing malam punya. Dengan vokal seperti dibenam di dalam lumpur dan disahut pula dengan suara jeritan nyaring seperti langsuir liar yang sedang mencari mangsanya. Band ini mengingatkan aku kepada Disgorge, Cabal, Gorerotted dan banyak band-band gore grind yang lain. Paling aku suka sekali dengar CD ini ialah bunyi double pedal yang macam bunyi machine gun. Dengan riff gitar yang berat dan ala-ala metal membuatkan aku rasa macam nak banging aje. Sememangnya aku minat muzik begini dikala aku bosan tahap dewa dan memerlukan sesuatu yang agak ganas! Setakat Parkinson tak boleh lawan la! hehe.. *(Goulash Records c/o Tim Terhechte, Ritter von Halt Str. 4, 48703 Stadtlohn, Germany)*

Cairodean 'pressure' CD-r

Datang dari Ulu Tiram, Johor merupakan sebuah one-man band. Memang talented mamat ni. Namanya Khairudin kalau tak silap aku tapi kitorang panggil Din Kambing aje. Adik dia memang lawa. Muka Japanese looks beb! Aku tak tipu punya. Aku pun tergoda tapi aku rasa aku tak setaraf dengan dia la! Dia cun sangat dan aku pula hanya seorang insan yang tak punya apa-apa! Uwa...emo siak! La...apasal aku mengarut pasal adik dia pulak? Rilisan ini memang DIY gila. Kepada peminat Fat Boy Slim atau The Chemical Brother boleh la memiliki CD ini. Walaupun aku kurang minat dengan muzik sebegini tapi kalau sekali-sekala mengubah arah angin tak kisah. Sesuatu yang harus dicuba! Adik dia lawa woo...! *(No. 10 Jalan Pulai 3, Taman Bukit Tiram, 81800 Ulu Tiram, Johor Bahru, Johor)*

Catharsis/Newborn split CD

Pasti anda semua sudah mengenali band Catharsis ini. Pasti ramai yang meminati band ini. Aku juga meminati band ini tapi tidak untuk rilis ini. Aku meminati rilis sebelum-sebelumnya. Lebih bertenaga dan ganas. Tapi untuk rilis kali ini, Catharsis sudah seperti tidak bertenaga. Banyak part melodic. Bunyi piano pun ada. Satu percubaan yang menarik. Catharsis hanya menyediakan sebuah lagu yang tidak seganas dulu. Walaupun satu lagu tapi panjang lagu itu ialah 9 minit 38 saat! Lagu hardcore yang terpanjang pernah aku dengar. Seperti biasa dengan rentak metallic hc dengan riff gitar yang berat dan drum yang kadang-kadang laju, menaikkan semangat aku! Ia pasti menakutkan adik jiran anda atau makcik-makcik yang sedang membeli sayur. Lirik yang politikal dan menjana minda. Siap diberi penerangan yang amat panjang lebar mengenai lagu yang dibawa. Newborn pula sebuah band dari Hungary yang berjaya menawan hati aku. Melodic metallic hc menjadi pilihan dengan vokal yang begitu ganas dan brutal! Vokalnya mengingatkan aku seperti Arkangel dan sedikit sentuhan Acme. Bayangkan! Newborn menyumbangkan 3 buah lagu yang semuanya best! Dan lirik yang politikal disediakan serta penerangan sekali. Seperti biasa, Crimethinc telah meriliskan split CD ini. Packaging CD yang begitu menarik sekali. Jangan lepaskan peluang untuk memiliki split CD ini. Memuaskan hati anda dan anda tidak rugi memilikinya! *(Crimethinc. 2695 Rangewood Drive, Atlanta, GA 30345 USA)*

Children Of Bodom 'hatebreeder' CD

CD ini merupakan cetakan untuk negara Jepun. Jadi ada keistimewaannya kerana terdapat satu lagu bonus! Yea.. yea..! Sebuah rilisan yang amat bagus sekali. Tidak salah jika aku mengatakan bahawa kualiti bunyi CD ini adalah yang terbaik sekali yang pernah aku dengar. Sebuah band metal yang ganas diiringi dengan bunyi keyboard yang melodic. Skill gitar yang amat tinggi dan gorengan maut dari gitarisnya membuatkan aku tak henti-henti banging! Memang syok habis! Terdapat 10 buah lagu termasuk satu lagu bonus. Arghh.. aku tak tahu bagaimana nak menilai CD ini! in adalah yang terbaik sekali! Fuhh.. *(Spinefarm Records)*



Children Of Bodom ' something wild' CD

Waduh-waduh.. Rasa'in goyangnya! Datang lagi dengan album yang lain! Tiada apa yang perlu aku terangkan lagi cuma dapatkan segera mana-mana album Children Of Bodom ini kerana anda pasti tidak akan menyesal! Percayalah! *(Spinefarm Records)*

Dajjal 'amarah' kaset

Menyeramkan! Menakutkan! Mengerikan! Memualkan! Itulah yang dapat aku fikirkan bila mendengar kaset ini. Datang dari Indonesia. Death grind yang cukup bertenaga daripada 4 orang pemuda Indon. Dengan drum yang pantas serta riff gitar yang berat membuatkan aku sentiasa hendak banging. Begitu menarik sekali. Influence besar Cannibal Corpse dan band-band death grind. Apa yang menarik sekali di sini ialah layout sleeve kaset ini. Begitu menarik sekali grafik artworknya. Cuma yang mengecewakan, tiada lirik disertakan. Cuma dari tajuk lagu yang terdapat di dalam sleeve kaset ini menunjukkan mereka menyanyikan lagu dalam bahasa ibunda mereka. Kualiti bunyi yang begitu baik dan profesional sekali. *(Dajjal c/o Jl. Cibarengkok No. 13 RT 04/06, Bandung 40162 Indonesia)*



Dead Pits 'titik balik' kaset

Pasti anda semua pernah mendengar nama band ini. Ia pernah tampil dalam kompilasi Breathless (band-band Indonesia). Sebuah band yang memainkan muzik '88 old school hardcore yang begitu energetik sekali. Kadang kala ada rentak yang begitu melodic dan terdapat juga beberapa buah lagu yang berentak punk rock. Mungkin ini merupakan trademark band old school hc dari Indonesia? Entahlah. Buat masa ini, album ini merupakan playlist aku! Dengan rentak yang pantas dan bertenaga serta sing-a-long yang menarik membuatkan album ini terbaik. Terdapat 10 buah lagu yang tidak membosankan anda. 4 buah lagu di dalam bahasa mereka dan selebihnya dalam bahasa Inggeris. Aku rasa, kepada peminat old school di luar sana perlu memiliki kaset ini. *(Pinball Records c/o P.O. Box 6239, JKBGK 11480, Jakarta, Indonesia)*

Selamat ulang tahun...bintang malamku

oleh Amin

19 tahun dari sekarang...
mungkin engkau akan lebih kecewa...
dengan hal-hal yang tidak pernah engkau lakukan...
dibandingkan dengan semua hal yang pernah engkau lakukan...

bersinarlah bintang malamku sayang...
keluarlah dari cahaya yang bersinar menerangi gelap malam...
keluarlah kasihku sayang...
lepaslah dari kenangan yang mengungkungmu...

bebaskan dirimu sayang...
bentangkanlah cahaya indahmu yang bersinar...

19 tahun dari sekarang...
.mungkin aku akan lebih kecewa...
dengan semua kebodohanku padamu yang pernah aku lakukan...
apabila dalam waktu itu aku tak dapat untuk tetap berada disisimu.

maafkanlah aku sayangku ..
yang begitu mencintaimu hingga aku selalu menyakitimu...
beri aku waktu sayangku...
untuk dapat memperbaiki seluruh jalan hidupku, hanya bersamamu.

perkenankan aku, untuk mencintaimu sepenuh hidupku...
sekarang, dan selamanya...
perkenankan aku, untuk tetap berada dalam hatimu...
masa kini, dan masa yang akan datang...

selamat ulang tahun, Bintang malam...

"It's right for me to cry if almost everything I ever did, I ever told is just hurt your feelin' so bad... everybody's hurt and everybody's cry"

Aku menulis semua hal diatas disaat aku merasa begitu bersalah kerana aku, telah menyakiti hati seorang yang begitu istimewa dalam hidupku. Ketidak percayaanku, ketidak yakinanku yang disebabkan kerana rasa marah pada diriku sendiri, yang aku keluarkan pada seseorang yang kuanggap paling mengerti akan diriku. Ya, ketidak yakinanku hampir membawa kearah kehancuran sebuah hubungan yang begitu berharga bagiku...

Apa yang lebih membuat aku merasa sakit adalah saat aku merasa bahawa aku telah menyakiti hatimu bintang malamku, justeru disaat hari-hari dimana sembilanbelas tahun yang lalu engkau terlahir kedunia ini. Aku begitu merasa berdosa...ya, berdosa apabila memang dosa itu wujud dalam kehidupan peribadiku...

Hal yang paling berharga dalam hidupku saat ini hanyalah dirimu, kerananya aku melihat segala yang ada dihadapanku seakan blank dan tak berharga lagi. Tak ada lagi keinginan apapun selain hanya mendengar bahawa engkau telah memaafkan diriku, bintang malamku. Aku sedar bahawa akan teramat sulit untuk memaafkan diri seseorang seperti aku yang telah menyakiti dirimu berulang kali dan hanya dapat berkata maaf. Tapi apalagi yang harus aku ungkapkan bahawa aku begitu menyesal, bintang malamku?

"...don't wanna loose you now... don't wanna loose somehow... forever... and ever..."
Don't wanna loose you...

I prefer not to live than still breath with this guilty feelin' with my every single fuckin' breath...

"...you're the fire... for all my inspiration
you're the light... that brighten up my day
you're the hope... in time of desperation
and you know, yes I know... you're the love of my life..."

But i'd rather be alive if I can live, to spend the rest of my life with you, my dear...

"Aku hanyalah seorang manusia biasa yang dapat merasakan jatuh cinta. Aku tidak bisa menolak bahawa aku bukanlah seorang robot-robot anarki yang telah diprogram sedemikian rupa sehingga apapun yang aku tulis, aku hasilkan, dan aku katakan setiap hari bertema penentangan terhadap apapun yang dihasilkan oleh sistem dan pemerintahannya, tetapi apa yang aku tulis disini saat ini adalah merupakan apa yang aku rasakan dalam diriku sebagai seorang laki-laki biasa yang telah jatuh cinta kepadamu bintang malamku..."
Aku hanyalah seorang manusia biasa yang dalam perjalanan keyakinannya akan terciptanya sebuah golongan masyarakat tanpa kelas dan tanpa penindasan seringkali merasa lelah dan hampa. Dan aku tidak harus menolak ketika hatiku berkata, "Hey, engkau sedang jatuh cinta!" dan aku juga tak kuasa menolak untuk melakukan berbagai macam hal seperti selayaknya seseorang yang sedang jatuh cinta...
Aku hanyalah seorang manusia biasa yang dapat merasa menyesal saat menyakiti hati seseorang yang dikasihinya. Aku tidak bisa berpaling dari kesalahanku bahawa ternyata aku memang bersalah untuk kemudian mengharapkan ampunan dari seorang dewi yang begitu aku hargai kehadirannya didalam hatiku...
"Perkenankanlah aku untuk mengungkapkan isi hatiku tidak seperti biasanya..."

Sebuah catatan terakhir...
"...what have I done, what lies I have told, I played games with the one that rescued my soul..."

Aku pernah mengirimkan sebagian kata-kata diatas bersama sebuah potret ini pada Bintang malam kekasihku tepat di hari ulang tahunnya yang ke 19 tahun, dan beberapa bulan setelah aku menyakiti hatinya. Dan kini semua kata-kata diatas ini, sekali lagi aku persembahkan juga secara istimewa, untuk dirimu... you're my love life... maafkan diriku atas apa yang telah kuperbuat hingga menyakiti dirimu begitu dalam...

Selamat ulang tahun bintang malamku, semoga kasih kita ini benar demikian adanya. Sekarang dan selamanya...

Bentangan sunyi:::
Amin::durjana-pemetik-bunga
00:54:37, 18 sept 2k,
Dihadapan layar internet yang tak pernah lelah dan dipenuhi dengan gejolak emosi...yang kininya pudar...

Temanku yang diingati

oleh Amin sekali lagi



Temanku
Kehadiranmu adalah sesuai dengan bak kata pepatah "bagai aur dengan tebingnya". Justeru itu daku tidak sekali-kali dapat menghilangkan kisah suka-duka kita bersama. Daku termata terkenangkan kisah itu. Dan tak mungkin aku bisa lupakan. Kenangan silam yang kita lalui serta tempuhi, banyak mengajar aku tentang erti sebuah kehidupan.

Temanku
Seharian tanpamu sering membuatkan aku kelemasan. Aku KUSUT dalam pencarian. Dimanakah temanku itu? Adakah dia sengaja meninggalkan aku atau apa ? Apa salah aku.. aku terkenang dalam pengabdian yang nyata hanyut bersama arus mimpiku.

Temanku
Aku bakal pulang kesisimu, aku tak pernah bisa lupakan belai tawa-mu. Saat kita bersendaloka, beralun-senyum, bergurau-senda tanpa perasaan amarah, hanya sebagai penghibur hati sebagai seorang insan dengan saudaranya yang lain. Tidakku mohon yang lebih dari itu, kerna aku sedari siapakah aku yang haqiqi...

Temanku
Aku temuimu di merata, di halamanku, di kampungku, di jalanan, di ibukota, di kota metropolitan, di seberang laut, di Kuala Lumpur, di Taman KLCC, di Mid Valley, di Bandar Tenggara, di Talianmu 013 , di Pantai Dalam, di alam maya dan di seratanya aku sering menemuimu. Hingga kita bakal ke pentas persandingan, justeru mengatur strategi sejati untuk mengalirkan sisa perjuangan yang belum selesai.

Temanku
Marilah kita layarkan bahtera idea semangat. Usah berdalih dengan hasutan setan keparat itu. Kita yang harus mengubah nasib kita, jangan hanya kita bulat-bulat berserah kepada-Nya. Kita yang harus menjunjung titah mulia. Jangan hanya kita mewarisi tanpa persoalan yang nyata. Fikirlah mana kemana kita? Mahu jadi apa kita? Susungguhnya kita punya akal, maka seharusnya fikirlah apa yang paling baik.

Temanku
Ayuh bangkitlah bersatu, jangan hanya berpeluk-tubuh. Kita takkan kemana-mana, kita yang harus memikirkan untuk hari esok.

"temanku yang hilang hingga aku dibayangi mimpi ngeri":::
::di satu sudut yang singkat::
::Amin:::

Lollipop Telegram

By TiFLa

It's 12th. October and nearly 3 a.m. I can't sleep because I just woke up at 12 am. I slept early today maybe because I'm too tired. I just completed reading 'a day of broken promises' a.k.a 'rintihan perasaan' which I bought a few weeks back during a gig in JB. As I flipped the zine from page to page I saw a section where the editor, Fendy asking for contribution in articles, poems and reviews. It stated that the contribution should reach him before 1st. November 2001.

Here I come as a friend to help him out. At first, I have doubt and hesitate with myself to write to him. Then, I think why shouldn't I give it a try. I'm not good with writing and I'm not the kind of people who like to show my feelings. I'd rather keep it to myself than bothering other people to know what I feel. I hide what I feel and I guess my feelings are meant for me but I've to let and share this feeling with all of you guys out there. Few people understand me but mostly not or could not be bothered.



I don't know where to start but I would like to tell all of you that I want to share with you a story of mine. Everybody has their own dad but do they love their dads? I love my dad a lot because for all the years in my life I've seen what he has done for me and my family. He did a lot as a leader in the family and sacrifices a lot for me. He takes a very good care of me. He makes life and things easy for me since I was little. As a child, I would say he did his part very well.

I remembered that he's the one who used to make my breakfast early in the morning during my school days. He sent me to school and he makes sure eveything is prepared and well organized for me. I'm all prepared from head to toe. It is too much if I tell you that he's the one who used to wash my shoes but that's the true and I can't deny it. You can say I'm spoilt or being pampered but that's the way my dad brought me up. I can say I'm useless in doing things. I can't even iron my clothes and do stuffs. My dad is the one who do the household chores from washing, ironing, cooking and others.

Lately, I had my dinner with him. As he was clearing the kitchen, I asked him why he spoilt me and not letting me do all the things or trained me with all those works. He answered that he wants to provide an easy life for me. He just wants me to concentrate on my studies. I'm sad when I heard that because I'm not doing excellent and performing well in my studies. I did get 1st grade in the SPM but it's not something to be proud of and without quality. I did my matriculation and I'm glad I had a place in a local university. In my first semester, I did very badly. I nearly get kicked out of the university. If I failed to get something good in the 2nd semester I wont get the chance to study there anymore. I'm waiting for my result now and I hope it's going to be well. Amin.

I still remembered how depressed and frustrated he was when he received the slip of my results. I'm not bothered and nearly ended my study there. I lost hope, I was down, and I'm tensed and pressured with my surroundings. I don't know whether I want to continue or quit. There came my dad and talked to me and asked me about my decision of life. He told me his opinion and asked me to continue. With the support from my dad and a special person in my life I decided to continue it. I'm glad I didn't call it quit.allright, enough about my studies.

I still remembered when I was 8. I broke my left arm. He was the one who brought me all the way to Singapore to get the treatment. I don't know how many days he had taken off just to take care of me and bring me back to Singapore for further treatment. I just feel lucky to have such a great dad. My dad is such a quiet person and quite secretive about his feelings. I guess I inherite his secretive feelings but I'm not a quiet person. I talked a lot with people I'm comfortable with. Some people may think I'm hard to get along with. My dad never complained or talked about his sacrifices but that's enough for me to know what he did and all the tears and every drip of his sweat is meaningful to me. I think if im going to be a dad, I can't even be better or even as great as him. I love him so much and it is not too much if I said 'syurga di bawah telapak kaki my dad' besides my mum. I can't promise anything to him but I'll always try to make him happy and make he feels that all his sacrifices is worth it. I'm happy to have a very concern, loving and great dad. I love you dad.

The lollipop bring back the memories of spring
When I got my first sad goodbye
I miss the comfort that you gave
In a sweet embrace
I miss the man I called father
The man who love me so
When I look at this picture
When he is holding me
I know I need to be hold now
As much as then
He used to tell me about love
And hold me when I was scared
Leiah (Lollipop Telegram)

20.02.2002

oleh Sidharta

Mukadimah; Cinta. Cinta seperti ombak, manusia seperti pantai. Ke mana juga larinya manusia itu, dia telap akan disentuh oleh cinta. Indah atau tidaknya pantai itu bergantung kepada keras atau lembutnya ombak yang melanda. Seperti kata Hamka dalam *Di Bawah Lindungan Kaabah*; Cinta adalah perasaan yang mesti ada pada tiap-tiap diri manusia, ia laksana setitis embun yang turun dari langit, bersih dan suci. Cuma tanahnyalah yang berlain-lainan menerimanya. Jika ia jatuh ke tanah yang tandus, tumbuhlah oleh kerana embun itu kedurjanaan, kedustaan, penipu, tangkah serong dan lain-lain perangai yang tercela. Tetapi jika ia jatuh kepada tanah yang subur, di sana akan tumbuh kesucian hati, keikhlasan, setia budi pekerti yang tinggi dan lain-lain perangai yang terpuji. Ada peribahasa arab yang berbunyi begini; lemparkan seseorang yang berbahagia dalam cinta ke dalam laut, dia akan timbul dan membawa seekor ikan. Letakkan seseorang yang menderita dalam cinta ke dalam gudang roti, dia akan mati kelaparan. Tengoklah, begitu hebatnya kuasa percintaan ini.

20022002. Satu tarikh yang orang kata memang menarik. Aku pun mengakuinya juga. Orang Cina cakap, tarikh ni memang ada 'ong'. Ntahlah, aku pun tak tahu kat mana 'ong' tu terletak tapi memang aku menyukai tarikh ini. Senang diingati! Pada tarikh ini jugalah, aku mengatakan perkataan 'sayang' yang seorang gadis yang selama ni aku minati. **'Aku sayang pada kau'**. Itulah perkataan yang telah keluar dari bibir aku pada waktu itu. Memang dah lama aku pendam untuk mengatakan perkataan ini. Selama ini memang aku segan, malu, cuak untuk meluahkan perkataan ini. Yelah, mana tahu jika selama ni aku hanya bertepuk sebelah tangan aje. Tapi pada tarikh ni, aku jadi berani untuk mengeluarkan ayat ini. Mungkin aku hendak mengabdikan sesuatu pada tarkih ini dan akhirnya aku berjaya. Dan aku juga tak menyangka yang aku telah mendapat respon yang begitu baik. Dia suka tu! Perghh.. aku lagi la suka kalau dia suka. Bak kata orang; "Jika hati hendak terbang, tiada siapa yang rela merangkak". Hehe... rupa-rupanya, dia suka mendengar ayat ni dan secara jujurnya, ia lahir dari hati aku yang ikhlas dan jujur. Memang aku sayang kat gadis ini. Selama ni, aku mengagumi dan meminati cara dan perangai gadis ini. Lincah, periang, peramah, kelakar dan semuanya ada. Memang gadis pujaan hati aku. Hmm... adakah aku di lamun percintaan? Aku pun tak tahu cuma aku dah lama meminati gadis ini. Seperti kata seorang pujangga; ' Cinta ini laksana demam campak. Setiap orang pasti merasakannya'. Betullah kala orang, 'Lemas di dalam air boleh membawa maut, tapi lemas kerana cinta masih membawa nikmat'. Hehe.. Ntahlah, aku pun asyik teringatkan gadis ini. Paling menarik sekali jika keluar berdua dengan gadis ni. Hari itulah yang dirasakan paling indah sekali. Kenapa masa begitu mencemburui. Terasa sekejap saja jika keluar berdua. 6 jam seperti 6 minit dirasa. Cepat betul masa berlalu. Aku terseksa (cheh, ye ye aje!). Adakah masa yang mencemburui diri aku atau dunia hendak kiamat? Hehe.. Tiada siapa pun yang tahu! Saling ketawa, dan saling mengusik. Memang bahagia betul pada hari itu. Indahnya dunia! Terasa seperti dunia ni kepunyaan aku. Tapi tak adil pulak kalau aku seorang saja yang nak ambil dunia ni. Kalau macam itu, aku kena lukar ayat. Terasa seperti CS tu kepunyaan aku. Hehe... tapi macam tak boleh jugak sebab nanti mampus aku kena marah dengan bebudak hip-hop horey! Hehe.. Teringat juga ketika kali pertama aku mengajaknya keluar malam iaitu untuk menemani aku makan malam di Stulang. Lepas makan, terus saja lepak di tepi pantai Stulang. Rasa macam orang dah lama bercinta. Mana taknya, di sekeliling aku semua penuh dengan pasangan yang tengah hangat bercinta. Masa itu, aku pun merasai yang diri ini pun sedang

dalam zine mahupun komuniti ini. takde la serius sangat. Ye lah, semua isi politikal sangat. Tension jugak! Tapi kepada sesiapa yang berminat zine yang politikal macam zine ni, boleh la menulis e-mail yang kepada;
(Ah-Fai, sebutirbintangmerah@starmail.com)

sirehdancengkehterpilih



poems, words & other assorted goodies

Sireh dan Cengkeh Terpilih buku A5 55 m/s RM4
Apa punya nama la buku ni. Mak-mak mesti suka dengar nama buku ni. Tapi ini bukan buku masak-masak. Ini adalah sebuah projek permuladan daripada Sireh dan Cengkeh Terpilih. Jangan terperanjat bila aku katakan bahawa nama tu ialah sebenarnya nama sebuah syarikat penerbitan. Lawak tak? Eleh, nama Jaya Jusco pun bukannya best sangat. Apa lagi City Square! Tak kisah la kalau letak nama Sireh dan Cengkeh Terpilih. Hehe... buku ni merupakan kompilasi puisi-puisi yang telah dikumpulkan oleh saudara pengarang iaitu Syed Syahrul Zarizi (adik Black). Dia ni suke ngeteh kat Binawe. Eh.. apa la aku melalut ni. Terdapat beberapa penulis yang menyumbangkan puisi-puisi indah mereka, iaitu Daniel Harr, Noel King, Aileen Kelly, Ika Vantiani dan banyak lagi. Dan yang paling aku suka sekali ialah puisi dari Alam Edelweiss. Puisi yang ditulis beliau merupakan catatan sebuah perjalanan percintaannya terhadap seorang gadis. Memang menarik. Nak tahu lebih lanjut, korang kena beli buku ni. Murah jek! Hubungi; *(Sireh dan Cengkeh Terpilih, 16 Jalan Keruing 2, Taman Rinting, 81750 Masai, Johor)*



xStandpoint of Mindx #1 zine A5 36 m/s RM2
Sekarang ini, scene JBHC semakin mengganas dengan kemunculan zine-zine baru yang semakin menggugat kehebatan zine Roots. Padan muka Dn Akar (bapa emo moden)! Wakaka.. Zine ini berkonsepkan DIY sXe hc/punk/emo zine (seperti yang tertulis di ruangan editorial). Terdapat banyak artikel-artikel menarik yang telah dimuatkan di dalam isu ini dan tidak bosan bila membacanya. Ni bukan bodek, tetapi semuanya benar! Menampilkan temuramah bersama Placeed, Plague of Happiness, Strenght Approach dan Vitamin X. Soalan yang diajukan juga boleh dikatakan menarik cuma soalan yang diajukan kepada band-band kebanyakkannya sama. Tiada kepelbagaian. Juga diselitkan lirik-lirik yang menarik. Puisi-puisi yang indah lagi penuh maksud juga telah dimuatkan di dalam isu ini. Satu permulaan yang menarik. Kepada sXedger di luar sana, boleh la menghubungi si Timmy ni sebab dia seorang sXe. Bagi surat panjang-panjang sikit, biar dia sibuk sikit. Takde la dia ni asyik melepak kat cyber café UDA sambil melihat gambar yang tak elok. Dia ni suka tengok gambar yang tak elok. Dia ada banyak disket yang penuh gambar tak elok. Hehe. Teruskan usaha anda! Hubungi; *(xTimmyx c/o Shahri Ezrin, PO Box 1004, Johor Bahru Mail Center, 80357 Johor Bahru, Johor)*

Switch Stance #0 zine A5 40 m/s RM2
Berserabut macam sial! Aku pun tak tahu macam mana nak baca zine ini. Pertama sekali aku dapat zine ini, aku pening sekejap kerana lay out yang memang berserabut gila. Dan secara jujurnya, memang aku tak baca langsung zine ini. Apalah buat zine macam nil! Takde kualiti. Nak glamour dan aku cukup menyesal trade zine ini dengan Ipan (Zero Gravity Distro). Aku cuma sempat selak beberapa muka surat dan aku nampak ada artikel pasal polis, SCR dan beberapa lagi artikel yang aku tidak boleh baca langsung. Aku pun hairan kenapa si editornya boleh mengeluarkan zine ini. Takde benda yang aku dapat kalau aku baca zine ini. Cuma yang aku dapat, pening kepala. Itu saja! Sebenarnya, aku nak mengulas zine ini dengan baik, tetapi tidak ada sepatah perkataan untuk memuji zine ini yang keluar dari kepala aku. Kalau aku jadi cikgu, nak beri 1 markah kesian pun susah la, orang cakap! Hmm... pesanan kepada sesiapa di luar sana terutama pembaca yang hendak memiliki zine ini dari aku, aku boleh bagi percuma sahaja. Aku tak kisah kalau aku rugi RM2! Dalam masa sebulan zine aku ini rilis dan tiada orang yang hendak memiliki zine ini daripada aku, akan aku buang sahaja ke dalam tong sampah! Kepada sesiapa yang degil hendak membeli zine ini, sila hubungi; *(Sukry Baharuddin, 61, Kg. Dato' Sharif Ahmad, 28050 Temerloh, Pahang) (Nak can alamat editor pun, aku mengambil masa satu jam! Gila la zine ni!)*

The Spirit of Hostel #3 & 4 n/l A5 4 m/s Percuma.
Perghh... aku ingatkan n/l metal tadi sebab nama editornya ialah Puaka Buruan. Seram sejuk aku bila nak start baca n/l ni. Tapi setelah start membaca, aku tersipu-sipu senyum kerana ayat yang ditulis dalam n/l ni berterabur sikit. Hah.. untuk pengetahuan semua, n/l ini ditulis dalam BI. Anyway, tahniah sebab cuba manulis dalam BI walaupun nampak terabur sikit. Tak macam aku, BI pun bersepah! Hehe ..O. Tiada apa yang menarik mengenai n/l ini kerana artikel yang kurang menyengat. Artikel banyak merangkumi pasal dadah, alam sekitar dan juga persahabatan. Lay-out yang agak kemas! Yang paling menarik sekali ialah gambar awek editor! Cun wooo... Siapa yang nak berkenalan dengan awek dia kena kontek; *(Puaka Buruan, straightXedge85@hotmail.com)*

Urban Guerilla #9 zine A5 36 m/s RM2
Boleh dikatakan menarik zine ini. aku rasa zine ini lebih menumpukan kepada muzik fast/hc/punk. Cuma apa yang membosankan zine ini ialah, tiada artikel langsung. Hanya temuramah dan ulasan muzik semata-mata. Bosan jugak! Walau bagaimana pun ia mendalangkan kembali mood aku dengan soalan-soalan yang menarik. Menampilkan temuramah bersama Social Infestation, The Neighbors, Ted Falconi, Slowdeath dan editor Knuckle Express Zine. Juga terdapat foto-foto yang menarik. Anda boleh mendapatkan zine ini di alamat; *(UGZ, PMB 419, 1442A Walnut Street, Berkeley, California 94709 USA)*

Why Vegan? Booklet A5 16 m/s Percuma
Aku mendapat booklet ini dari salah sebuah organisasi yang memperjuangkan veganisme iaitu SOAR. Walaupun aku bukan lah seorang vegan tetapi aku mempunyai hak untuk membaca booklet ini. Banyak ilmu pengetahuan yang aku perolehi setelah membaca booklet ini. Apa yang terkandung di dalam booklet ini, ialah info-info mengenai binatang-binatang yang menjadi korban untuk kita (manusia) makan. Antaranya, ayam, lembu, babi dan burung. Terdapat juga info-info mengenai pusat penyembelihan binatang dan cara-cara penyembelihan yang dilakukan oleh penyembelih. Agak sedih sekali bila melihat gambar-gambar lembu yang digantung dan tengah disembelih. Perghh... sedih sungguh dan terharu bila aku melihatnya. Terdapat juga info mengenai kesan-kesan vegan terhadap tubuh badan manusia dan kebaikan menjadi vegan. Tidak lupa juga terdapat infomasi tentang ujikaji terhadap haiwan yang dilakukan oleh segelintir pengusaha barangan penjagaan tubuh badan antaranya Colgate Palmolive, Procter & Gamble (P&G), Johnson & Johnson dan banyak lagi. Jadi berhati-hatilah ketika membeli barangan kecantikan. Pastikan produk itu tidak menjalankan ujikaji terhadap haiwan-haiwan. Untuk mendapatkan senaskah booklet ini sila hubungi; *(SOAR, 235 CMU, 300 Washington Ave. S.E., Minneapolis, MN 55455 USA atau Vegan Outreach, 211 Indian Dr. Pittsburghm PA 15238 USA)*



Yang Bernama Cinta buku 150 m/s RM19
Pergh.. kepada sesiapa yang sedang bercinta, anda patut memiliki buku ini. Terbaik! Buku ini merupakan koleksi mutiara kata yang telah dikumpul oleh A. Karim Hj. Abdullah. Apa yang menarik di sini ialah, terdapat juga puisi "Kekasih" oleh Usman Awang. Aduh.. aku pun tak tahu nak tulis apa lagi ni. Banyak mutiara kata telah di ambil dapi tokoh-tokoh falsafah antaranya, Hamka, William Shakespeare, Aristotle, Leo Tolstoy dan banyak lagi. Terdapat juga mutiara kata yang diambil dari hadis-hadis. Di sini aku ingin menyelitkan satu petikan mutiara kata yang paling aku minat *"Cinta itu seperti ombak, manusia seperti pantai, ke mana juga larinya manusia itu dia tetap akan disentuh oleh cinta. Indah atau tidaknya pantai itu bergantung kepada keras atau lembutnya ombak yang melanda"- K. Scorpio.* Pergh.. mendalam sungguh maksudnya. Aku rasa anda semua perlu memiliki buku ini walau apa jua cara sekalipun. Jangan pinjam! Tak puas kalo pinjam sebab nanti kena pulangkan balik! Baik korang beli. Jual stuff, minta duit kat mak atau pow awek korang. Tapi yang penting jangan mencuri duit orang lain. Dosa! Hubungi; *(Utusan Publications & Distributors Sdh. Bhd, No. 1 &3, Jalan 3/91A, Taman Shamelin Perkasa, Cheras 56100 Kuala Lumpur)*

Top 20 list zine, n/l dan buku terbaik:

1. Yang Bernama Cinta *buku*
2. Hodpodge #6 *zine*
3. Ganyang #5 *zine*
4. DRSA #5 *zine*
5. Sireh dan Cengkeh Terpilih *buku*
6. Reunite #2 *zine*
7. Downsided #5 *zine*
8. Not Really Better (a fiction by Laurie Voltz) *buku*
9. Cronically Donut #11 *zine*
10. Heartattack #30 *zine*
11. Human Drama #? *zine*
12. Scent of Poetry #1 *zine*
13. Roots #2 *zine*
14. Aliran Speaks *buku*
15. Arise #3 *zine*
16. Sebulir Bintang Merah #2 *zine*
17. Filterlane #2 *zine*
18. Leapfrog Bicycle zine #1 *zine*
19. East Rage #2 *n/l*
20. Embrace #7 *zine*

IKLAN; Cronically Donut #12 dah release. Cronically Donut #12 dah release! eh, Ko pekak eh? Cronically Donut #12 dah release la! Kurang haja, orang cakap dia buat tak tau je. hoi! Cronically Donut #12 dah release la! Ah, mampos ah, muka ko. orang cakap degil. Lantak ko... (jimbo)

koleksizine.blogspot.com

unsur-unsur perkauman tapi ini adalah untuk memancing pembacanya sahaja. Bastard! Baru aku tahu dia ni sebenarnya seorang yang hipokrit. Dan secara jujurnya aku amat membenci orang yang sebegini. Walaupun editornya seorang yang nazi sympathy, aku tetap mengulas zinenya. Tapi hanya dengan kritikan. Jangan mengharap sesuatu ulasan yang menarik di sini. Hmm... datang dari Pulau Pinang. Tiada apa yang menarik sangat mengenai zine ini (menyesal aku trade!). Mungkin disebabkan oleh isu yang pertama. Dibuat oleh seorang wanita hipokrit dan penipu yang sudah berumahtangga aku rasa. Terdapat temuramah bersama editor Metal Command zine dan Aim dari Dunkhirzam. Soalan bodoh yang diajukan boleh tahan dan diberi kerjasama yang baik dari penjawab. Artikel yang cukup banyak yang merangkumi pelbagai isu dan topik. Kebanyakkannya, luahan dan kemarahan yang amat sangat dari editor. (Tapi aku lagi marah!) Penulisan yang straight to the point. Cuma kebanyakkan artikel tersebut terlalu pendek. Tak puas membaca! Tidak lupa juga terdapat ulasan bahan bacaan yang terlalu ringkas. Seperti mengulas flyers pula. Tak best la camni. Untuk dapatkan zine ini, anda boleh la menghantarkan surat ugutan atau bom tangan ke; *(Iza, Lot G55, Terminal Bas, The Summit BM Plaza, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang) (p/s- apasal kau tak balas surat aku?)*

Psychotic Art Zine #8 A5 52 m/s RM3

Zine paling lama bertahan di Seremban! Memang aku tidak nafikan! Sebelum ini terdapat beberapa buah zine yang lahir dari Seremban tetapi sekarang sudah senyap. Antaranya, Retaliate 99, Straight Hate dan beberapa buah lagi. Aku secara jujurnya meminati zine ini. Dengan artwork yang ganas-ganas dan menarik, cukup untuk membuatkan aku jatuh cinta dengan zine ini. Terdapat juga catatan-catatan yang menarik pada setiap artworknya. Untuk isu kali ini, ia menampilkan temuramah bersama beberapa buah band. Antaranya ialah Gorerotted, Crunken Orgy of Destruction, Haemorrhage dan Anal Blast. Soalan yang diajukan juga begitu baik dan diberi kerjasama yang begitu baik oleh band berkenaan. Inilah yang dikehendaki! Kepada sesiapa yang meminati zine yang berkonsepkan art bolehlah membeli zine ini. Anda tidak akan rugi! Sila hubungi; *(Amir, 191, Jalan Kenanga, 70300 Seremban, Negen Sembilan)*

Relationship #2 zine A5 40 m/s RM2

Waduh-waduh.. kakak editor zine ni cun woo.. Sinting gue! Kerja kat Pejabat Pos Besar JB. So, kepada sesiapa yang nak ngorat kakak dia. Kena baca zine ni dulu. Yelah, macam cakap orang tua-tua, nak dapat anak, kena pikat mak dia dulu. Sama macam situasi sekarang ni. Nak dapat kakak kena pikat adik dia dulu. Hehe.. okay, kembali kepada ulasan zine ni pula. Secara jujurnya, zine ni lebih kurang serupa dengan kebanyakkan zine lain di Malaysia. Tiada yang istimewa. Artikel yang boleh dikatakan menarik, merupakan luahan kemarahan editor-editornya. Sususan ayat yang terbaik dan mesej dapat disampaikan dengan sempurna sekali. Terdapat temuramah bersama editor Learn To Peace dan Bugstar. Soalan yang diajukan boleh dikatakan menarik cuma yang mejawabnya pula macam tutl.. tak memberi komitmen langsung. Aku bosan gila babeng baca jawapan Azali. Kerek semacam dia jawab. Macam rock star pulak! Wakaka... ntah la mungkn masa Azali jawab interview tu, dia ada tekanan kot! Tak pun style dia jawab interview memang macam tu. Tulis surat ngan aku pun semacam jek! Ntah la.. Tak boleh salahkan dia 100%! Hehe.. Juga terdapat scene reports dari Tangkak. Hmm.. aku pun tak tahu nak tulis apa lagi. Untuk dapatkan zine ini dan kakaknya juga sila hubungi; *(Ferdaus, 197 Jalan 6, Taman Emas Merah, 81500 Pekan Nenas, Pontian, Johor)*

Renaissance #1 n/l A5 20 m/s percuma

Sebuah n/l yang datang dari Kota Tinggi. Editornya memang rajin amat. Mana tidaknya. Kesemua penulisan di dalamnya, ditulis dengan tangan! Nasib baik tulisannya, boleh dibaca dan kemas. Layoutnya juga tidaklah terlalu berserabut. Kali ini iamenampilkan satu temuramah iaitu bersama editor Rintihan Perasaan. Soalan-soalan yang ditanyakan amat menarik sekali dan membuka minda pembaca. Artikel-artikel yang tersemat di dalam zine ini juga boleh dikatakan menarik. Ada diantaranya menyentuh jiwa dan membuatkan kemarahan yang amat sangat. Rasa kebencian timbul setelah membaca artikel-artikelnya. Memang menarik! Gaya penyampaian yang hebat! Terdapat juga scene report dari Melaka. Amat panjang. Tidak lupa juga ulasan bahan bacaan dan muzik yang sikit. Walau apa pun, ia memang menarik. Dapatkannya di; *(Mohd. Rosharuin, 1376, Felda Air Tawar 2, 81920 Kota Tinggi, Johor)*

Renaissance #3 n/l A5 4 m/s percuma

Muncul lagi dengan isu yang ketiga. Semakin nampak perubahan dalam setap isunya. Untuk isu kali ini a agak nipis berbanding isu yang pertama. Tetapi tay outnya cukup kemas. Aku memang meminati n/l ini kerana artikelnya yang berkualitas. Luahan dari editornya, menghasikan artikel yang menarik. Banyak artikel yang diselitkan di dalam n/l ini. Aku pun tak tahu nak tulis apa lagi cuma kesimpulannya, n/l ini patut dimiliki. Hubungi; *(Alamat sama di atas)*

Reunite #2 zine A5 48 m/s RM2

Sebenarnya aku telah mengulas zine ini di dalam isu #0, aku rasa. Tetapi setelah aku baca kembali, aku terpanggil untuk mengulasnya lagi. Memang menarik. Nak tahu mengapa? Belilah sendiri! Hehe... takdelah, aku hanya bergurau senda. Di dalamnya terdapat temuramah bersama editor-editor zine. Antaranya Cteh (Old Skull), Apex (Neon), Huzaiba (Maximum Think), Didi (Anti), Najib (Solidaritas), dan Ibrahim (Ganyang). Sesuatu yang menarik kerana kesemua soalan yang diajukan kepada editor sememangnya bagus dan menarik minda. Editornya seperti hendak mengupas persoalan yang terbuku dihati. Dan ia mendapat kerjasama yang cukup memberangsangkan oleh editor zine yang ditemuramah. Mungkin kerana soalan-soalan yang diajukan begitu baik, sebab itulah mereka dapat menjawab dengan panjang lebar. Dari segi artikelnya pula, memang menarik. Walaupun pun pendek tetapi ianya mempunyai maksud yang tersirat. Seperti sindiran atau pun kutukan. Memang menarik. Bila anda membaca artikelnya buat pertama kali, pasti anda terpikir, apasal editornya membuat artikel yang bodoh ini. Tetapi bila anda membacanya buat kali kedua dan berfikir sejenak, pasti anda akan tersenyum kerana ada saja pengajaran yang ingin disampaikan. Di sini aku sertakan satu keratan artikel di dalam zine ini. Sila baca; *Huh! Dah nak mencecah 2 hari aku tak mandi. Badan pun dah gatal-gatal. Cikgu kata kita perlu mandi. Kita perlu menjaga kesihatan tubuh kita. Bau badan pun dah busuk gila. Tak patut jugak aku rasa lepas main bola pun tak mandi lagi. Apa laa nak jadi. Kalau aku mandi, badan aku yang busuk boleh jadi wangi semula. Tapi laa, aku rasa aku akan mandi setiap masa kalau hati aku turut jadi wangi bila mandi. Hehe.. baik badan busuk dan hati busuk...* Perghh... tengoklah, artikel yang pendek dan nampak bodoh tetapi dapat satu pengajaran yang tersirat di dalam artikel itu. Dan sememangnya zine ini salah satu zine yang terbaik di Malaysia! Tahniah... untuk berkenalan dengan editornya yang peramah serta pelawak antarabangsa, bolehlah menghubunginya di alamat; *(Firdaus, 33 Lorong 31, Taman Ria 2, Batu 7 Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang)*

Roots #2 zine A5 44 m/s RM2

Perggbh... nak tunggu zine ini rilis isu kedua makan masa 4 tahun. Lama tu! Zine paling lama delay dalam sejarah penerbitan zine di Johor Bahru. Tetapi kali ini, ia kembali dengan mengancam semua editor-editor zine di Johor Bahru. Untuk isu kali ini, hanya Azaruddin (atau nama lain, Indiana Din) saja yang membabitkan diri. Afza hilang kemana, aku pun tak tahu. Cukup ganas! Dengan kulit cover depan gambar budak punk rambut Mohawk! Ganas sungguh! Tapi seganas-ganas Din ni, dia ni la 'bapak' emo kat Johor Bahru. Tak ingat punya emo, sampai nak tendang bas. Gila punya emo ni! Kalah Mineral. Mineral pun tak emo macam Din. Layout yang semakin kemas berbeza dengan isu pertama. Bukak muka surat yang pertama saja, dah ada gambar orang bertunang (kau bila nak bertunang, Din?). Gila la mamat ni! Penulisannya juga bagus-bagus dan panjang-panjang belaka. Din ni memang orang yang pandai menulis la. Ntah-ntah masa SPM dulu, karangan BM dia memang power. Itu tak masuk UPSR lagi. Karangan dia mesti A ni! Mesti cikgu BM dia sayang kat Din! Kalau, anda baca di bahagian editorialnya, ada terdapat gambar Atan (dummer Parkinson merangkap drummer terhandal JB) kena puku!! Kesian Atan! Eh, silap.. padan muka ko, Atan! Hehe... untuk ruangan temuramah, Din telah berjaya menemuramah 2 buah band yang boleh dikatakan hebat iaitu Penghapus dan Kamasutra. Aku cukup minat membaca jawapan dari pada band Kamasutra kerana kesemua anggotanya menjawab temuramah itu. Cukup panjang. Artikel-artikel yang terdapat di dalam zine ini memang cukup bagus dan menarik. Dapat juga ia mambuka minda aku setelah membacanya. Artikel-artikel yang merangkumi topik-topik seperti politik, alam sekeliling serta komunikasi di dalam scene hc/punk ini. Cukup menarik. Terdapat juga scene report dari Pasir Gudang, Bandar Tenggara dan Tangkak. Tidak lupa juga info mengenai Johor Bahru yang cukup panjang. Dari segi lay out, sememangnya cukup kemas dan tidak memeningkan aku untuk membaca. Terdapat banyak gambar-gambar menarik kerana Din ini seorang jurugambar yang berjaya. Sememangnya, zine ini cukup menarik untuk dimiliki! Kepada sesiapa yang berminat untuk memiliki zine ini bolehlah menghubungi Din. Tapi, pastikan tulis surat tu panjang-panjang sikit sebab dia tak suka surat yang pendek-pendek! Sila hubungi; *(Bapa emo moden 'Indiana Din', 16 Lorong Jaya, Jalan Merdeka, Kampung Melayu Majidee, 81100 Johor Bahru, Johor)*

Scent of Poetry #1 zine A5 40 m/s Percuma

Fuhh.... Sebuah lagi zine yang cukup menarik. Bukan aku nak membodek walaupun editornya seorang gadis. Tapi ini lahir dari dalam hati aku. Secara jujurnya, aku memang meminati zine ini. Walaupun tiada unsur-unsur hc/punk di dalam zine ini tetapi ia memang menarik. Hanya puisi-puisi indah sahaja yang memenuhkan segenap ruang di dalam zine ini. Pusi-puisi indah serta menyentuh jiwa dan raga aku selaku pembaca. Memang Ajja (editor) seorang yang pandai menulis puisi. Walaupun penulisannya di dalam Bahasa Inggeris, tetapi ia tetap menarik kerana gaya penulisannya yang bagus. Terdapat beberapa orang yang telah menyumbang hasil penulisan puisi mereka antaranya, Fazrin (Dash Own), Zura, Ein & Julia, Fify, Candle After Midnight,Aieda, Onie dan Setan Hijau. Semua hasil penulisan mereka memang menarik! Cuma layoutnya sahaja yang kurang kemas dan banyak membazirkan ruang kosong. Tetapi ia tetap menarik. Kepada sesiapa yang hendak berkenalan, mengurat, mengusha, meminta dan mengepow zine ini, sila hantarkan surat yang benar-benar panjang dengan tulisan yang cantik kepada; *(Ajja c/o Shahazura Shahanin, Lot 721 Batu 15 ½, Jalan Sungai Tiram, 81800 Kg. Tenang, Johor)*

Sebutir Bintang Merah #2 zine A5 56 m/s RM2

Politikal rabak zine ni! Walaupun nama zine macam nak emo-emo, tapi bila kita lihat sekali lagi, sebutir bntang merah, bintang revolusi! Hell yeah.. zine ini memang menarik. Terdapat banyak artikel yang begitu membuka minda aku selaku pembaca. Ramai penulis telah mengambil bahagian dalam kolum penulisan. Amat menarik. Setiap penulisan ditulis dalam bahasa melayu. Memudahkan lagi aku membaca zine ini dan memahaminya. Biasalah, aku ni orang jawa, mana pandai nak baca bahasa inggeris. Setiap penulisan berunsurkan politikal. Gila la dan aku harap jangan jadi PC sangat sudah la! Tak rock! Terdapat juga sebuah temuramah bersama Ucok dari Harder Records. Kadang-kadang aku rasa bosan juga bila baca zine yang begitu serius macam SBM ni. Kalau boleh, selit-selitkanlah benda-benda yang kelakar. Tambahkan sikit, unsur-unsur lawak

hangat bercinta. Macam-macam kami berbual dan bergurau senda. Hehe.. Memang betul kot, aku sedang dilamun cinta cuma aku tidak berani meluahkannya buat masa ini. Aku belum bersedia untuk bercinta pada masa ini. Biarlah aku tumpukan perhatian aku pada pelajaran aku. Biar aku uruskan diri aku dulu. Macam mak aku selalu cakap, "Awak uruskan dulu diri awak dulu, baru boleh uruskan diri anak orang lain. Habiskan belajar dan cari kerja yang bagus baru fikir pasal bercinta!". Betul juga kata mak aku ni. Biasalah, dia lebih banyak makan garam dari aku yang baru ada kat dunia ni 21 tahun. Dia dah 49 tahun kat dunia ni. Aku kena respect pada pandangan dia. Tapi aku tak tahu, sampai bila aku dapat menahan gelora nafsu cinta aku ni terhadap gadis ni. Memang aku benar-benar sayang kepada gadis ini. Aku tak mahu dia terlepas pada orang lain kerana aku amat menyayangi dia. Sumpah! Tapi macam aku kata tadi, aku belum ada keberanian untuk meluahkannya pada gadis ini. Mungkin aku perlu tumpukan pada matlamat aku dulu iaitu untuk berjaya dalam hidup dulu dan aku terpaksa menerima takdir jika gadis ini terlepas ke tangan orang lain. Aku pasrah! Kita hanya merancang, Tuhan yang menentukan segalanya. Sebelum ini aku pernah bercinta tapi kebahagiaan tidak sampai kepada penghujungnya. Pasti tersekat di tengah jalan. Aku pun tidak tahu kenapa. Tiada kisah yang teramat manis daripada kisah cinta dan tiada kisah yang teramat ngeri daripada putus cinta. Mungkin kerana sikap aku yang tidak romantik? Ada juga orang kata aku ni cepat bosan dengan perempuan. Aku pun tak tahu. Mungkin tiada jodoh agaknya. Alah, gagal bercinta bukan beerti gagal dalam hidup! Seperti kata-kata Hamka, empat perkara yang menimbulkan cinta: muka jernih; ringan tangan; mencari penyesuaian sama sendiri; sama yang di mulut dengan yang di hati. Tapi aku masih teringat kata-kata rakan sekelas aku; "Nasihat aku, pilihlah seorang perempuan yang kau rasa tak boleh bila dia takde, bukan sebab kau nak bersama dengan dia. Pilih perempuan yang kau tak boleh hidup tanpa dia bukan perempuan yang kau nak hidup dengan dia.". Betul juga kata rakan aku ni. Pilihlah seorang gadis yang kita tidak boleh hidup jika dia tiada di sisi. Di situ lah kita tahu bagaimana hendak menghargai seorang gadis. Hmm.. kelakar juga bila teringatkan nasib aku ni yang tak pernah kekal atau dengan kata lain tak pernah bahagia! Tetapi ada seorang pujangga pernah berkata; sesungguhnya orang yang berkali-kali gagal bercinta, pada suatu saat akan menemukan cinta sejati yang sesungguhnya. Pada aku cinta itu tidak selamanya indah kerana kadang-kadang ia mempunyai seribu warna yang menakutkan. Ada orang kata aku ni seorang *playboy* tapi pada aku kalau aku seorang *playboy*, mesti aku selalu tukar-tukar perempuan setiap masa. Tapi aku baru bercinta dengan 2 orang wanita. Semasa aku bercinta memang aku tak pernah keluar atau pasang perempuan lain. Playboy kah aku? Itu yang menjadi persoalan di hati. Cuma pendapat aku, aku belum menemui seorang gadis yang betul-betul sesuai atau menepati citarasa aku ni. Adakah aku ni seorang yang memilih? Itu pun jadi persoalannya juga. Tapi, aku ada terbaca dalam sebuah novel dan aku ingin memetik salu ayat daripada novel itu; "Cinta itu tidak semestinya berakhir dengan kebahagiaan dan tidak semestinya berakhir dengan perkahwinan. Cinta sebegitu hanya boleh didapati di dalam drama cinta di televisyen...". Itulah kata-kata yang aku rasa ada juga betulnya. Pernah juga bekas kekasih aku ni meluahkan rasa cintanya kepada aku setelah dia sendiri yang memutuskan hubungan indah ini. *"I stand up and start to scream, praises to you, when I'm weak you're my strength and I cry out from my soul. Whisper back to you... I love you, yes I do. Weak but strong. If one day you feel like crying... call me... I don't promise you that... I will make you laugh... but I can cry with you. If one day you want to run away don't be afraid to call me... I don't promise to ask you to stop but... I can run with you. If one day you don't want to listen to anybody call me and... I promise to be very quite but... if one day you call... there is no answer... come fast to me.... Perhaps I need you!!"*. Begitu indah kata-kata gadis ini cuma aku tak mahu pisang berbuah 2 kali. Terus terang aku katakan yang aku menjadi 'gila' selama beberapa minggu kerana masalah ini dan aku telah melakukan sesuatu yang bodoh dengan menghisap ganja banyak-banyak. Perghh... bodoh sungguh aku ni! Sepatutnya aku perlu meletakkan akal di hadapan perasaan. Hmm.. tapi mana tahu satu hari nanti aku mungkin berubah kerana gadis ini. Mungkin aku akan menerima cintanya kembali. Tapi bila? Hanya tuhan yang tahu... Seperti kata La Rochefoucould; "Kita dapat memaafkan seseorang selagi kita masih mencintainya". Tapi masih adakah perasaan cinta terhadap gadis itu? Mungkin tidak tapi siapa tahu mungkin suatu hari nanti. Hmm...aku masih mencari cinta sebenar. Tapi di mana? Sebab itulah aku berkata bahawa aku masih belum bersedia. Aku telah mengutip mutiara-mutiara yang telah dilemparkan oleh ombak ke pantai dan jika aku ingin lebih banyak lagi, aku perlulah berani menyelam ke dasar laut untuk mencarinya. Seperti itulah kata-kata yang aku maksudkan dalam mencari cinta sebenar. Aku sudah menemui cinta tapi bukan cinta sebenar. Untuk mencari cinta sebenar, aku perlulah mencari di dasar maksud cinta itu sendiri. Sebelum aku mengakhiri luahan ini, aku ingin menyelitkan ayat yang menarik ini. Cinta monyet ialah cinta keanak-anakan. Cinta palsu sekadar basa-basi atau penghormatan. Cinta saku merosak saku menguras wang dan cinta sejati ialah cinta yang akan menghasilkan cita-cita luhur dan abadi. Oh Tuhan, berikanlah aku untuk merasai kehebatan cinta sebenar sebelum aku menghembuskan nafas yang terakhir. Amin...

** Tiada cinta yang benar selain daripada cintakan makanan! Hehe..*

** Cinta sejati ialah cinta ibu kepada anaknya dan cinta anak kepada ibunya!*



Zaman Sekolahku

oleh Cik Suraya

Masa aku di tingkatan satu dulu, orang suka ejek aku. Pasal apa? Pasal aku ni selekeh, membosankan, aku terlalu pendiam, aku tak ada personaliti yang menarik, aku tak pandai bersukan serta aku tak pandai nak bergaul. Sekolah aku, ada 2 kategori pelajar perempuan yang begitu ketara sekali ataupun orang panggil clique. Satu clique ni, jenis yang kebanyakannya dari jenis yang cantik orangnya, pandai bergaul terutama dengan pelajar lelaki, pandai bersukan, suka menarik perhatian cikgu, budak lelaki dengan buat benda-benda yang tak pernah orang buat macam contohnya cukur rambut kat tepi sampai separuh botak, conteng kain baju kurung dengan pen marker, buat tatu kat lengan dengan jarum panas dengan nama diaorang, rata-rata ada boyfriend, kaki gaduh dan macam-macam lagi lah. Clique yang ni lah paling popular kat sekolah aku masa tu dan ramai lah pelajar-pelajar perempuan nak berkawan dengan clique ni termasuk lah aku tetapi aku tak berjaya. Aku tergolong clique yang lagi satu, yang pendiam serta rajin dan boleh kata aku ni 'geek' lah jugak. Dalam kelas bolehlah dapat nombor paling atas, tapi kelas terbawah la. Tapi tak mengapa, dapat hadiah jugak.

Okey lah, balik ke clique yang popular dan 'cool' tadi tu, ramai yang nak join clique tu termasuk lah aku yang tak sedar diri ni. Tapi aku cuma nak berkawan je dengan diaorang sebab rata-rata budak-budak tu satu kelas dengan aku. Ada satu hari tu, loceng berbunyi menandakan waktu rehat sudah tiba. Aku pun nak pergi kantin nak pegi makan laksa abang kantin yang pedas dan sedap tu. Bila aku nampak diaorang nak pergi rehat, aku pun ikut la dengan muka selamba aku. Lepas tu, salah seorang dari mereka tu berkata, "Apesal Su ikut ni?' dekat seorang lagi member dia. Dia buat muka 'entah' dan mengangkat bahunya. Tapi aku buat muka sepuluh sen aku tanpa rasa malu ataupun bersalah. Itulah sifat aku yang boleh kata best jugak lah, sebab aku boleh buat selamba tapi tengok keadaan jugaklah. Tapi selamba-selamba pun, bila diaorang buli aku, suruh buat nota dia, aku buat, selalu biarkan aku sorang-sorang dalam kelas dan tak mahu borak dengan aku walaupun kami sekelas, kalau ada persembahan kelas ke, tak mahu ajak aku sama dan macam-macam lagi lah.

Tahun 1993, tahun yang agak pedih bagi aku. Aku tak ada sahabat sejati yang

boleh menerima seadanya aku, menangis bersama dan aku selalu sendirian. Mungkin aku ni agak sombong tapi 'don't judge a book by it's cover. Muka aku nampak macam sombong dan garang, tapi tak kenal lagi jangan cepat mengata. Tapi, ada hikmah di sebalik segala kejadian. Setahun aku sekolah kat situ, macam itu lah aku, sendiri je. Kawan-kawan aku pun kebanyakannya dari kelas lain. Cuma yang aku kesal, tak patut lah diarorang tu memilih bulu nak berkawan. Bukannya lain jantina pun, sama-sama perempuan. Orang kata 'tak kenal maka tak cinta'. Tapi yang aku perhatikan sampai sekarang, memang golongan perempuan, bila berkawan suka ada group-group dia. Masa aku belajar kat IPTA pulak, ada geng yang suka melaram, ada geng yang selamba dan sempoi, geng budak-budak cina, ada geng tudung labuh dan sebagainya. Alasan mereka, tak sekepala lah! Tapi bila aku tanya budak-budak lelaki pulak, diaorang okey dengan semua orang. Malah, diaorang pun pelik tengok budak perempuan suka berkumpulan. Aku tak tahu lah kursus lain macam mana, tapi kelas aku macam gitu lah budak-budak perempuannya. Entah lah, sampai bila nak macam tu pun aku tak tahu. Macam-macam orang buat nak nampak 'cool'. Tapi aku suka dengan diri aku walaupun ada orang menyampah dan bosan bila berkawan dengan aku. Sebab, aku adalah aku dan aku faham diri aku.

Ada satu hari tu, aku ada baca petikan dalam suratkhabar The Star, hari Jumaat, 10 Ogos 2001. Petikan mengenai temuramah dengan kumpulan kesukaan aku, Travis, dengan frontman/gitaris dia, Fran Healy dan bassist, Dougie Dayne, mereka kata (sorry ye, aku malas nak translate) "This boring thing, I love that. It's mostly that people who accuse us of being boring are very, very boring people themselves. I think cool people are the most boring ones. I've never met a cool person that's said anything that has any heart or soul in it because they're too busy being cool." Ayat diaorang tu walaupun bersahaja, tetapi betul juga. Aku bersetuju dengan pendapat diaorang dan tak payah lah susah-susah nak menarik perhatian orang dengan cara yang boleh membuatkan seseorang tu jadi riak. Jadilah diri anda sendiri. Be yourself. Somebody will love you with your own unique way and try not to be hypocrite. Honest is the best policy. Dan sebelum aku nak mengakhiri karangan aku ni, aku nak berkongsi keratan sajak dari Max Ehrmann; aku tak tahu dia siapa sebenarnya tetapi dia punya sajak best woo...rugi tak baca! Sekian, terima kasih

DESIDERATA by Max Ehrmann
Go placidly amid the noise and haste and remember what
peace there may be in silence
As far as possible without surrender be on good terms
with all persons. Speak our truth quietly and clearly
and ;listen to others, even the dull and ignorant; they too have their story
Avoid loud and aggressive persons, they are vexatious
to the spirit. If you compare yourself with others, u
may become bitter or vain, for always there will be
greater and lesser persons than yourself. Enjoy your
achievements as well as your plans.
Keep interested in your own career, however humble; it
is a real possession in the changing fortunes of time.
Exercise caution in your business affairs; for the
world is full of trickery.
But let this not blind u to what virtue there is; many
persons strive for high ideals; and everywhere life is
full of heroism
Be yourself. Especially, do not feign affection. Neither be cynical about love; for in the face of all
aridity and disenchantment it is perennial as the grass.
Take kindly the counsel of the years, gracefully surrendering the things of youth.
Nurture strength of spirit to shield u in sudden misfortune.
But do not distress yourself with imaginings. Many fears are born of fatigue and loneliness.
Beyond
a wholesome discipline, be gentle with yourself. U are a child of the universe, no less than the trees
and the stars; u have a right to be here.
And whether or not it is clear to you, no doubt the
universe is unfolding as it should.
Therefore be at peace with God, whatever you conceive
him to be, and whatever your labors and aspirations,
in the noisy confusion of life keep peace with your soul.
With all it's sham, drudgery and broken dreams, it is
still a beautiful world. Be cheerful.
Strive to be happy.

Luahan seorang insan kecewa..

oleh Babatragis

Assalamualaikum dan salam kekusutan kepada pembaca sekalian. Aku pohon kemaafan terlebih dahulu jika ada yang tidak akan atau bakal berasa marah dengan kenyataan aku nanti.

Aku sebenarnya tidak mampu untuk memeram lebih lama masalah ini dalam diri aku. Mungkin ada di antara kalian yang sedar atau separa sedar akan hal yang bakal saya luahkan nanti. Ianya adalah mengenai sikap para scenester HC/punk tempatan yang saya lihat agak mementingkan diri sendiri. Sebenarnya saya baru sahaja pulang dari Kuala Lumpur kerana menyaksikan mini gigs di The Jam Studio, Subang pada 27 Julai yang lalu.

Apa yang aku cuba untuk saya utarakan adalah tentang bagaimana harus kita memajukan scene kita sekiranya pemikiran kita masih ditahap awal 90'an dulu. Saya amat 'tertarik' dengan sepotong kata-kata dari saudara Kid FastxGame semasa beliau melakukan persembahan pada hari tersebut. Kata beliau "... gig kat Teratak Dangdut tu best, yang jadikan dia tak best pasal harga tiket mahal..." Saya terus teringatkan harga tiket yang pernah dibuat di Teratak Dangdut itu. Harganya seingat saya tidak pernah melebihi RM12 dan jika lebih pun bagi saya ia agak berpatutan dengan keadaan tempat tersebut yang asaya fikir boleh memuatkan sehingga 700 – 1000 dalam satu masa. Sistem bunyi mixing dan pentas yang agak besar beserta dengan system penghawa dingin yng sejuk. Apa lagi yang kalian mahu? Tidak munasabah tempat seperti Teratak Dangdut itu jika harga tiket diletak dalam lingkungan RM5 – RM7. Tidakkan kita fikir kos untuk membuat gigs, jumlah duit yang perlu dikeluarkan, adakah kalian tidak pernah terfikir untuk itu?

Begitu juga dengan stuff-stuff tempalan yang kebanyakkannya mempunyai mutu rakaman yang cukup memuaskan hati. Adakah DIY mengajar kita ke arah itu? Adakah punk mengajar kita seperti itu? Menghasilkan / meriliskan sebuah stuff dengan mutu rakaman demo reh. Awal 90'an dahulu. Itukah DIY? Bagaimana kita bisa menentang mainstream jika idea-idea, stuff-stuff yang dijual oleh kita masih di tahap lama? Pihak mainstream sudah pasti hanya akan mentertawakan kita. Sebagai contoh terdekat kompilasi "Duniaku Diperkosa' yang dijual dalam format kaset benar-benar amat mengecewakan dari segi kualiti bunyi. Begitu juga dengan kompilasi 'Dari Sini Teras Hidupku' Teras Records yang nyata jauh berbeza jika hendak dibandingkan dengan kualiti bunyi di Indonesia. Bagaimana hendak menyampaikan mesej dengan kualiti bunyi yang timbul tenggelam?

Harus diingat, ini tahun 2002. Bukan tahun 1992. Fikirkan akan kos yang dikeluarkan dan bukan menuduh sipolan ambil profit yang banyak terhadap stuff yang dijual. Fikirkan secara rasional.

** Sebenarnya, aku juga bersetuju dengan sesetangah isi yang telah disampaikan oleh saudara Babat di dalam artikelnya di atas. Jika kita sedari, kita ini kebanyakannya hanya tahu mengkritik sahaja. Kritik sana, kritik sini. Tapi habuk pun tarak. Setakat cakap, tapi tak buat apa-apa. Seperti situasi berkenaan gig di Teratak Dangdut, aku rasa ia berpatutan dengan kualiti dan keadaan tempat itu. Kita perlu mengambil kira kos menyewa tempat dan juga barangan. Bukan hanya tahu mengkritik harga tiket mahal. Tak guna otak betul! Lain kali kaji dulu, baru komen. Kalau betul-betul nak tahu siapa tipu siapa, pergilah buat gig di sana. Baru boleh komen sana-sini. Mengenai penghasilan stuff seperti kaset dan juga CD. Aku sebenarnya sudah lama memendam perasaan mengenai perkara sedemikian. Di sini, aku ingin bertanya kalian soalan. Jika terdapat dua buah kaset yang berharga RM6 tetapi salah satunya mempunyai kualiti bunyi yang buruk dan satu lagi kualiti bunyi yang bagus. Yang mana satu kalian akan pilih? Pasti yang memiliki kualiti bunyi yang bagus bukan? Tidak kiralah jika band anda sudah dikenali di seluruh Malaysia ataupun tidak, tapi jika kualitinya amat teruk, pasti kritikan akan muncul! Masih ingatkah ulasan kaset 24 Reasons di HeartattaCk? Hanya kritikan yang diterima. DIY kah itu? Pada aku DIY itu mementingkan kualiti juga. Bukan setakat, bunyi raw dan cover photostat! Persetan sama itu! Jika di fikiran kalian seperti itu, pergerakan DIY ini tidak akan maju sampai bila-bila. Aku dapat melihat ada sesetengah band yang dapat mengeluarkan kualiti rakaman yang baik. Antaranya, FSF (terbaik), The Bollocks, Foreground Division, Parkinson, Nostalgia, dan banyak lagi. Jika anda mengatakan, kekurangan wang untuk memiliki kualiti bunyi yang bagus ketika rakaman, anda adalah seorang yang bodoh. Kenapa band-band ini dapat menghasilkan kualiti bunyi yang bagus? Adakah kerana mereka band yang kaya? Tidak! Apa salahnya jika anda mengumpul wang dan hasilkan sesuatu yang paling baik! Benar*

Minority Soceity #1 zine A5 48 m/s RM2
Sebuah politikal zine yang datang dari Johor Bahru. Isu pertamanya agak politikal dengan artikel-artikel yang begitu rebel! Tetapi malangnya, ia terlalu pendek. Tak puas aku membacanya. Tetapi untuk permulaan iaitu isu pertama, okaylah! Mungkin belum ada pengalaman agaknya. Kesemua artikelnya ditulis dalam Bahasa Inggeris dan walaupun bahasanya simple tetapi masih lagi menarik untuk isu ini ia menampilkan temuramah bersama dua orang editor iaitu Erin (Austere) dan Saha (Embrace) dan sebuah temuramah yang dicuri dari website iaitu bersama band Low Punch. Terdapat juga infomasi mengenai Mumia Abu Jamal dan mengenai pekerja Nike di Veitnam. Memang menarik kerana banyak info yang aku perolehi. Tetapi, di sini aku ingin mengemukakan satu soalan, mengapa ramai penghuni komuniti DIY di Malaysia, lebih sibuk mengenai situasi politikal di luar negara contohnya Mumia Abu Jamal, Zapatista dan banyak lagi. Tetapi situasi politikal di Malaysia tidak di ambil tahu? Mengapa? Mungkin nak nampak tepu tak? Arhh... terpulanglah dengan mereka! Untuk mendapatkan zine ini sila hantarkan sepucuk surat dan duit ke alamat; *(Aizat, No. 4, Jalan Padi Huma 5, Bandar Baru Uda, 81200 Johor Bahru, Johor)*



Not Really Better (a fiction by Laurie Voeltz) buku A5 16 m/s
Zine ini aku dapat secara percuma dari salah satu pertubuhan Animal Right. Tidak salah aku SPARE. Zine ini adalah sebuah cerita fiksyen hasil penulisan Laurie dan ianya memang menarik. Ia menceritakan tentang perjalanan beberapa orang remaja yang telah memecah masuk sebuah pusat penyembelihan lembu. Suasana yang diceritakan begitu menyeramkan dan menyedihkan sekali. Walaupun tidak begitu tebal, tetapi terdapat pengajaran yang yang aku dapat. Walaupun aku bukanlah seorang vegan tetapi ia menyedarkan aku bahawa binatang juga mempunyai hak untuk hidup. Argghhh... aku dalam dilema! Jika hendak memiliki cerita fiksyen ini sila hubungi; *(Krazee-grrrl Productions, 1250 Cherry St., Greenbay, WI 54301 USA atau email revolutiongrrrL@gurlmail.com)*

Oder Baru # isu terakhir n/l A5 24 m/s percuma.
Aku pun tidak tahu bagai mana untuk mengolaskan Oder Baru ini, sama ada sebuah zine ataupun n/l. Aku berjaya memperolehi bahan bacaan ini ketka sebuah gig di Johor Bahru. Aku ingatkan kena bayar, tak alih-alih, rupanya percuma jek. Tebal pulak tu. Kira puas hati la. Walau bagaimanapun Oder Baru ialah sebuah bahan bacaan yang boleh dikatakan menarik. Secara jujurnya, aku belum pernah mendengar mengenai kewujudan Oder Baru ini dan yang mengejutkan aku ialah ini merupakan isu yang terakhir. Hehe.. aku dah slow dalam scene ni ke? Ntah la, mungkin sebab dah banyak sangat zine atau n/l yang muncul kat Malaysia ni, menyebabkan aku pun dah kusut kepala nak baca yang mana satu. Pulak tu, banyak yang tak berkualiti. Bosan aku!! Berbalik kepada Oder Baru pula. Apa yang menarik perhatian aku ialah artikel-artikel yang ditulis oleh editornya yang menunjukkaan kemarahan yang amat sangat. Ni baru orang kata emosional. Ingat, emosional tu bukan hanya pada cinta, awek, pakwe dan lain. Istilah emo tu universal! Jangan sempitkan minda anda. Terdapat banyak artikel yang juga menaikkan kemarahan aku dalam perkara yang dibincangkan. Cukup bagus. Anda semua perlu memiliki senaskah Oder Baru ini. Sila dapatkan di; *(Irawan Yunos, oderbaru@hotmail.com)*



OneSevenTwo #6 zine + kaset kompilasi A4 40 m/s RM10
Sebuah zine pro-printed yang datang daripada Singapura. Cukup menarik walaupun harganya boleh dikatakan mahal. Tetapi berbaloi juga kerana percuma sebuah kaset kompilasi yang menampilkan beberapa buah band HC yang menarik. Mengenai zine ini, ia menampilkan temuramah bersama beberapa buah band iaitu Neshamah (Afrika Selatan), Dusk Within (Perancis), Another 1 Dead (Finland), Bolt (Finland), United By Fate (Singapura), dan Himsa (US). Soalan yang diajukan memang menarik dan membuka minda. Pada pendapat aku, selaku pembaca zine ini, zine ini adalah sebuah zine muzik. Muzik semata-mata. Tidak ada artikel yang benar-benar membuka minda aku, yang ada pun artikel pasal vegetarian, backstabber, dan benda-benda remeh. Cuma yang menarik disini hanya bahagian temuramah saja. Terdapat juga scene report dari Russia, Pasir Gudang, Helsinki (Finland), Peterborough (UK) dan juga Perancis. Mengenai kaset kompilasi juga, ia menampilkan beberapa buah band yang tidak kurang hebatnya iaitu, band-band yang ditemuramah seperti, Dusk Within, Meshamah, Another 1 Dead, Bolt, United By Fate, Found My Direction, No Reason Why, Social Intergration, Irrelevant, Gillsz, Windfall dan Haemorage. Sound yang cukup clear kerana kualiti printing yang bagus dan anda tidak rugi membeli zine ini. Sila alamatkan pesanan anda kepada; *(OneSevenTwo zine, Singapore Post Centre, PO Box 314, Singapore (914011), Singapore)*

Paroxysm #1 zine A5 32 m/s RM2
Perghh.... politikal rabak zine ini. Artikel-artikel yang terdapat di dalam zine ini semuanya politikal. Ia merangkumi permasalahan di dalam politik di negara ini, komuniti DIY ini dan banyak lagi. Kebanyakkan artikelnya memang menarik. Layoutnya juga boleh dikatakan kemas walaupun tulisannya ditaip menggunakan mesin taip biasa. Untuk isu kali ini, ia menampilkan temuramah bersama sebuah band dari Muar iaitu Shortsited. Bosan pula bila membaca temuramah bersama band ini kerana aku rasa band ini tidak pandai menjawab soalan temuramah. Terlalu pendek. Orang nak baca pun bosan. Tak alih-alih dah habis! Ntahlah, semakin banyak band-band di Malaysia ini yang menjawab temuramah sambil lewa. Aku pun tak tahu mengapa. Dah jadi rock star ke? Terdapat ulasan muzik dan bahan bacaan yang amat banyak dan semuanya ditulis dengan tangan. Nasib baik tulisan lawa. Sebagai permulaan, ianya menarik dan tidak rugi jika anda memilikinya. Sila hantarkan pesanan anda ke alamat; *(Mohd. Haris, Kampung Parit Semarang, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor)*

Perosak Minda #1 zine A5 60 m/s RM?
Sebuah zine yang datang dari Senggarang, Batu Pahat. Sebuah zine yang berkonsepkan politikal hc/punk. Kemas dari segi layout dan amat memudahkan aku membacanya. Artikel yang terkandung di dalam zine ini banyak berkisarkan tentang peperangan, anarchy, kapitalis, human right dan banyak lagi. Cuma satu jek, artikel-artikelnya ada yang terlalu pendek dan tidak memuaskan aku bila membacanya. Aku ni nafsu besar sikit! Wakaka... di dalam bahagian temuramah ia menampilkan temuramah bersama Aim (Nothing n/l), Kojak (Free As A Bird) dan Fendy (Rintihan Perasaan). Cuma aku tidak berpuas hati dengan editor korana dia telah menapis jawapan yang telah aku berikan mengenai kuota orang melayu. Di dalam jawapan itu, aku banyak menceritakan tentang korupsi pimpinan MPM KUiTTHO yang mengamalkan sikap racisme. Tetapi malangnya, pihak editor telah menapis jawapan aku. Kenapa? Anda tidak berhak menapis jawapan orang walaupun itu zine anda. Jawapan orang adalah hak dia dan dengan ini anda telah melanggar hak orang lain! Betul tak? Satu lagi, terdapat sebuah artikel yang boleh menjadi kontroversi jika terdapat kaum lain yang membacanya. Artikel tersebut mengisahkan tentang pembunuhan Dr. Joe Fernandez. Ada terselit unsur-unur perkauman dan keagamaan. Dan aku rasa ianya tidak perlulah diletak di dalam zine. Tetapi kepada sesiapa yang hendak memiliki zine ini, sila hubungi; *(Yusof, Kampung Pant Mahang, 83210 Senggarang, Batu Pahat, Johor)*

Positivity #1 zine A5 60 m/s RM2
Straight Edge as fukk! Sebuah zine sXe aku rasa yang datang dari Kluang. Editornya seorang lelaki dan seorang gadis comel. Zine ini adalah zine yang paling baru muncul di daerah Kluang. Sebuah zine yang berkonsepkan hc/punk. Artikel yang terdapat di dalam zine ini boleh dikira dengan jari tangan kanan aku. Terlalu sikit. Satu lagi kerugian yang amat sangat ialah saiz font tulisannya amat besar. Kalau dikecilkan lagi, kemungkinan kos fotostat dapat dikurangkan dan dengan ini banyak bahan lain yang dapat dimasukkan. Walau apa pun, ianya tetap bagus dan menarik. Terdapat banyak temuramah bersama editor-editor hebat di sekitar Malaysia antaranya Shahridan (Homiside), Azaruddin (Roots), Ijam (Broken Foundation), Yus (Inflict) dan Dicky (Kharisma). Soalan yang diajukan kepada individu-individu tersebut juga amat bagus dan menarik sekali. Ia juga dibantu dengan komitmen sepenuhnya yang telah diberikan oleh individu-individu tersebut. Jawapan yang telah diberikan oleh mereka tidaklah terlalu pendek dan tidaklah terlalu melalut. Banyak isi yang telah berjaya disampaikan. Terdapat juga scene report dari Saga City dan juga Bandar Tenggara. Tidak lupa juga sedikit puisi-puisi yang menarik. tiada bahagian ulasan! Tidak tahu mengapa.. jika anda berminat untuk memiliki zine ini ataupun hendak mengurat editornya, sila hantarkan pesanan atau surat cinta ke alamat; *(xAcongx, Kolej Islam Darul Ehsan, Bangi Lama, 43600 Bangi, Selangor atau Syikin, 32, Jalan Berlian 7, Taman Berlian Biru, 86000 Kluang, Johor)*

Propaganda #1 zine A5 32 m/s RM2
Bullshit! Aku tertipu dengan kata-kata manis editor ni. (Sila baca editorial). Aku telah melakukan perlukaran zine dengan zine Nazi Sympathy ni. Walaupun di dalam zinenya tidak menunjukkan

koleksizine.blogspot.com



daripada scene hc/punk ini. Memang betul apa yang dikatakan oleh editor zine ini. Scene hc/punk ini hanya untuk orang yang JUJUR sahaja! Ingat itu! JUJUR! Kali ini ia menampilkan temuramah bersama dua buah band iaitu Le Shok dan Bury Me Standing. Artikel-artikel yang menarik daripada penulis-penulis undangan begitu membuka minda aku setelah membacanya. Bahagian ulasan muzik dan zine yang begitu banyak sekali. Memang tidak rugi jika anda membeli zine ini! Hubungi; *(HeartattaCk, PO Box 848, Goleta, CA 93116 USA)*



Hodgepodge #6 zine A4 100 m/s RM?
Sememangnya aku cukup minat dengan zine ini. Datang dari US dan amat politikal sekali. Untuk isu terbaru ini, editornya telah menampilkan temuramah bersama Rainer Maria, Catharsis dan Dismemberment Plan. Soalan-soalan yang begitu bagus dan pasti berjaya menambahkan ilmu pengetahuan aku dan para pembaca semua. Mengenai artikelnya pula, zine ini memang mempunyai artikel yang begitu menarik. Terdapat ruangan kolum yang menjemput beberapa penulis terbaik untuk menulis. Terdapat beberapa topik yang menarik yang terdapat di dalam zine ini. Antaranya ialah tentang Bioteknologi, Battle of Seattle, WTO dan globalisasi dan mengenai tampon dan dioksin yang terkandung didalamnya. Dan apa yang menarik di sini ialah, anda boleh membeli tampon yang bebas dari dioksin daripada zine ini. Cukup menarik. Anda tidak akan rugi jika membeli zine ini. Banyak ilmu pengetahuan yang akan diperolehi setelah membaca zine ini. Walaupun harganya mahal, tetapi ilmu yang diperolehi itu tidak terhingga. Silalah beli zine ini daripada membazirkan duit membeli dadah! Sila hubungi; *(Mike Schade, 983 Little Neck Ave., N. Bellmore, NY 11710 USA)*



Human Drama #? zine A5 32 m/s RM?
'The Land of Love and Emotion'. Itulah yang tertulis di kulit depan zine ini dan aku harap pasti kamu semua dapat mengetahui konsep zine ini. Ini ialah sebuah art zine dan aku cukup meminati zine sebegini rupa. Zine ini dipenuhi dengan artwork yang menarik dan penuh makna serta puisi-puisi yang menyentuh jiwa raga aku. Satu hasil kerja yang begitu baik dan bermutu daripada Ezra. Segala bentuk penulisan begitu puitis sekali dan kadang kala ia mempunyai maksud yang tersirat dan membuatkan aku berpikir. Arghh... aku tidak tahu untuk berkata apa-apa lagi kerana aku memang tertarik betul dengan zine ini. Tidak aku nafikan bahawa, selama seminggu aku membawa zine ini kemana-mana dan aku membaca puisi-puisinya berulang kali. Satu kerja gila. Tetapi kerana terlalu minat, persetan sama apa yang orang kata! Ohh... pesan aku kepada musically minded person, jangan beli zine ini kerana tiada temuramah bersama band! Baik kamu semua beli CD lagu dan dengarlah lagu itu berulang-ulang kali. Jangan membaca! Kepada sesiapa yang berminat untuk membeli zine ini, anda bolehlah menghubungi; *(Ezra, Jalan Batu Unjur 3, Taman Bayu Perdana, 41200 Klang, Selangor)*

Justification #0 n/l A4 2 m/s percuma
Tiada apa yang boleh aku katakan mengenai n/l ini. Hanya satu perkataan saja yang boleh aku fikir setakat ini iaitu BOSAN!! Tiada apa yang menarik. Ada gambar badak dengan penyu Artikel pasal haiwan yang nak pupus. Hai, aku hairan betul, kenapa banyak sangat n/l yang tak berkualiti sekarang ini. Nak glamer kot? Ntah la.. buat la yang terbaik untuk isu seterusnya! Anyway, editornya dapat menyumbang sesuatu untuk komuniti ini berbanding orang yang hanya pandai mengkritik usaha orang lain. Betul tak? Hubungi; *(Darul, 102 Jalan 2, Taman Emas Merah, 81500 Pekan Nenas, Johor)*

Leapfrog Bicycle Zine #1 32 m/s percuma
Sebuah zine yang hanya tertumpu kepada basikal dan ini amat menarik. Jarang sekali kita membaca zine yang tidak menceritakan mengenai hc/punk. Asyik-asyik hc/punk! Sesekali kita beralih arah pula. Sebuah zine yang datang dari US. Pro-printed. Di dalam isu ini terdapat sedikit ulasan mengenai buku-buku yang berkaitan dengan basikal. Terdapat juga ulasan mengenai trek-trek yang terdapat di sekitar Indianapolis dan aku terasa macam hendak menunggang basikal semula. Sememangnya aku minat untuk menunggang basikal. Ini kerana, dengan menunggang basikal, secara tidak langsung kita dapat menjaga alam sekitar kerana basikal tidak mengeluarkan gas karbon monoksida. Itu yang best. Tetapi apakan daya, aku dah tak larat nak kayuh basikal sebab selalu pancit (lemah). Aku rasa mungkin aku ni banyak sangat hisap rokok! Tension betul la! eh.. apa yang aku melalut ni. Terdapat juga artikel-artikel mengenai basikal serta undang-undang berkaitan dengan basikal di Indianapolis. Cukup menarik. Cubalah sesuatu yang baru. Hubungi alamat ini; *(Stolen Bikes Ride Faster Publications, 6130 Compton St. b-1, Indianapolis Indiana 46220 USA)*



Leapfrog Bicycle Zine #2 32 m/s percuma
Ia datang lagi dengan isu yang kedua. Macam biasa, ia masih lagi mengenai basikal. Nama zine pun dah tertulis bicycle zine. Untuk isu kali ini, terdapat ulasan trek basikal di Nebo Ridge, Gnawbone dan Hickorty Ridge. Terdapat juga ulasan mengenai web site yang berkaitan dengan dunia basikal. Untuk isu kali ini, ia ada menampilkan temuramah dengan individu yang bertanggungjawab dengan kempen 'Depave Lake Shore Drive' iaitu Grant Davis dan Micheal Burton. Artikel-artikel yang menarik oleh penulis-penulis undangan. Sememangnya menarik! Marilah! Cuba sesuatu yang baru dan menarik! Hubungi, *(alamat sama di atas)*

XManfestasix exp. Issue n/l A5 2 m/s percuma
Sebuah n/l yang berkonsepkan sXe yang datang dari Pontian. Berikan tepukan gemuruh untuk xManifestasix!! Untuk isu ini, ia menampilkan sebuah scene report dari Pontian dan juga temuramah bersama editor sebuah n/l yang datang dari Pontian iaitu Gembelang n/l. Apa yang mengecewakan aku ialah scene report dari Pontian. Aku tak faham satu benda pun apa yang editornya tulis. Berterabur! Tidak ada tanda noktah pada setiap ayat! Nak kena potong markah ni! (cheh.. mentang-mentang aku ni pernah jadi cikgu! ☺). Satu lagi komen aku ialah aku rasa editor yang menulis scene report ini tidak mengetahui sepenuhnya tentang scene di Pontian sendiri. Mana boleh macam ni. Kalau nak cerita mengenai scene report tentang tempat kamu, kamu mestilah arif mengenai tempat kamu tu sendiri. Ini yang aku lihat banyak ayat; "tak silap akulah", "aku rasalah". Ish.. tak bestnya. Tapi bahagian temuramah, aku rasa okay. Soalan yang diajukan cukup bagus. Tahniah! Kepada sesiapa yang nak mendapatkan n/l ni, sila hubungi; *(Apex, 9, Jalan Sri Bugis, 82200 Benut, Pontian, Johor)*

bukan? Jangan terlalu ghairah untuk mengeluarkan material tetapi kualiti tidak diambil kira! Usah rugikan masa untuk menghasilkan stuff yang tidak berkualiti! Fikirkanlah secara mendalam dan jangan marah jika aku mengatakan bahawa kualiti rakaman kita masih ketinggalan dengan band-band di Indonesia walaupun negara tersebut sentiasa bergolak! Fikirkan dan berubahlah sekarang! – Editor.

Pergi mampos sama newcomer-newcomer bodoh!

Oleh Babatragis lagi.

Ku mohon kemaafan di atas tajuk di atas dan penulisan yang akan ku luahkan sebentar nanti. Bukan niatku untuk memperkecilkan atau menyebelahi mana-mana pihak hanya sekadar mencurahkan isi hatiku sahaja.

Kehidupanku selama 3-4 bulan kebelakangan ini agak merumitkan. Terumbang-ambing ke sana ke sini. Mungkin luaranku yang selalunya happy berjaya menutup kerumitan itu. Keadaan dunia yang tidak pernah aman berterusan, komuniti DIY HC/Punk Johor Bahru, teman-teman, keluarga dan makhluk berbeza jantina yang aku ingini, semuanya menjadikan aku seorang 'mamat emo sejati'.

Baru-baru ini aku ada membaca sebuah naskah berjudul 'Oscar In The Middle' berharga RM2 yang diberi sendiri secara percuma oleh editornya. Terima kasih di atas pemberian itu. Ku baca satu persatu isi kandungannya bermula dari bahagian yang paling merepek, kuiz karut marut Oscar hinggalah bahagian ulasannya. Terdapat sebuah penulisan yang dihasilkan oleh editornya sendiri iaitu 'Pergi Jahanam Dengan Orang Lama' yang aku rasakan tidak seharusnya digembar gemburkan.

'Orang lama atau old timer sebagaimana yang kita tahu adalah seseorang yang telah lama melibatkan diri di dalam sesuatu perkara dan mungkin juga sesuatu komuniti'. Ini adalah sebahagian daripada petikan yang menggambarkan maksud orang lama mengikut pemahaman editornya sendiri. Terus terang ingin aku perkatakan yang aku sudah mula mengenali dunia HC/punk sekitar 1998 dan mungkin aku boleh dianggap old timer oleh sesetangah newcomers. Tidak salah bagi aku jika gelaran-gelaran tersebut digunakan. Ini kerana sudah menjadi lumrah kehidupan, ada yang lama pasti ada yang baru. Ada yang tua pasti ada yang muda. Bagi aku dan teman-teman seangkatan aku sendiri pun tidak berasa megah atau berasa yang diri ini old timer kerana bagi kami tiada apa yang perlu atau boleh dibanggakan hanya dengan gelaran old timer. Kebiasaannya, pasti kalian akan berasa senang dan selesa untuk berinteraksi dengan teman-teman yang kalian sudah kenali. Begitu juga seperti apa yang dicoretkan oleh si editor tadi *'ini tidak mustahil akan menimbulkan rasa tidak selesa apabila menghadiri acara sepert gig ataupun apa-apa sahaja'.*

Jelas sekali yang sebenarnya si penulis kurang mengkaji mengenai old timer tu sendiri. Maaf! Namun begitu suka untuk aku beritahu kepada golongan-golongan newcomers yang suka menge'fuck' old timer seperti lagu 'Fuck Otai' (At The End) agar buang jauh-jauh perjudis tersebut. Bagi aku sendiri, apa yang harus ditentang adalah sikap tidak kira sama ada old timer atau newcomer itu sendiri. Dalam hal ini, kedua-dua pihak harus saling bertolak ansur. Ingat! Tak kenal maka tak cinta. Kepada newcomer-newcomer, jangan jadikan hal ini sebagai alasan untuk membenci membabi buta old timer. Buangkan sedikit sifat malu kalian para newcomers, agar sifat malu itu tidak menebal menjadi benci.

Tiada apa yang perlu aku perkatakan lagi selain memohon sekali lagi kemaafan ke atas mana-mana pihak yang telah aku sebutkan. Tolong jangan bagitau pak cik sarjan misai di atas apa yang telah aku tulis mengenai kalian. Tolonglah! Aku takut! Jangan saman aku okay!

** Pada pendapat aku sendiri, perkara ini tidak sepatutnya digembar-gemburkan. Pergi jahanam dengan orang lama, pergi mampus dengan newcomers bodoh! Apa ini semua? Ini semua tidak sepatutnya berlaku! Kenapa perlu ada division. Old timer? New comer? Mana ada itu semua! Buat apa kita laungkan perkataan equality, tampal patches equality sana sini, pakai baju equality sana sini tapi benda remeh ini digembar-gemburkan. Jadi tak payah la rasakan diri itu new comer mahupun old timer. Kita ini sama sahaja. Semuanya manusia. Tak payahlah nak menunjuk diri yang kita tu old timer dan tak payah juga merendah diri cakap yang kita ini new comer. Fuck all of that! Mana equality yang kita juangkan selama ini. Fikirlah masak-masak dengan apa yang aku katakan ini. – Editor*

Kekuatan dan kebenaran idealogi pemikiran

oleh Rashid

Apakah kebenaran? Wujudkah kebenaran? Kita memang sudah sedia maklum, dalam diri setiap manusia terdapat semacam sesuatu naluri ego berasakan dirinya betul. Mengakui dirinya betul, adakah lanya menghairankan? Tidak sama sekali! Individu lain juga berasa dirinya benar. Ia jarang disedari ketika terjadinya perdebatan buah fikiran dalam mempromosikan kebenaran dua individu / pihak bertentangan. Masing-masing taksub memegang idea atau pendapat sendiri, tanpa mengira pandangan sebelah pihak. Mempertahankan ego kebenaran masing-masing sehingga mengumpil segala bentuk pro-kontra, persepsi sesuatu pendapat. Masing-masing ada berguni hujah, dalil-akal, pengalaman atau malahan dogma agama. Sinisnya, orang mabuk juga berasa dirinya betul.

Umat manusia di dunia sudah sedia maklum. Manusia dilahirkan berbeza-beza; bangsa, agama, jantina dan persekitaran (pendidikan, budaya, orentasi seharian dan sebagainya). Menjadikan pemikiran umat manusia tidak serupa, menjadikan kebenaran diyakini berbeza. Tidak ada seorang pun di dunia ini mempunyai cap ibu jari yang serupa.

Dunia politik, ekonomi atau social misalnya, ada permukaan sendiri. Begitu juga dengan tata corak pemerintahan negara juga terpecah kepada komunisme, sosialisme, kapitalisme, liberalisme dan sebagainya. Masing-masing berasa isme-nya sempurna/ betul atau paling tidak lebih utopia. Begitu juga sebaliknya dengan kenyataan agama (Islam, Kristian, Buddha, Hindu, Yahudi dan sebagainya). Masing-masing mendakwa akidahnya mereka benar.

Di negara kita sendiri berlaku pelbagai agenda, polemik, konflik, dan propaganda tidak berkesudahan. Ada pertikaian berkenaan kekuatan, kebenaran dan kaedah perlaksanaannya. Dari sesuatu segi semua itu wadi percambahan benih isme yang meyakinkan buta-buta itulah yang tulen dan patut dijadikan role model. Mahkamah tidak dapat menyelesaikan masalah dengan relevan. Hakim akan menilainya daripada persepsi sendiri.

Ada satu analogi menarik untuk direnungkan, selain berkeras mengisytiharkan pendapat kita betul. Charles Darwin, terkenal dengan teori evolusinya; *hanya unsur dominan mampu hidup dan terus wujud di maya pada ini ketika terjadinya proses evolusi.* Menyimpulkan hanya spesis terkuat akan menang. Ia diklasifikasikan sebagai seleksi alam.

Tiada gunanya kita mencerca pendapat, pandangan, idea individu lain lalu mendakwa pendapat kita benar. Kerana individu lain juga beranggapan begitu terhadap kita. Dan secara tidak sedar kita dalam gaya pemikiran fascist. Sepatutnya kita langsung merealitikan kebenaran pendapat itu agar bernilai kepada faedahnya. Untuk dunia ini, kebenaran dari kacamata peribadi tidak penting kerana semua orang berasa ideanya betul. Tetapi apa yang lebih penting adalah idealisme kita kuat, berjaya dan akhirnya diterima. Bagaimana pula jika idealisme itu sesat atau sebaliknya? Dunia adalah tempat pertempuran untuk hidup; sesuatu yang bergerak selama satu minit, satu jam, satu tahun atau seratus tahun. Akhirnya ia akan berhenti daripada bergerak. Kekuatan yang besar memakan yang kecil untuk terus bergerak. Yang kuat memakan yang lemah untuk mengekalkan kekuatannya.

Di sini, dari maksud petikan di atas, kebenarantiada gunanya jika ia pasif operasinya dan hanya sekadar omong-omong kosong. Manusia lebih sedar dan percaya apa yang dikatakan seleksi alam, satu kebenaran yang maha benar, yang kuat akan menang dalam hukum alam. Nilai kuat pula tidak sekadar dimaksudkan kuat fizikl, malah tergolong juga dalam maksud kuat adalah wang, kuasa, nama dan sebagainya, mengikut zaman dan keadaan. Mungkin ke'CANTIK'an sesuatu kekuatan!

Jelasnya, bercakap, berdebat pendapat, pandangan, idea kebenaran secara berlebihan tidak banyak gunanya. Walau akan digali hujah dan rasionalnya, kerana yang lebih penting sekarang apakah yang kita dakwakan betul, berkuasa atau tidak, melalui amalan kita. Kebenaran jika digerakkan dengan tindakan pasif akan hancur ditelan kebatilan agresif. Itu adalah hukum alam. Sebaliknya kini, umat manusia didendangkan lagu keegoan kebenaran mendodoi perasaan dan jiwa raga hingga dibius dari berbuat apa-apa. Selain mendakwa menyakini dirinya betul, dan diselubungi dengan kehipokritan yang melampau.

Zaman menyatakan diri (pendapar, pandangan, idea) kita sudah lapuk. Sekarang adalah zaman memperlihatkan kebenaran. Zaman menzahirkan kekuatan pendapat kita dengan tindakan, kerana orang lain juga masing-masing merasa dirinya betul. Anda berhak mengatakan pendapat, pandangan dan idea anda betul dan jika sudah sah kesahihannya, tidak ada gunanya jika anda memakukan diri dan tidak merasuk akal pemikiran orang lain atau mungkin masyarakat. Nilai kejahatan jika dipromosikan secara agresif akan diterima segolongan yang pasif sebagai kebenaran. Itulah hakikatnya.

Penyataan setiap orang berasa fikirannya betul adalah benar. Sebagai contoh;

seorang penjenayah yang jelas mengetahui kerjanya salah/haram juga berada dalam lingkungan individu yang berasa dirinya benar dengan pelbagai hujah bela diri. Misalnya dia terpaksa mencuri untuk hidup dengan harapan suatu hari nanti dia akan bertaubat dan mencari kerjalain. Itu adalah kebenaran baginya. Akhirnya peranan pendakwa kebenaran itu sesungguhnya membuktikan kesahihan ideanya secara alami dalam masyarakat.

Saranan; jika golongan DIY komuniti, dia harus mengusahakan idea, pendapat, pandangan dan sebagainya diterima dan segala ideanya itu merakyat dalam golongan, bukannya berdebat kosongan dan akhirnya tiada jalan kesudahan dan masih menimbulkan dakyah yang menyialkan. Sekiranya ideanya bernas sekali pun, tiada gunanya jika pembawaan ideanya itu lemah dan pasif. Kerana yang terkuat akan menang. Kesannya, adakah hormat-menghormati dan toleransi itu penting?

*Artikel ini dipetik di salah sebuah ruangan akhbar tempatan karangan oleh Azman Hussain dan telah diubah suai keasliannya mengikut persepsi aku tanpa pengetahuan editornya. Maaf!

Menilai kehidupan dengan memaki keadaan

oleh Rashid jugak

Memang telah kuduga ianya sama sekali seperti bulan-bulan sebelumnya. Meratapi kesengsaraan, penderitaan hati dan perasaan. Tetapi ianya bagai sudah lali untuk aku menyesal. Memang ini salah aku, tidak berfikir dengan kewaras-matangan diri, terlampau egois mencocok kemahuan nafsu. Terlupa pada mendatang.. aku terkadang melakukan sesuatu yang merugikan, tetapi aku tidak pernah menyesal atau mengeluh. Dari segi kerohanian pada aku ianya adalah satu kepuasan. Kepuasan? Melupakan aku dari sistem yang membebankan dan menindas! Aku lebih senang semacam ini, daripada memikirkan kejahilan, kebodohan, keeogan manusia. Aku merasa lebih puas tatkala apa yang aku yakini lambat ataupun pantas ia manghasil. Biarkanlah aku macam ni sampai bila-bila. Ini adalah jalan halatuju hidupku. *I choose this situation and I proud of that!* Persetan pada semua yang memperdulikan orang lain, dari dirinya sendiri. Aku punya hala tuju.. kenapa aku harus menjejaki kekalahan kamu semua. Aku tidak pernah mengharap belas kasihan dari siapa-siapa, tetapi di suatu masa, aku terpaksa. Pada aku itu adalah satu pengorbanan. Memperdagangkan keyakinan yang GAH ada... HIPOKRIT!! Mungkin itu adalah hakikatnya. Aku berpegang pada prinsip hidup, 'nobody perfect' dan fuck off ditujukan kepada dia-dia yang merasakan dirinya bagus. Susah payah menasihatkan orang lain pada hakikatnya dia lebih membutuhkan perhatian. Aku mempercayai takdir pada dasarnya, dan takdir yang mengubah sesuatu keadaan/kejadian dan takdirlah yang akan aku dan kamu semua benci. Pada aku, hidup ini ibarat 'puzzle' yang mempunyai ruang-ruang kosong di dalamnya. Ada pelbagai rintangan dan cabang akarnya. Dan aku yakin, aku ada 'pieces'nya yang akan aku selesaikan ruangnya. Itu terserah pada aku untuk memperlakukannya. Dan sesungguhnya ia telah mengingatkan aku pada satu falsafah yang bijak diungkapkan oleh Anuar Ibrahim; *'Kalau takut dengan risiko, jangan sesekali berbicara tentang perjuangan..'*Kata-kata itulah yang memberi inspirasi untuk aku melawan kembali arus kehidupan yang kompleks dan tidak mustahil. Tetapi bila aku kenangkan kembali disebalik keperitan, penderitaan dan kebodohan yang selama ini aku lakukan, ada secupil seribu satu rasionalnya. 'Penderitaan dan kesengsaraan akan menjadikan aku insaf dan bersyukur' (dengan segala bentuk pemberian darinya). Barang yang lepas tiada gunanya dikenang dan dikesali.

Persoalannya, haruskah aku berubah dan mengambil satu tindakan nekad atau melakukannya kerana wang?

Will Tears Ever Stop?

By John Gerassi

I can't help crying. As soon as I see a person on TV telling the heart-rending story of the tragic fate of their loved-one in the World Trade Center disaster, I can't control my tears. But then I wonder why didn't I cry when our troops wiped out some 5,000 poor people in Panama's El Chorillo neighborhood on the excuse of looking for Noriega. Our leaders knew he was hiding elsewhere but we destroyed El Chorillo because the folks living there were nationalists who wanted the U.S. out of Panama completely.

Worse still, why didn't I cry when we killed two million Vietnamese, mostly innocent peasants, in a war which its main architect, Defense Secretary Robert McNamara, knew we could not win? When I went to give blood the other day, I spotted a Cambodian doing the same, three up in the line, and that reminded me: Why didn't I cry when we helped Pol Pot butcher another million by giving him arms and money, because he was opposed to "our enemy" (who eventually stopped the killing fields)?

To stay up but not cry that evening, I decided to go to a movie. I chose Lumumba, at the Film Forum, and again I realized that I hadn't cried when our government arranged for the murder of the Congo's only decent leader, to be replaced by General Mobutu, a greedy, vicious, murdering dictator. Nor did I cry when the CIA arranged for the overthrow of Indonesia's Sukarno, who had fought the Japanese World War II invaders and established a free independent country, and then replaced him by another General, Suharto, who had collaborated with the Japanese and who proceeded to execute at least half a million "Marxists" (in a country where, if folks had ever heard of Marx, it was at best Groucho)?

I watched TV again last night and cried again at the picture of that wonderful now-missing father playing with his two-month old child. Yet when I remembered the slaughter of thousands of Salvadorans, so graphically described in the Times by Ray Bonner, or the rape and murder of those American nuns and lay sisters there, all perpetrated by CIA trained and paid agents, I never shed a tear. I even cried when I heard how brave had been Barbara Olson, wife of the Solicitor General, whose political views I detested. But I didn't cry when the US invaded that wonderful tiny Caribbean nation of Grenada and killed innocent citizens who hoped to get a better life by building a tourist airfield, which my government called roof of a Russian base, but then finished building once the island was secure in the US camp again.

Why didn't I cry when Ariel Sharon, today Israel's prime minister, planned, then ordered, the massacre of two thousand poor Palestinians in the refugee camps of Sabra and Shatila, the same Sharon who, with such other Irgun and Stern Gang terrorists become prime ministers as Beginand Shamir, killed the wives and children of British officers by blowing up the King David hotel where they were billeted? I guess one only cries only for one's own. But is that a reason to demand vengeance on anyone who might disagree with us? That's what Americans seem to want. Certainly our government does, and so too most of our media. Do we really believe that we have a right to exploit the poor folk of the world for our benefit, because we claim we are free and they are not?

So now we're going to go to war. We are certainly entitled to go after those who killed so many of our innocent brothers and sisters. And we'll win, of course. Against Bin Laden. Against Taliban. Against Iraq. Against whoever and whatever. In the process we'll kill a few innocent children again. Children who have no clothes for the coming winter. No houses to shelter them. And no schools to learn why they are guilty, at two or four or six years old. Maybe Evangelists Falwell and Robertson will claim their death is good because they weren't Christians, and maybe some State Department spokesperson will tell the world that they were so poor that they're now better off. And then what? Will we now be able to run the world the way we want to? With all the new legislation establishing massive surveillance of you and me, our CEOs will certainly be pleased that the folks demonstrating against globalization will now be cowed forever. No more riots in Seattle, Quebec or Genoa. Peace at last.

Until next time. Who will it be then? A child grown-up who survived our massacre of his innocent parents in El Chorillo? A Nicaraguan girl who learned that her doctor mother and father were murdered by a bunch of gangsters we called democratic contras who read in the CIA handbook that the best way to destroy the only government which was trying to give the country's poor a better lot was to kill its teachers, health personnel, and government farm workers? Or maybe it will be a bitter Chilean who is convinced that his whole family was wiped out on order of Nixon's Secretary of State Henry Kissinger who could never tell the difference between a communist and a democratic socialist or even a nationalist.

When will we Americans learn that as long as we keep trying to run the world for the sake of the bottom line, we will suffer someone's revenge? No war will ever stop terrorism as long as we use terror to have our way. So I stopped crying because I stopped watching TV. I went for a walk. Just four houses from mine. There, a crowd had congregated to lay flowers and lit candles in front of our local firehouse. It was closed. It had been closed since Tuesday because the firemen, a wonderful bunch of friendly guys who always greeted neighborhood folks with smiles and good cheer, had rushed so fast to save the victims of the first tower that they perished with them when it collapsed. And I cried again.

So I said to myself when I wrote this, don't send it; some of your students, colleagues, neighbors will hate you, maybe even harm you. But then I put on the TV again and there was Secretary of State Powell telling me that it will be okay to go to war against these children, these poor folks, these US-haters, because we are civilized and they are not. So I decided to risk it. Maybe, reading this, one more

diselitkan di dalam zine ini. Secara keseluruhannya, zine ini memang patut dimiliki! Sila hubungi; *(Saha, 4A Lorong 6, Kampung Baru, 86000 Kluang, Johor)*

Embrace #7 zine A5 16 m/s RM1

Kembali dengan isu yang ketujuh. Antara zine yang menarik dari Kluang. Sememangnya aku amat suka dan meminati zine ini. Banyak ilmu pengetahuan yang aku dapat dengan membaca zine ini. Untuk isu kali ini, ia datang dengan temuramah bersama Steve Aoki dari band This Machine Kills. Soalan yang dikemukakan amat menarik sekali ditambah dengan jawapan yang diberikan oleh Steve. Terdapat juga ruangan perbincangan mengenai isu serangan 11 September ke atas World Trade Center, US. Perbincangan ini disertai oleh ramai individu dari seluruh dunia. Mereka ini adalah editor-editor zine dan line up band-band. Sungguh menarik. Banyak yang aku dapat dari pandangan individu-individu tersebut. Tidak lupa juga luahan/penulisan dari editor yang cukup menarik dan perkara wajib, ulasan bahan bacaan dan muzik. Tetapi sikit sangat. Apa yang aku kesalikan di sini ialah zine ini semakin nipis. Semakin lama, semakin nipis. Macam tak puas aje aku baca. Tak alih-alih dah habis. Tapi isinya padat dan harganya juga agak berpatutan. Anda semua patut memilikinya. Hubungi; *(Alamat sama di atas)*

EarthSonsDiscussion #4 zine A5 36 m/s RM2

Arm... di mana kau? Kau meng'amo'kan diri ke? Ooo... lupa pula, kau dah ada kanchik (awek) sekarang. So, selamat berbahagialah. Awek si Arm ni cun woo.. rugi tak tengok! Dia siap bawak pergi gig sekali. Takpelah, yang penting aku nak menguliss zine dia ini! Isu terbaru datang lagi dengan lebih ganas! Masih mengekalkan konseo 'cut n paste' tapi layoutnya masih lagi kemas dan kurang berserabut! Kulit depan yang begitu brutal sekali dan amat menakutkan kanak-kanak yang berumur bawah umur 5 tahun. Oleh itu, zine ini tidak sesuai untuk kanak-kanak di bawah umur 5 tahun. Cukup ganas. Tengok kulit depan saja dah ganas, apa lagi isi di dalamnya. Kali ini ia menampilkan temuramah dengan band Doom, Discord, Volition, Perpetual, Specops dan Ripping Trash zine! Cuma yang amat menyakitkan hati ialah band-band tidak memberi kerjasama yang baik dalam menjawab soalan-soalan yang diaju. Cuma Steve dari Ripping Trash sahaja yang dapat menjawab dengan begitu baik sekali. Memang aku akui, soalan yang diajukan oleh editor begitu baik sekali cuma yang paling palat sekali ialah band yang menjawab soalannya. Amat pendek! Mungkin mereka-mereka ini membuat band hanya untuk perform live saja dan bukan untuk menjawab temuramah. Nampaknya secara jujur aku cakap bahawa, band-band yang terpapar dalam zine ini memang tidak akan aku temuramah kerana aku yakin mereka tidak dapat memberi komitmen yang begitu meyakinkan walaupun mempunyai dan memainkan muzik yang baik! Silalah ubah attitude anda! Bercakap mengenai artikel pula, artikel yang terdapat di dalam zine ini begitu baik sekali, tetapi tidak dapat diketahui sama ada ia dibuat oleh editor sendiri atau orang lain. Tetapi, ianya memang bagus sekali! Tidak rugi untuk mendapatkan zine ini. Sila dapatkannya di alamat; *(ARM c/o Ajax, No. 14, Jalan Permas 1/14, Bandar Baru Permas jaya, 81750 Johor Bahru, Johor)*

Ekspresi #2 zine A5 40 m/s RM2

Alamak, dah isu 2. Nampak sangat aku kurang mengambil tahu tentang scene zine di Malaysia ni! Hehe... dah banyak sangat ia zine kat Malaysia ni. Sebuah zine yang aku rasa sama saja macam zine-zine yang banyak kat Malaysia ni. Tiada apa yang menarik dan boleh menggugat ke'best'an zine Roots. Wakaka.. Roots zine otai tu! Emo pun emo. Gila la Din akar! Eh, apa aku melalut ni? Okay, kembali kepada ulasan zine Ekspresi. Terdapat banyak artikel yang boleh dikatakan menarik yang kesemuanya aku rasa luahan oleh pihak editor. Cuma apa yang menyedihkan aku ialah kebanyakkan artikelnya, pendek sangat la. Tak puas aku baca. Tengah syok-syok membaca, tak alih-alih dah habis. Terdapat juga scene report dari Yugoslavia dan juga Latvia yang panjang tak ingat punya. Penuh dengan informasi terkini. Best gila. Terdapat juga ruangan-ruangan yang diisi dengan puisi-puisi indah yang boleh menggamit ketenangan jiwa muda-mudi para pembaca semua. Kali ini, 4 orang editor iaitu Kecit (Finally Free), Angan (Salvation for Altercation), Jimi (Coup de Grace) dan Enn (Austere) telah terlibat dalam ruangan diskusi yang mana soalan yang diajukan cukup bagus sekali. Ini juga telah dibantu oleh 4 orang editor yang telah menjawab dengan penuh kesetiaan dan kesungguhan yang amat sangat. Bak kata Karam Singh Walia; "terbakar kampung nampak api, terbakar hati siapa yang tahu". Eh, apa aku melalut ni. Sebelum aku melalut lagi, baik pembaca semua hubungi; *(Fara, 40, Jalan Kelapa Laut, Taman Soga, 83000 Batu Pahat, Johor)*

Filterlane #2 zine A5 44 m/s RM?

Sebuah zine yang agak menarik datang dari Singapura. Muka depan yang begitu menarik sekali. Pada mulanya, semasa aku mendapat zine ini, aku ingatkan ia sebuah zine yang datang dan US tetapi rupanya ia datang dan negara jiran iaitu Singapura. Layout yang begitu kemas membuatkan ianya mudah untuk aku membacanya. Senang lagilah kerja mengulas zine ini dilakukan. Artikel-artikel yang terdapat pada kolum penulis sangat menarik dan ada sesetengannya menghentam scene Singapura sendiri. Begitu berani penulisnya meluahkan segala-galanya yang terpendam di dalam hati. Tetapi tidak dinafikan banawa zine ini berkonsepkan personal zine kerana kebanyakkan artikel yang terdapat di dalam zine ini hanya mencentakan penjalanan hidup editor dan keadaan sekeliling editor. Memang menarik sekali. Tidak lupa juga terdapat temuramah beberapa band yang amat aku minati iaitu The Promise Ring, Hot Water Music, Sean Na Na, The Juliana Theory dan Rainer Maria. Tetapi apa yang aku cukup benci di sini ialah terdapat temuramah dengan satu band yang banyak menyelitkan unsur-unsur keagamaan dalam jawapan temuramahnya! Cukup bosan bila membaca zine yang ada unsur-unsur agama! Tetapi kebanyakkan bahan bacaan di dalam zine ini amat menarik! tidak rugi bila anda membelinya! Jadi, apa tunggu lagi! Sila hubungi; *(Zu Boon, Robinson Road Post Office, PO Box 343, Singapore 900643, Singapore)*

Free From Penury #1 zine A5 36 m/s RM2

Memang rajin editor zine ini. Ini kerana semua isi kandungan zine ini ditulis dengan tangan 100%! Tapi yang tak bestnya ialah tulisan editornya tidak begitu lawa. Chen... macam tulisan aku lawa sangat! Hehe...😊 tapi kalau boleh tu, pastikan tulisan lawa, baru best pembaca membaca. Untuk isu ini, editornya telah menemuramah Rasyidin Arshad dari Kontrabrawl Distro. Soalan yang dikemukakan begitu baik sekali. Artikel yang terdapat di dalam isu ini juga kurang ummph! Mungkin ini pengalaman pertama editor menulis dalam zine kot! Apa yang menarik di sini ialah sebuah artikel mengenai dian perjalanan hidup Kamal Ahmad Bamadhaj (seorang pelajar Malaysia yang terbunuh di Timor Timur). Artikel-artikel selain daripada cerita mengenai Kamal Ahmad Bamachaj adalah seperti yang biasa kita baca di zine-zine lain. Cerita mengenai scene, perang, etc. bosan sikitlah! Tapi, sebagai permulaan, bolehlah dikatakan menarik! Sama-samalah kita berganding bahu untuk memberi sumbangan kepada editor agar dia dapat membuat zine yang menarik sekali! Cubalah dapatkan zine ini di; *(Wan Hazni Hisham, E4 1366, Kampung Pulau Lang Kiri, 26800 Kuala Rompin, Pahang)*

Ganyang #5 zine A5 44 m/s RM2

Sebuah zine kegemaran aku dari dulu hingga sekarang. Nak tahu mengapa? Jawapannya senang saja. Isi kandungan zine ini begitu bagus serta menambah ilmu pengetahuan aku tidak kira di dalam komuniti mahupun di luar komuniti ini. Zine ini masih mengekalkan konsep politikal hc/punk. Apa yang menarik mengenai zine ini ialah, ianya lebih menumpukan scene di sekitar Asia seperti di Macau, Taiwan, Hong Kong dan lain-lain. Penulis-penulis berbakat juga telah dipanggil untuk menulis di dalam ruangan kolum dan semua penulisan adalah amat baik dan menambah ilmu pengetahuan aku! Bak kata orang kampung aku, artikel 'membunuh' la! Di dalam isu ini, editornya telah mengambil keputusan untuk menemuramah beberapa band dari sekitar Asia seperti Moxuan (post-punk dari Malaysia), Brain Failure (punk rock dari China) dan Bad Mojo (punk dari Macau). Soalan yang dikemukakan juga amat bagus sekali dan editor banyak mengupas perkara yang tidak diketahui oleh para pembaca. Oopss.... Tidak lupa juga scene report dan beberapa tempat di dunia ini antaranya Macedonia, Wuhan, Ecuador, Guatemala dan banyak lagi. Amat menarik untuk menambah kenalan! Terdapat juga ulasan muzik dan juga bahan bacaan. Memang menarik dan anda semua tidak rugi jika membeli zine yang baik ini. Jadi, apa lagi! Jangan malu-malu untuk menghubungi Ibrahim. Ambil pen, tulis surat dan sediakan RM2 dan hantarkannya ke alamat; *(Ibrahim Ngah Ahmad, 43 Kg. Dusun Hulu, 32800 Pant, Perak)*

Hati Ini Luka Kembali #2 zine A5 40 m/s RM2

Kasih sayang adalah prinsip kami. Itulah ayat yang terpapar di muka depan komik zine ini. Waduh-waduh, cair awek bila baca muka depan ni. Mana taknya, kita semua memerlukan kasih sayang dan prinsip zine ini adalah kasih sayang. Sesiapa yang memerlukan kasih sayang bolehlah membaca zine ini. Hehe.. Sebuah komik zine yang amat menarik. Satu kelainan yang telah dibuat oleh saudara Darwis (editor Admonish) dan kelainan itu telah berjaya memikat hatiku ini yang sudah sembuh dari luka. Banyak artwork-artwork yang menarik dan penuh pengajaran terselit di dalam komik zine ini. Satu usaha yang bagus. Malang sekali, aku tak berkesempatan membaca isu yang pertama. Cuma pendapat aku mengatakan bahawa, komik zine ini masih belum boleh melawan komik Wira Tunggal. Hehe.. jangan kecik hati tau! Komik zine ini, disyorkan. Sila dapatkan dengan apa jua cara sekali pun di alamat; *(Darwis, 570 Lorong Kenanga 1, Taman Tangkak Jaya, 84900 Tangkak, Johor)*

Headache #2 zine A5 30 m/s RM0.80

Nampaknya ayat di dalam zine ini semakin berbunga-bunga dan aku rasa Ayed semakin emo! Hehe... tetapi itu satu perubahan yang boleh aku terima. Kali ini editornya banyak menulis tentang alam sekitar, pegerang serta politik semasa di negara ini. Amat menyentuh perasaan. Nampaknya, ia semakin bagus dan bermutu selepas isu pertama. Tetapi apa yang mencacatkan zine ini ialah layoutnya yang kurang kemas. Font tulisan yang berubah-ubah menyebabkan sakit mata aku membacanya. Tetapi isi kandungan zine ini memang menarik.. itu yang menyelamatkan zine ini. Hehe.... kali ini, ia menampilkan temuramah bersama Special Benefit, Paranoic dan Huzaiba. Soalan yang dikemukakan untuk band Paranoic kurang menarik dan amat membosankan aku. Cuma soalan yang diajukan kepada Huzaiba begitu baik dan banyak mengupas segala persoalan. Jawapan yang diberikan oleh Huzaiba juga menarik dan tidak terlalu pendek. Tidak lupa juga terdapat sedikit ulasan bahan bacaan, scene report dan sedikit puisi-puisi yang amat menyentuh perasaan dan sanubari ini! Uwaa... kepada sesiapa yang hendak membeli zine ini bolehlah terus menghubungi; *(Fand, 12 Rumah Murah, Kg. Batu 46, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan)*

HeartattaCk #30 zine A4 88 m/s RM?

Memang tidak dinafikan lagi bahawa zine ini semamangnya bagus sekali! Aku sememangnya mengumpul setiap isu keluaran zine ni dan aku tidak menyesal membelinya kerana ia memang berbaloi dengan duit yang telah aku keluarkan. Bukan macam kebanyakan zine di Malaysia ini yang hanya layak dibuang di tong sampah! Maaf jika ada yang terasa. Berbalik kepada zine ini, terdapat sesuatu yang menarik minat aku iaitu mengenai sebuah surat yang telah ditulis oleh seorang individu yang hendak keluar dari scene. Surat itu dibalas oleh editor zine ini dengan pedih sekali di mana, editor zine ini telah mengalu-alukan pemergian individu tersebut

koleksizine.blogspot.com



menampilkan artwork-artwork daripada artis-artis di sekitar Malaysia yang berkaitan dengan awan! Terdapat ramai artis terkenal yang mengambil bahagian termasuklah Nadiah Bamadhaj, Haanim Bamadhaj, Yee I-Lann, Prof. Dr. Mazlan Othman dan ramai lagi. Termasuk juga artwork dan budak-budak sekolah! Kata-kata yang terdapat di dalam buku ini begitu mendalam. Mereka mengaitkan awan seperti diri kita, kehidupan kita dan banyak lagi! Untuk pengetahuan kalian juga buku ini dikeluarkan sempena pementasan teater 'To catch a cloud' yang diadakan di Planetarium Negara. Jika berkesempatan, dapatkan buku ini. *Sorry, tiada alamat.*

Cronically Donut #11 zine A5 40 m/s RM3

Hampir setahun selepas isu sepuluh, barulah isu kesebelas muncul! Kali ini ia menampilkan kelainan di mana ia muncul dalam pro-printed! Inilah baru best untuk di baca! Aku memang dan lama suka dengan zine ini! Macam-macam boleh aku dapat bila baca zine ini! Aku boleh ketawa, aku boleh nangis dan aku juga boleh marah bila baca zine ini! Oppss... sorry Syed, aku bukan membodek tapi ini lahir dalam hati dan sanubari aku! Ikhlas ni! Aku rasa zine-zine di Malaysia ini bolehlah mencontohi zine ini kerana setiap isu yang keluar pasti bertamban baik! Untuk isu kali ini, ia menampilkan temuramah bersama Special Benefits. Artikel-artikel yang mencuit hati serta menyentuh perasaan juga terdapat di dalam isu ini. Kali ini terdapat beberapa penulis yang bagus telah menulis di dalam zine ini antaranya, Wolverine, Khairah, Ira, Syed dan ramai lagi! Dan yang paling menarik sekali ialah sebuah artikel yang ditulis oleh Wolverine yang mencentakan keadaan tandas di beberapa tempat di Malaysia! Gambar-gambar yang terdapat dalam zine ini juga sungguh menarik dan terdapat sebuah gambar yang amat menyayat hati iaitu gambar seorang budak punk yang telah dilanggar oleh kereta Din Akar! Kejadian ini berlaku beberapa tahun yang lepas. Seorang lelaki yang tidak dikenali telah berjaya mengambil gambar mangsa yang masih lagi berada di bawah kereta Din Akar! Sungguh kejam Din Akar! Jangan kawan dengan dia! Kalau sesiapa yang terserempak dengan Din Akar, tarik jek bulu hidung dia sampai keluar air mata. Dapatkan zine ini di alamat; *(Nornafizi, No. 12, Jalan Lembah 24, Taman Desa Jaya, 81100 Johor Bahru, Johor)*

Damage & Extinction #4 n/l A5 12 m/s RM?

Sebenarnya aku mendapat n/l ini secara percuma kerana editornya menemuramah aku. Hehe... bangga sekejap! Semakin menarik n/l ini berbanding isu-isu sebelumnya. Kali ini artikel-artikel yang ditulis sudah semakin matang dan menyentuh jiwa. Artikel banyak merangkumi persoalan dihati, perasaan dan juga kemarahan. Ada sedikit emosional. Mungkin sudah menjadi trend agaknya dimana setiap penulisan mesti ada sedikit emosional. Everybody have a little bit emo inside! Hehe.. Kali ini, ia membawa temuramah bersama editor Rintihan Perasaan dan soalan yang diajukan tidaklah beberapa menarik. Maka jawapan pun tak beberapa panjang. Layout yang kurang beberapa kemas dan terdapat banyak ruang kosong. Jika ruang-ruang ini dipadatkan lagi dengan artikel, mesti menarik. Tahniah kepada saudara editor kerana dapat melakukan sesuatu yang terbaik. Untuk mendapatkan n/l ini, sila hubungi; *(Ameen, 38, Jalan Kens Alang, Taman Pasifik Selatan, 83000 Batu Pahat, Johor)*

Diatryma #1 n/l A5 20 m/s RM1

Sebuah n/l yang datang dari Kepulauan Borneo. Hmm.. sebuah n/l yang boleh dkatakan menarik. Untuk isu yang pertama ini, ia menampilkan beberapa buah artikel yang menarik dan membuka minda. Pihak editor telah memberikan persoalan mengenai isu anarkisme kepada beberapa orang editor dan telah diberi feedback yang cukup menarik. Banyak pandangan mengenai perkara ini dikeluarkan. Dengan ini kita boleh mngetahui idea-idea seseorang mengenai topik yang dibincangkan. Terdapat juga sebuah artikel yang merupakan luahan oleh seorang individu terhadap masyarakat di luar sana yang memandang serong terhadap komuniti DIY. Memang maran betul individu tersebut. Tapi best! Juga sebuah scene report yang panjang dari Terengganu yang cukup berinformasi. Cuma satu yang mencacatkan n/l ini ialah, banyak ruang-ruang kosong telah disi dengan flyer-flyer yang aku rasa tidak perlu diletakkan. Adalah lebih baik kalau diletakkan artikel-artkel yang menarik serta membuka minda pembaca. Anyway, it's a good start! Hubungi; *(Epi d/a Yahri Yunus, PO Box 10600, 88806 Kota Kinabalu, Sabah)*

xDignityx #1 zine A5 8 m/s percuma

Straight Edge as Fakk! Hehe... sebuah zine sXe yang datang dari Singapura. Tidak ada apa-apa yang menarik cuma beberapa buah artikel yang boleh dikira dengan jari tangan kanan. Terdapat juga beberapa puisi yang boleh dikatakan menarik! Artikel-artikel yang terdapat didalamnya juga sungguh menarik dan membuatkan kita semua berfikir! Cuma sikit sangat! Kalau ditambah lagi dan ditebaikan lagi mungkin lanya menjadi lagi menarik! Mungkin editornya dah tak sabar nak rilskan cepat kot! Opps.. lupa pula aku nak bertahu yang zine ini dibuat oleh dua orang gadis iaitu xEnax dan xFiqx! Tiada temuramah dan kesimpulannya, okaylah untuk isu yang pertama! Buat yang lebih baik lagi untuk isu yang akan datang! Dapatkan zine percuma ini di alamat; *(Mareena, APT 357A, Admiralty Drive, #04-162, Singapore (751357), Singapore)*

Diriku Untuk Dijual #3 n/l A5 12 m/s 50 sen

Satu lagi hasil karya oleh Zaki selain daripada A Dream. Bila pertama kali aku mendapat n/l ini aku terkejut kerana lanya berwarna merah! Ganas tul! Macam daran la pulak! Setelah membaca n/l ini, aku memang tertarik dengan hasil kerjanya. Kali ini ia menampilkan temuramah bersama dirinya sendiri! Betul! Aku tak tipu! Ini disebabkan oleh orang yang menemuramah Zaki tidak dapat dikesan. Oleh itu, Zaki mengambil keputusan menyiarkan temuramah itu untuk dikongsi bersama pembaca. Dengan itu, kita dapat mengetahui apa yang ingin disampaikan oleh saudara Zaki. Temuramahnya lebih banyak berkisarkan politik dan keadaan scene hc/punk sekarang. Terdapat juga catatan perjalaan saudara Zaki dan sanabatnya ke Kuala Terengganu. Ia sememangnya menyeronokkan apabila membaca kisah perjalanan yang penuh dun dan ranjau ke Kuala Terengganu! Hehe... terdapat juga perbincangan mengenai anarki pencetus keganasan. Betul ke? Kalau nak tahu dengan lebih lanjut, sila hubungi alamat ini untuk membeli n/l ini; *(Mohd. Zaki Ali, 1114, Blok 5, Ielda Sening, 81900 Kota Tinggi, Johor)*

Downsided #5 zine A5 44 m/s RM?

Hardcore Trash Fanzine. Itulah ayat yang tertulis di muka hadapan zine ini, datang dari Finland. Merupakan sebuah zine yang terbaik dan aku cukup meminati zine ni. Lay out yang amat kemas dan menarik minat aku membacanya. Tidak bersarabut macam banyak zine kat sini. Ini bukan kutuk, tapi kenyataan! Untuk isu kali ini, ia menampilkan temuramah bersama No Comment, Voorhees, Hero Dishonest, Assel, Crude B. E., dan Direct Hit Zine (dikenali sebagai No Barcode Necessary Zine). Soalan-soalan yang diajukan juga amat menarik dan banyak membuka persoalan. Kolum yang menarik dan juga ulasan bahan bacaan dan muzik diselitkan di dalam isu ini. Dan yang paling menarik bagi aku ialah artikel dan Gill Worry "Public Opinion". Nak tahu pasal apa? Beli la dulu zine ini, pastu baca puas-puas! Hehe.. Arghh... sememangnya zine ini terbaik dan tidak membosankan. Perlu dimiliki oleh setiap orang walau apa cara sekalipun! Dapatkan di; *(Toni E., Siltapellonkuja 2 K 98, Fin-00740 Helsinki, Finland)*

DRSA #5 zine A5 42 m/s RM2

Antara zine yang paling aku gemari di Malaysia ini! Dan untuk pengetahuan para pembaca semua aku memang mengumpul setiap keluaran zine ini dan zine ini semakin menarik dan terdapat perubahan pada setiap isu yang baru dikeluarkan. Zine ini berkonsepkan politikal dan artikel yang terdapat di dalamnya ada sedikit radikal dan inilah yang menarik minat aku untuk membaca zine ini. Tiada isu-isu atau artikel yang remeh macam zine-zine yang biasa kita baca di Malaysia ini. Semua artikelnya memboiehkan kita semua terkedu seketika dan kadangkala boleh membuatkan kepala kita meletup! Hehe... idea yang ingin di sampaikan oleh si Fazri ini memang bagus dan bernas sekali! Segala pandangannya terhadap sistem politik negara ini memang benar belaka. Terdapat seorang penulis yang bagus sekali iaitu Fathi Aris Omar. Untuk isu kali ini ia menampilkan temuramah bersama dua buah band iaitu Gastacops dan Autonomia. Soalan yang dikemukakan begitu bagus dan menarik sekali! Banyak informasi yang telah aku dapat mengenai band tersebut serta idealogi mereka setelah membaca temuramah tersebut! Satu lagi yang menarik ialah Fazri telah menemuramah 3 orang gadis yang terlibat di dalam komuniti ini iaitu Saudari Nurfarhana, Noor Rithan dan Suraya. Topik yang dibincangkan ialah mengenai nilai dan norma serta adat bangsa 'melayu' yang lebih menyekat kebebasan wanita. Pendapat-pendapat yang diberikan oleh ketiga-tiga gadis ini memang bernas sekali! Memang bagus sekali! Tahniah Fazri! Inilah yang kita mahukan. DIY, DIY juga, tapi kualiti itu penting! Contohi DRSA! Layout pun kemas dan membuatkan aku senang untuk baca dan mendapat apa yang ingin disampaikan! Kepada sesiapa yang belum memounyai zine ini, sila dapatkannya dengan segara walau apa cara pun di alamat; *(Fazri Mohd, B, 783 Bonggol Limau, 21200 Kuala Terengganu, Terengganu)*

East Rage #2 n/l 8 m/s percuma

Heil yeah.. datang dari Parit Raja, Batu Pahat. Nampaknya scene di Parit Raja semakin meriah dengan munculnya beberapa buah zine dan n/l yang begitu baik kualitinya. Syabas aku ucapkan. East Rage merupakan sebuah n/l yang banyak mengutarakan luahan atau ketidak puashatian diri editor terhadap beberapa perkara yang sering berlaku di dalam komuniti DIY ini. Luahan yang diutarakan memang menimbulkan kemarahan atau maksud lain memberi kesan kepada sesiapa yang membacanya. Terdapat juga scene report daripada Batu Pahat yang cukup panjang dan menarik. Kepada sesiapa yang belum mengetahui tentang scene di Batu Pahat ini, dapatkanlah n/l ini. Sila hubungi; *(Abdul Mutalban, Kg. Pant Semarang, 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor)*

Embrace #5 zine A5 24 m/s RM1

Ia datang lagi dengan harga yang murah. Kali ini harganya RM1. Memang tidak dinafikan lagi yang zine ini memang memang bagus dari segi isi kandungan dan juga layout yang kemas. Cuma yang memeningkan aku ialah font tulisannya yang amat kecil. Mungkin editornya hendak memurahkan lagi kos dengan memadatkan tulisan-tulisannya. Memang bagus tetapi bukan untuk mata kerana boleh merabunkan! Hehe... untuk isu kali ini, editornya telah menyediakan satu set soalan dan membenkannya kepada beberapa buah band yang ganas-ganas antaranya ialah, Strength Approach, Kid Like Us, Foreclosure, I, Cita Attieksme, B'67, Feud, No Reason Why dan banyak lagi untuk disenaraikan. Juga terdapat scene reports dan Italy, South Africa dan juga Russia. Artikel-artikel yang radikal serta boleh menambah ilmu pengetahuan juga turut

person will ask; Why are so many people in the world ready to die to give us a taste of what we give them?

Ketahuilah siapa diri kamu yang sebenarnya...

Orang yang pintar – Orang yang pandai meneka kentut siapa.
Orang yang bodoh – Orang yang kalau habis kentut menghirup nafas untuk menggantikan kentutnya yang telah keluar.
Orang yang goblok – Orang yang menahan kentutnya sampai berjam-jam.
Orang yang jujur – Orang yang mengaku kalau habis kentut.
Orang yang tidak jujur – Orang yang kalau kentut lalu menyalahkan orang lain.
Orang yang berwawasan luas – Orang yang tahu bila harus kentut.
Orang yang ramah – Orang yang senang mencium kentut orang lain.
Orang yang pemalu – Orang yang kentut tidak berbunyi tapi merasa malu sendin.
Orang yang sosial – Orang yang mengajak kawan-kawannya untuk bertanding siapa kentut paling nyaring dan paling busuk.
Orang yang tidak senang bergaul – Orang yang kalau kentut sembunyi.
Orang yang percaya diri sendiri – Orang yang beranggapan kentutnya berbau harum.
Orang yang sengsara – Orang yang ingin kentut tapi tidak boleh kentut.
Orang yang misterius – Orang yang kalau kentut orang lain tidak ada yang tahu.
Orang yang gugup – Orang yang menahan kentutnya tetapi tiba-tiba kentut tersekat-sekat.
Orang yang sadis – Orang yang kalau kentut terus dikibas baunya ke orang lain.
Orang yang strategik – Orang yang menyembunyikan kentutnya dengan terbahak-bahak biar orang lain tidak dengar.
Orang yang pelik – Orang yang kalau kentut dikeluarkan sikit-sikit, sampai bunyi "tit.. tit.. tit.."
Orang yang sombong – Orang yang sering mencium kentutnya sendin.
Orang yang akuatik – Orang yang kentut di dalam air sampai gelembung-gelembung udara terkeluar mengandungi bau kentut.

Jadi yang mana satu awak punya? (ayat ngengada!) ... Jangan marah aa...! Hehe...

Something to ponder

by [6T9]

Here's something to ponder...for all you people who say 'I love you' when you have no clue what love is exactly!!! Something to ponder upon..

Are your palms sweaty, is your heart racing and is your voice caught within your chest?
-It isn't love, it's LIKE
You can't keep your eyes or hands off of her?
-It isn't love, it's LUST
Are you proud and eager to show her off?
-It isn't love, it's LUCK
Do you want her because you know she's there?
-It isn't love, it's LONELINESS
Are you with her because it's what everyone wants?
-It isn't love, it's LOYALTY
Are you with her because she kissed you, or held your hands?
-It isn't love, it's LOW CONFIDENCE
Do you stay for her confessions of love because you don't want to hurt her?
-It isn't love, it's PITY
Do you belong to her because the sight of her makes your heart skip a beat?
-It isn't love, it's INFATUATION
Do you pardon her faults because you care about her?
-It isn't love, it's FRIENDSHIP
Do you tell her every day she is the only one you think of?
-It isn't love, it's a LIE
Are you willing to give up all your favorite things for her sake?
-It isn't love, it's CHARITY
Does your heart ache and break when she's sad?
-Then it's LOVE
Do you cry for her pain, even when she's strong?
-Then it's LOVE
Do her eyes see your true heart, and touch your soul so deeply it hurts?
-Then it's LOVE
Do you stay because a blinding, incomprehensible mix of pain and relation pulls you close and hold you to her?
-Then it's LOVE
Do you accept her faults because it's a part of who she is?
-Then it's LOVE
Are you attracted to others, but stay with her faithfully without regret?
-Then it's LOVE
Would you give her your heart, your life, your death?
-Then it's LOVE

Now, if love is painful and tortures us so, why do we love? Why is it all we search for in life? This pain, this agony? Why is it all we long for? This torture, this powerful death of self? Why? The answer is so simple cause it's... LOVE. It is such an addictive thing that even people who are not having it wish to experience it and share it with others as well.

The Power of Love

This tip is on how to be a good parent. I'll dedicate these tips to everyone that are getting married or planning to have a children. This also goes to my buddy, Jimbo who will be getting married next year with the girl of his dream, Kak Lin. Hope you have a wonderful future with Kak Lin. So, please read the tips below and Jimbo, please take note!

Give him care – continuosly, consistently. It's essential for his mental development.
Give him your time. The hours you spend with him mean more than you will ever imagine.
Give him opportunities. To learn and experience new things. This enriches his mind.
Give him encouragement. In work and play. Do not limit his attempts at exploring, imitating, creating, imagining and constructing.
Give him rensponsibilities, starting with simple chores. It's good training, and makes him feel useful.
Give hime the right to be different. He's unique – don't compare him with his brothers or sisters.
Give him praise. For all his achivements. But even more – for all his effort in trying, even if he fails.
Give him understanding. Consider his age and temperament when you show disapproval. You may reject hs behaviour, but never the child.
Give him reassurance – constantly. Never withdraw from him. Or threaten to stem your love or give him away.
Give him everythings he needs. Expect nothing in return. You chose to have him – he did not choose to have you. So teach him respect for elders and filial piety.

LOVE BINDS PARENT AND CHILD. GIVE YOUR CHILD ALL THE LOVE HE NEEDS. THE MORE LOVE YOU GIVE, THE MORE YOU'LL RECEIVE.

This is just a quote... part 2

by Fendy

"..akak ko punya lakiii..!" – *Jontoz (abang Jimbo yang jahat), dipetik ketika memaki Wak!*

"..biar aku bagitau awal-awal yang aku bukan dari team Northen Riot dan zine aku tak ada unsur-unsur perkauman. Aku bergerak secara sendirian dan aku tak berminat dengan fahaman-fahaman yang fascist.. ' – *Saudari Iza (editor Propaganda) dipetik di dalam suratnya kepada aku.*

"..Revolusi mampu tercipta daripada muzik, penulisan mahupun perbincangan yang diadakan. Tetapi isu-isu yang dibawa mestilah bukan sesuatu yang remeh temeh. Tapi kelihatan pada masa ni banyak band yang hanya menyanyi lagu yang tiada isu. Zine pula asyik dengan lawak bodoh mereka serta penulisan tentang cinta. Jikalau perkara ini terus berlaku maka tiada revolusi yang diharapkan.." – *Saudara Aizat (editor Minorty Soceity) yang dipetik dalam Detonate the Mind #4*

"..tali kapal pun boleh putus, inikan pula pertunangan!.." – *Jontoz (abang Jimbo yang terencat), dipetik ketika beliau hendak keluar dengan tunang orang! Hehe..*

"..this boring thing, I love that. It's mostly that people who accuse us of being boring are very, very boring people themselves. I think cool people are the most boring ones. I've never met a cool person that's said anything that has any heart or soul in it because they're too busy being cool.." – *Travis*

"..be exactly who you want to be, do what you want to do.." – *CRASS*

"..don't let my seriousness make you think that I am serious and don't let my unseriousness make you think that I am not serious!.." – *Saudara Fazri (editor DRSA)*

"..I'd rather work for something I want and not get it, than work or vote for something I don't want and get it.." – *Jello Biafra*

"..we've had some great gigs and some shit ones. I like it when everyone participates. We're no one special, and nothing to look at. It's everybody's gig.." – *Cowboy Killers (band dari South Wales)*

"..no matter what race we come from, we're all human beings and earth is our home .." – *Saudara David, dipetik di dalam Ganyang #5*

"..jadilah diri anda sendiri. Be yourself. Somebody will love you with your own unique way and try not to be hypocrite. Honest is the best policy.." – *Saudari Suraya*

"..'There were girls at our KL gig wearing punk t-shirt and patchy pants but wearing the Muslim scarf over their faces. I didn't think it was my role to criticize their culture, I mean I've respond imperialism and Christianity to answer for, but the muslim shit is pretty wacky' and it's a qoute from Felix Havoc, Maximum Rock & Roll #212. And what do you think about that? I know it's so hard for us to mix all this called punk/HC wth these all kind of religion things. But I do agree for what Felix had wrote although not all. I do agree with the part 'what the hell they're doing here? G-string punk t-shirt, and at the same time wearing those scarf, and for sure the scarf mean how religious they are'. And what do you think about that?.." – *As Bentayan, dipetik di dalam Ganyang #5*

"..Tapi laa, aku rasa aku akan mandi setiap masa kalau hati aku turut jadi wangi bila mandi. Hehe.. baik badan busuk dari hati busuk..." – *Saudara Firdaus (editor Reunite)*

"..pada aku, hidup ini ibarat 'puzzle' yang mempunyai ruang-ruang kosong di dalamnya. Ada pelbagai rintangan dan cabang akarnya. Dan aku yakin, aku ada 'pieces'nya yang akan aku selesaikan ruangnya. Itu terserah pada aku untuk memperlakukannya.." – *Saudara Rashid*

"..kita hanya berusaha, Tuhan yang menentukan segalanya. Kau perlu percaya pada diri sendiri. Percaya itu kuasa. Sesiapa yang percaya, maka dia berkuasa.." – *Amaruszati Noor Rahim*

"..untuk pencapaian yang memuaskan, kau perlulah berfikir, merancang dan melaksanakan. Berfikir dengan baik adalah sesuatu yang bijak. Merancang dengan baik adalah sesuatu yang bijak. Dan melaksanakan sesuatu yang baik adalah sesuatu yang bijak. Hidup perlu ada akal, perancangan dan perlaksanaan.." – *Amaruszati Noor Rahim*

"..Manusia mempelajari sesuatu setiap hari dan biasanya apa yang dipelajari adalah perkara yang dipelajari pada hari sebelumnya.." – *Amaruszati Noor Rahim*

"..entahlah Endy, bagi aku, kalau aku jadi kau, aku lebih prefer kat dia. Nasihat aku, pilihlah seorang perempuan yang kau rasa tak boleh bila dia takde, bukan sebab kau nak bersama dengan dia. Pilih perempuan yang kau tak boleh hidup tanpa dia bukan perempuan yang kau nak hidup dengan dia.." – *Saudari Azween Irma Binti Zainal*

"..aku menitiskan air mata apabila melihat beberapa babak yang begitu menyentuh hati, kamu kata aku bukan lelaki sejati, arghh pergi mampus dengan perkataan sebegitu, bagiku aku tidak harus segan menitiskan air mata supaya aku dikatakan lelaki yang bersifat 'gentleman'.." – *Saudara Timmy (editor xStandpoint of Mindx) di dalam artikel Kabhi Kushi Kabhi Gam*

"..biar putus cinta daripada putus rokok! .." – *Jontoz (abangJimbo yang bengong), dipetik ketika berkelah di Air Terjun Kota Tinggi*

"..awak uruskan dulu diri awak dulu, baru boleh uruskan diri anak orang lain. Habiskan belajar dan cari kerja yang bagus baru fikir pasal bercinta!.." – *Pn. Fadilah Bt. Ismail, (emak aku) dipetik dalam nasihat dia setiap hari.*

Catatan emo misterius

oleh Angah

Biarlah aku sendirian
Vena,
Apakah sebenarnya yang terjadi? Dimanakah janji manismu dulu? Rupanya kau hanya menanam tebu dibibir mulut. Tebu tak akan tumbuh dan kau tak akan dapat meminum air tebu. Mengapa kau sanggup melukakan hati dan menghulurkan kasih kepada orang lain? Rupanya kau seorang pak sanggup dan pemurah pula. Walaupun Pak Sanggup tak tau yang Pak Sanggup itulah dia. Alangkah kecewa dan hancurnya hatiku ini. Hatiku kecewa lalu lanya hancur. Hatiku hancur kerana ia kecewa.
Vena,
Kehadiranmu mengubat luka hati ini. Rupanya 'kehadiranmu' juga mampu mengubat luka kakiku. Namun aku tak mampu menghalang kehendak orang tuamu. Kerana aku bukanlah orang yang suka menghalang lalu lintas. Aku pasrah. Dan juga aku parah.

Penantian
Y,
Penantianmu itu suatu penyeksaan. Orang yang menunggu bas itu sebenarnya diseksa. Jadi biarlah aku mengambil keputusan mengundur diri atau gostan daripada hidupmu dan lebih baik aku menunggu bas.
Y,
Hati ini berat unuk melepaskan kau tapi berat-berat pun berapa kilogramlah sangat. Namun aku rasa keputusan ini adalah jalan terbaik kerana ia bertar serta tdak bengkang-bengkok.
Y,
Sebelum kau melangkah perg, terima kasih aku ucapkan di atas layanan kau selama ini, biarpun tidak berapa lama. Kemesraan yang terjalin akan aku abadikan dalam rempah kar Adabi. Biarlah aku disini mencari erti kehidupan..tanpa merujuk kamus.

Benci dalam paksa
Terkadang aku merasakan bodoh untuk mengingati kisah cinta yang kita bina suatu masa ketika dulu. Namum itulah hakikatnya begitu sukar untuk aku melupakan dirimu apatah lagi untuk melontarkan bayanganmu yang terpahat utuh di hatiku ini. pahat itu masih tag melekat setelah aku membalingkannya untuk menghilangkan bayanganmu. Terlalu lama kita menjalinkan cinta, namum ko buat dek jer. Kalau aku tahu itu yang akan kau berikan, tidak perlu aku bazirkan masa aku selama dua minit untuk memasak Maggi. Aku bukannya apa, aku cuma mahu kau merasa akan kelazatan tubuh badan. eh! Kau jangan perasan pula, bukan tubuh badan aku yee! Tubuh badan ikan sembilang la.. yang telah aku gorengkan dengan kunyit dan garam untuk hidangan kita berdua berkelah. Terlalu banyak kenangan manis dan pahit yang kita lalui bersama. Terlalu banyak kepercayaan dan sayang ini yang telah ku taburkan pada dirimu walaupun aku tau kau bukanlah seekor ayam. Terlalu banyak juga VCD yang telah kau pinjam dariku. Apakah kau tidak berperasaan malu menjadi seorang yang suka membuat harta barangan orang lain. Terlalu banyak juga bulu hidungmu yang terkeluar bersepah-sepah menutup lubang hidungmu.. kau tak rimaskah? Puas sudah untuk aku melupakan dirimu, namun aku tidak berjaya. Aku doakan kebahagiaan dirimu bersama si dia yang sama sepertimu membela bulu hidung. Wassalam.

Anda memang tidak otai jika.. dan Anda memang otai jika..

oleh Fendy tragis? betul ka?

Anda memang tidak otai jika..
Anda bergaul dengan semua orang
Anda memang otai jika..
Anda hanya bergaul dengan orang dalam lingkungan kamu sahaja

Anda memang tidak otai jika..
Anda tidak memandang rendah terhadap usaha orang lain
Anda memang otai jika..
Anda memandang rendah usaha orang lain

Anda memang tidak otai jika..
Anda tidak memilih kawan
Anda memang otai jika..
Anda memilih kawan yang terdiri hanya daripada editor zine dan line up band

Anda memang tidak otai jika..
Anda tidak menyebarkan fitnah dan khabar angin dalam komuniti DIY
Anda memang otai jika..
Anda menyebarkan fitnah dan khabar angin dalam komuniti DIY

Anda memang tidak otai jika..
Anda menghormati hak orang lain
Anda memang otai jika..
Anda menganggap hanya anda sahaja yang betul dalam komuniti DIY ini

Anda memang tidak otai jika..
Anda mementingkan persahabatan dan saling hormat-menghormati
Anda memang otai jika..
Anda sering melaga-lagakan orang lain demi kepuasan diri

Anda memang tidak otai jika..
Anda seorang yang baik hati
Anda memang otai jika..
Anda seorang yang busuk hati nak mampos!

Anda memang tidak otai jika..
Tidak claim diri kamu otai
Anda memang otai jika..
Claim diri kamu otai!

Sekarang pilihan di tangan anda, samada anda mahu menjadi otai atau un-otai. Fak classism, fak division, fak you. I love you all.

Untuk isu kali ini, aku banyak mengulas zine-zine berbanding newsletter. Bukan bermaksud aku tidak suka pada newsletter. Cuma aku kecewa dengan kualiti kebanyakkan newsletter yang wujud di Malaysia ini. Di dalam ruangan ulasan ini juga, aku telah membuat pembaharuan di mana aku juga mengulas beberapa buah buku yang telah aku baca dalam masa terdekat ini. Semua ulasan ini masih dibuat oleh aku seorang dan semua ulasan adalah adil dan jujur. Tiada memilih persahabatan ataupun lawan. Keikhlasan di dalam diri adalah amat dititikberatkan. Tiada apa-apa bayaran yang aku terima untuk mengulas bahan-bahan bacaan ini semua. Kepada sesiapa yang tersinggung dengan ulasan aku, harap maaf! Sila hantarkan bahan untuk diulas pada isu yang akan datang. Aku masih lagi boleh menerima dan mengulas bahan bacaan yang berunsurkan sexism, fascism, racism dan homophobia, telapi jangan harapkan sesuatu yang menarik mengenai ulasan bahan bacaan tersebut. Sila hantarkannya sekarang!

Abstained Agogo/Homiside split zine A5 40 m/s RM2
Sebuah split zine hasil gabungan dua orang editor iaitu dari Melaka (Homiside) dan seorang lagi dari Kelantan (Abstained Agogo). Hasil gabungan mantap kedua-dua orang editor ini menghasilkan sebuah zine yang begitu baik sekali! Abstained Agogo juga merupakan sebuah zine yang telah lama wujud di Malaysia ini dan telah mengalami banyak perubahan daripada isu pertama sampai isu terbaru sekali! Homiside pula antara zine yang baru juga dipersada seni zine di Malaysia ini. Keseluruhan zine ini berkonsepkan politikal dan banyak info mengenai anarki dan juga McDonald's untuk menyedarkan masyarakat betapa buruk dan penipunya McDonald's. Artikel-artikel yang terdapat di dalam zine ini juga boleh dikatakan menarik serta dapat membuatkan kepala otak pembaca meletup! Hehe... opps... tidak lupa juga terdapat temuramah yang panjang lebar bersama Molotov, Cointainer Crusties From Hell, Shortsited, Disgruntled dan Rengkong Terkeluaq. Terdapat juga scene report dari Kulim dan juga Thailand. Dari segi susunan artikel dan layout juga begitu baik sekali dimana sejuk mata memandang atau bila membaca zine ini. Kesimpulannya, zine ini memang terbaik dan dapatkan dengan segera di alamat berikut: *(Wan Ahmad Faisal, Lot 567, Hilir Masjid, Nilam Puri, 16010 Kota Bharu, Kelantan atau Bidan, No. 1, Jalan TP6, Taman Pahlawan, 76300 Sg. Udang, Melaka)*

Admonish #3 zine A5 58 m/s RM2
Sebenarnya inilah kali pertama aku membaca dan mendengar zine ini. Kesimpulannya, editor ini memang rajin membuat zine dia. Tak alih-alih dah isu tiga! Tahniah. Okay, bercakap mengenai zine ini, ia menampilkan temuramah bersama Molotov, Stinky Socks, Tiro, Critical Mind dan Unite2Fight. Secara jujurnya, aku mengatakan, aku kurang berminat membaca zine ini kerana soalan temuramah yang amat membosankan. Hmm... tetapi ada satu bahagian yang aku paling minat sekali pada bahagian cerpen yang dibuat begitu panjang sekali. Cerpen yang ditulis itu mengisahkan perjalanan hidup editor setelah mendapat keputusan SPM. Bacalah! Tidak lupa juga, artikel yang boleh dikatakan hebat serta scene report dari Kuantan serta Bangkok, Thailand! Terdapat juga ulasan zine serta muzik yang banyak. Dapatkan senaskah di alamat: *(Darwis, 570, Lorong Kenanga 1, Taman Tangkak Jaya, 84900 Tangkak, Muar, Johor)*

Aliran Speaks buku 400 m/s RM?
This book is dedicated to those who think, who feel, who care about tomorrow. Itulah ayat yang pertama aku nampak bila membuka muka surat pertama buku ini. Aku memperolehi buku ini di sebuah kedai menjual buku-buku terpakai di Yik Foong Plaza, Ipoh. Dengan harga yang cukup murah iaitu RM1, aku pun dengan bangganya membeli buku ini. Memang tidak rugi, aku memiliki buku ini. Untuk pengetahuan pembaca semua, Aliran ialah sebuah organisasi



bukan kerajaan yang memperjuangkan demokrasi sebenar, hak asasi manusia dan kebebasan sebenar rakyat Malaysia. Tapi, aku tidak pasti sama ada buku ini masih wujud lagi atau tidak. Ini kerana buku ini adalah cetakan tahun 1981. Tetapi tidak salah jika anda semua membacanya. Buku ini memuatkan pandangan terhadap isu sosial yang berlaku di Malaysia dari Ogos 1977 hingga September 1981. Buku ini mengandungi pandangan yang diambil daripada keratan-keratan akhbar dan ceramah bebas. Antara topik yang dibincangkan ialah berkaitan dengan korupsi, demokrasi, isu pendidikan dan juga keagamaan. Anda semua patut memiliki buku ini untuk mengetahui apa yang berlaku pada masa itu terhadap negara Malaysia. Carilah buku ini sampai dapat. Kemudian baca dan fahamkan! Cuba hubungi; *(Aliran Kesedaran Malaysia, PO Box 1049, Pulau Pinang)*

Arise #3 zine A5 52 m/s RM?
Tidak aku sangka bahawa Thailand mempunyai sebuah zine yang begitu bagus sekali. Sebuah zine yang begitu menarik yang datang dari Thailand yang menampilkan temuramah bersama banyak band-band hardcore iaitu By the grace of god, Cocuram, Lack dan Shutdown. Soalan-soalan yang dikemukakan begitu baik sekali di mana editornya seperti sudah lama mengenali band tersebut. Inilah yang menyebabkan soalan yang dikemukakan begitu baik sekali. Banyak yang diperolehi setelah membaca temuramah yang terdapat di zine ini. Seperti biasa, zine ini mempunyai scene report, gig report dan juga ulasan muzik yang banyak. Sesuatu yang menarik pada zine ini ialah, ianya ditulis dalam dua bahasa iaitu Bahasa Inggeris dan Thai. Ini dapat memudahkan aku membaca zine ini. Alangkah menariknya jika di Malaysia terdapat zine sebegini rupa. Pasti memudahkan pembaca. Cukup menarik dan perlu dimiliki. *(Chris, 4H, P1, 22/765 Baansuanthon, Sinakarin Rd., Bangkaew, Bang Phli Samutprakarn, Thailand 10540)*

Austere #3 zine A5 52 m/s RM2
Memang rajin saudara editor ini. Tak alih-alih dah isu ketiga! Belum pun puas aku membaca isu kedua, sudah rilis isu yang ketiga pula. Sebenarnya editor zine ini iaitu Mr. Erin pernah membuat zine lain sebelum Austere. Zine tersebut ialah Simple. Okay, kembali kepada ulasan zine ini. Untuk isu kali ini, ia menampilkan temuramah bersama beberapa buah band iaitu Dot Dot Dot, Social 1ntergration, Rai Ko Ris, Dashown dan Lead (ii) Nitrate. Secara jujurnya pada pandangan aku, soalan-soalan yang dikemukan kurang menarik minat aku untuk membaca semua soalan temuramah! Ada di antaranya ditanya berulang kali kepada band yang yang lain. Sepatutnya boleh dilakukan kelainan sikit dari segi soalan. Tapi tidak apa, masih lagi menarik kerana menampilkan temuramah daripada band-band yang kurang terkenal di persada seni bawah tanah! Hehe... Dari segi artikel pun sudah ada peningkatan. Semakin panjang dan semakin hebat. Tahniah. Terdapat juga puisi serta scene reports dari Perancis. Dapatkan senaskah di alamat; *(Mr. Erin, 4 Jalan Jagong 18, Bandar Baru Uda, 81200 Johor Bahru Johor)*

Austere #4 zine A5 48 m/s RM2
Ganoh mu ni Erin. Tak puas hati aku dengan kau. Cepat betul rilis isu terbaru. Jeles pun ada aku nil Aku baru rilis 2 isu, ko dah rilis 4 isu. Ish.. tensen aku! hehe... untuk isu kali ini, ia menampilkan temuramah bersama 3 buah band iaitu Spazz, Jr. Ewing dan Vitamin X. Erin telah menghantar sebuah set soalan yang sama kepada ketiga-tiga band tersebut. Soalan yang menarik telah diberikan kepada band tersebut cuma mereka menjawab dengan ringkas aje. Bosan sikit la baca ruangan temuramah ni. Terdapat juga artikel-artikel yang menarik dan membuka minda aku yang semakin sempit dengan masalah-masalah yang melanda. Aku pun tak tahu la, kenapa sejak kebelakangan ni aku selalu rasa sedih, kusut, bosan dan banyak lagi benda-benda yang tak best. Tension juga aku dibuatnya. Aku pun tak dapat nak kenal pasti apa punca aku jadi sedemikian. Mungkn aku banyak teringat kenangan-kenangan lama yang best-best kot? Hmm.. apa la aku melalut ni. Kembali balik kat ulasan zine Austere ni! Sorry Erin, aku ter'emo' pulak. Artikel yang bagus-bagus belaka disumbatkan di dalam zine ini. Yang paling menarik sekali ialah puisi-puisi yang menarik dan menyentuh jiwa aku yang bergolak dengan bermacam masalah! Nampaknya, zine ini, semakin hari semakin bermutu dan menarik! Teruskan usaha anda Erin! Kalau sesiapa nak dapatkan zine ini percuma, bodeklah Erin kerana dia seorang yang cute! Hehe.. aku bodek sikit aje dah dapat percuma. Bagaimana pula dengan anda? Cubalah nasib anda hari ini. Awek-awek diberi keutamaan, wakaka... tapi Erin ni pemalu orangnya. Awek-awek di luar sana silalah mencuba nasib anda sekarang. Sila hantarkan surat bodek anda ke; *(Alamat sama di atas)*

Boycott Manifesto #7 zine A5 24 m/s RM1
Arrghh... berserabut! Datang dari Melaka dan berkonsepkan 'cut n paste' dan berunsurkan politikal. Lay out zine ini sungguh berserabut dan membuatkan aku malas hendak membacanya. Mungkin editornya nak nampak zine ini DIY sangat sebab tu dia buat macam berserabut! Itulah dia kesilapan komuniti kita ini. Nak sangat nampak DIY sampai melupakan kualiti! Kualiti diabaikan! Dan yang terhasil ialah piece of shit dan hanya layak untuk dibuang di dalam tong sampah! Menyampah! Hehe... isu kali ini menampilkan temuramah bersama sebuah band punk dari Indonesia iaitu Keparat. Soalan yang ditanya kepada band itu amat membosankan sekali dan sebab itu jawapan yang diberikan begitu pendek sekali. Artikel-artikel di dalam zine ini juga aku rasa banyak di rip-off dari mana-mana sumber. Ada juga artikel yang dibuat sendiri oleh editor dan aku rasa okaylah! Ada sedikit info mengenai Food Not Bomb dan scene report dari Singapura. Aku harap pihak editor dapat melakukan perubahan drastik untuk isu yang seterusnya agar pembaca tidak bosan. Dapatkan di alamat; *(Khairul c/o Mohd. Khairul Azizi, Km 18 Kampung Serkam Pekan, 77300 Merlimau, Melaka)*

Cloud Watching buku 138 m/s RM?
Aku memperolehi buku ini ketika gig di Batu Pahat pada tahun 1999 tidak silap aku. Ketika gig itu, Carburetor Dung beraksi dengan hebatnya. Pasti ada di antara kalian yang masih ingat ketika itu. Betul tak? Buku ini dijual oleh salah seorang line up Carburetor Dung, aku pun dah tak ingat siapa. Fendi kot! Buku ini memang menarik kerana ia

koleksizine.blogspot.com



".. Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera diucapkan kepada jiranku bernama Endy yang tinggal di Jalan Jagong 8, Bandar Baru UDA, Johor Bahru (hehehehehe). Tidak lupa juga diucapkan kepada semua pembaca zine ini. Bagaimana kondisi kamu pada ketika ini? Ada baik? Di harap kamu berada dalam keadaan sihat walafiat di samping keluarga yang tercinta. Keadaan saya di sini sihat Alhamdulillah...cuma agak sibuk dengan persiapan bagi menghadapi peperiksaan akhir di kolej (haru btol). Ermmm...sebelum saya menjawab soalan yang diberikan, saya pohon seribu kemaafan di atas kelewatan saya untuk menjawab soalan ini (macam 'time' Hari Raya la plok) Di harap saudara editor faham dengan situasi saya. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada saudara editor kerana sudi untuk menjemput saya bagi menjayakan sesi diskusi pada kali ini...

Okay...Berbalik kepada soalan yang diajukan (di atas). Ini dia jawapan saya: ***"Masa kita patut serius, kita serius dan masa kita patut bergumbira, kita bergumbira"***. la haruslah bersesuaian dengan keadaan. Ingat! Jangan sampai ia melampaui batas, jikalau tidak buruk akibatnya nanti. Apa yang saya cuba maksudkan di sini adalah ia perlulah seimbang. Memang tidak dapat dinafikan ada antara kita yang terlalu ekstrim untuk memperjuangkan idea/pendapat masing masing. Toksah la kata takde (hehehehehe). Saya pernah terserempak dengan orang yang bila dia serius, serius je manjang. Orang lain semua bergelak ketawa/bergumbira, dia diam jeks (serius la konon!) isk isk isk isk Kalau madah senus je kadang kadang boring gak kan? Ambil satu contoh ketika kita di zaman persekolahan dahulu. Tentu kita pernah berhadapan dengan cikgu yang garang/serius. Jikalau cikgu tu senus/bengis/hc je memanjang ketika mengajar, tentu boring gedegek (no sense of humor). Betul tak? Kadang kadang terpaksa fikir 20-30x nak memekak/bergurau dalam kelas. Silap silap kena diri atas meja la gamaknya (pengalaman lalu beb).

Tidak salah jika seseorang itu begitu senus dalam menegakkan ideologi ataupun pendapat masing masing, tapi biar berpada pada ah. Jangan sampai menggangu hak orang lain. Saya respek kepada seseorang itu kalau dia benar benar serius dalam satu satu hal...tapi saya akan hilang respek kepada mereka yang hanya pandai mengikut kata orang sahaja (pak turut) takpun yang ye ye kelapa. Sedikit nasihat saya di sini BERFIKIR SEBELUM BERTINDAK! Bagaimana jikalau kita berhadapan dengan situasi begini? Bagaimana pula jika ada antara rakan kita yang begini? Cara yang terbaik adalah, saling tegur menegur. Hendak tenma ataupun tidak...terpulang.

Saya rasa, lebih elok saya berhenti setakat di sini sahaja...Maaf Endy kerana saya tidak berdaya untuk menjawab soalan ini panjang². Apa yang pasti, saya lakukan sejauh mana saya mampu. Jangan ambil hati pulak ya. Buat teman teman di luar sana, jikalau ada apa apa yang tidak puas hati, kekeliruan dan sebagainya, hubungi-lah saya melalui mel elektronik: austere_zine@hotmail.com <mailto:austere_zine@hotmail.com> atau alamat surat menyurat: Po Box 1004, JB Mail Centre, 80357, Johor Bahru, JOHOR. Semoga kita ketemu lagi...Salam Sejahtera.

"Life is short, we gotta have fun, ignore them if they can't take a joke, we bust on ourselves, we bust on others, we have to stop taking ourselves and our problems so damn serious!"

- Saudara Erin (editor Austere)



" Aku ada dengar orang cakap 'weh tak boleh gurau' duduk surau la'. Kepala hotak dia, dia ingat orang kat surau tu semua serious muka masam je dan tak boleh g u r a u . Sebenarnya lain orang lain cara pergaulannya. Contoh macam Wak (wak lagi!) dia mesra dengan orang dengan tumbuk tendang badan orang. Ada orang bergaul dengan jelingan mata aje. Tapi dalam scene, kebanyakkan orang anggap - bila dah involve muka kena serious, berbual pun terlalu nak buat stuff/ music/ band tu band ini/ idea/ etc.Kalau buat benda mengarut, orang akan cop kita sebagai tak serious dalam scene. Hanya diri sendiri yang tahu sejauh mana kita honest dan serious dalam scene punk/hardcore ini. Cara pergaulan tidak boleh menjadi ukuran. Yang paling penting kita jujur pada diri sendiri dengan sifat semula jadi yang ada pada kita. Tak kisah, sifatnya suka melawak atau pun serious gila atau suka mencederakan rakan-rakan. Kerana ia sesuatu yang menyeronokkan!. Sebelum kita berpisah, man kita sama2 hayati dan renungkan surat rasmi yang sempat aku letak dibawah. Segala komen dan pertanyaan mengenai surat ini bokeh terus ke brokenvision@hotmail.com. InyaAllah, aku akan paparkan komen anda dalam donut #13. Sekian terima kasih; - Jimbo

Norhafizi Bin Abdul Wahab,
No 12, Jalan Lembah 24,
Taman Desa Jaya,
Johor Bahru,
81100 Johor.

19 Disember 2000

Pengurus,
Cetak Ratu Sdn. Bhd,
No 12. Jalan Permatang 8,
Taman Desa Jaya,
Johor Bahru,
81100 Johor.

Tuan,

PERLETAKAN JAWATAN

Merujuk kepada perkara di atas, saya Norhafizi bin Abdul Wahab ingin meletakkan jawatan sebagai jurureka grafik di syarikat tuan bermula pada hari ini iaitu hari Selasa bersamaan 19 Disember 2000.

2.Di antara sebab utama saya meletakan jawatan adalah kerana keadaan kesihatan saya yang terganggu tidak menentu dan seterus menyebabkan saya tidak dapat menjalankan tugas dengan sempurna. Mungkin ia sedikit sebanyak menyulitkan operasi syarikat.

3.Saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan ribuan terima kasih atas segala jasa baik tuan semasa saya berhidmat selama 2 bulan ini. Sedikit sebanyak telah memberi saya pengalaman yang berguna untuk saya.

4.Sekian, terima kasih.

Yang benar;

Norhafizi bin Abdul Wahab

RUNANGAN SUAI KENAL

Nama :.....
No Tel :.....
Alamat :.....
.....
.....
.....

Nama :.....
No Tel :.....
Alamat :.....
.....
.....
.....

Nama :.....
No Tel :.....
Alamat :.....
.....
.....
.....

Nama :.....
No Tel :.....
Alamat :.....
.....
.....
.....

Nama :.....
No Tel :.....
Alamat :.....
.....
.....
.....

Nama :.....
No Tel :.....
Alamat :.....
.....
.....
.....

SURAT TERBAIK EDISI INI...

Assalamualaikum..

Hi Endy! Apa khabar kau? Harap-harap sihat bersama orang yang tersayang. Ni aku Nasrol menulis kembali. Surat kau selamat aku terima pada 6/6/2002. Aku kat sini sihat walafiat. Cuma busy la, sebab baru mula semester baru. So banyak benda nak settlekan. Awal-awal lagi dah ada assignment. Leceh la.. dah la duit loan tak masuk lagi. Cikgu Fendy dah makan ke tuh? Hehe.. saje melawak.

Apa nak cerita ek? Bosan la beb dok dalam hutan ni. Nak keluar pun payah. Label ko macam mana? Aku dah dapat dah Nostalgia tuh. Boleh tahan menarik, sebenarnya aku tak buat distro. Cuma aku hanya mengumpul stuff yang boleh aku jualkan. Biasanya, aku try ambik stuff dari area Johor dan spreadkan kat sini. Aku cuma bergerak seorang diri. Mengenai tawaran kau tentang kompilasi tuh, aku tak berani nak ambik la sebab takde pulus. Loan tak masuk lagi. Tunggu kalau ada duit nanti. Biasa aku akan ambik zine-zine aje. kalau tape-tape pun, aku ambik dalam 5-10 copy jer sebab aku bukan buat distro. Cuma tolong jualkan je kalau aku pergi tempat orang.

Tentang projek aku tuh, hehe.. aku pun dah pening. Ko la ni.. Macam ni, mula-mula aku memang nak buat sorang-sorang. Nama dia 'Rintihan'. Haha.. pastu aku rengok ko dah keluar Rintihan Perasaan. Terperanjat beb, tapi aku still teruskan dengan nama lain 'Ratapan'. Dalam tahun 2000 banyak gak bahan yang aku dah kumpul macam artikel, info, scene report, interview, etc. So, aku rasa dah cukup la tu. Jadi, aku suruh member aku taipkan sebab dia kerja kat CC. Aku bagila kat dia.. siap aku dah susun lagi tuh. Sehari aku datang, dia kata tak taip lagi. Lepas ¾ hari, aku datang lagi. Aku tanya dia, dah start buat ke? Ko tahu tak apa yang dia cakap? "Eh jap ye, aku check, Nas, ko punya barang dah hilang la..". Pergh.. nak terduduk aku rasa. Apa taknya, lama gila aku simpan. Sayang beb. Buleh la pulak dia hilangkan. Rasa time tu dah fed-up dan malas nak buat zine. Silap aku, sebab tak buat copy/ salinan. Pastu, aku pun slow sampai malu muka aku bila bebudak tanya pasal zine tu. Member aku boleh buat bodoh aje. menyirap limau aku rasa. Tapi apa boleh buat, benda dah jadi. Bila aku fikir balik, aku tetap nak teruskan juga. So, aku tak nak Fraternity mati. Baru 1st issue dah senyap. Buat masa ni, aku dalam proses nak buat balik Fraternity #2. So, kalau ko tak keberatan, sumbangla apa-apa yang patut. Pintu persahabatansentiasa terbuku. Lagipun aku tengah kering idea ni. Ko bagi idea aku sikit, apa yang aku patut buat. Hehe.. aku rasakan, kau ni macam tahu-tahu je apa yang aku nak buat. Maksud aku, nama Rintihan tu sama, pastu tentang ethic dan friendship pun sama. Mungkin ianya secara kebetulan sebab aku kumpul banyak tentang ethic dan friendship tu. Keh.. keh.. tapi hilang. Padan muka aku.

Tentang zine kau tu, takde pa yang aku nak komen sangat. Sebab aku ni bukanlah terlalu pandai dalam u/g scene ni. Cuma sikit jela.. janganlah sebab punk/hc ni kita tinggalkan keluarga. Buruk baik pun, dialah orang tua kita. Merujuk kepada artikel 'My Daily Life Suxx'.. kadang-kadang aku terfikir, kita juga racist sebab kita mengasingkan orang lain hanya dari segi muzik. Kita juga hipokrit, dalam scene kita tak suka pada orang yang bersikap racist atau fascist. Tapi kita tak pernah cuba terapkan benda ni pada keluarga kita. Ini hanya pendapat aku yang bodoh. Saja.. aku pun tak berapa pandai. Kita memang tak lepas dari buat kesilapan.

Lepas tu, artikel 'Harapan yang Sia-sia', aku setuju dengan kau. Rasa cemburu dan iri hati semakin menebal dalam diri masing-masing. Kenapa perlu cemburu dengan orang lain. Bila cemburu, mula la diorang ni nak buat berita, gossip/ rumours yang tak baik. Kenapa tak jadikan kejayaan orang lain sebagai platform untuk kita berjaya juga. Memang manusia tidak akan senang dan bila melihat orang lain senang dan disanjung. Keterbukaan minda amatlah diperlukan dalam komuniti u/g.

Poem 'Fuck God' memang best. aku ingat mula-mula ko dah tak sukakan tuhan. Terperanjat beb. Tanpa disedari, ada segelintir kita nak jadi ketua dalam scene. Mungkin benda ni berkait dengan PC. Ada dikalangan kita nak tunjuk terror dengan idealogi masing-masing. Sebagai contoh, boikot. Kenapa perlu bagi kita untuk boikot pihak-pihak dalam scene ini. Sebagai contoh, ada la kononya satu zine ni keluarkan kenyataan racist tanpa disedari. Pastu si A hasut budak-budak boikot zine ini tanpa sebarang toleransi dan diplomasi. Aku rasa benda ini amatlah tidak adil dan menyedihkan. Ya, kita memang menolak segala elemen racist, fascist, sexist tapi kenapa kita tak beri peluang kepada mereka untuk memperbetulkan kesilapan. Kenapa tak kita dekati diorang dan jernihkan keadaan. Cuba hormati diri masing-masing. Apa yang aku melalui ni? Kita sanggup ketepikan rakan semata-mata perbezaan idealogi. Tak salah kan kalau kita cuba dekati diorang dan beri sedikit nasihat supaya dia tidak lakukan kesilapan yang sama (fascist, racist). Tu dah kira amal dan ibadat. Mungkinkah kita ini terlalu hipokrit? Tak dapat dinafikan, kita ni lah juga PC sebab kita mahukan sesuatu yang terbaik bagi diiir kita dan komuniti. Aku bukan hendak bertelagah, cuma berkongsi idea jika ada yang sudi Making Punk a Threat Again. Tapi jangan jadikajn punk ancaman kepada sesama kita. 'Communication is a part of revolution' – Din Roots!

Aku rasa tu jek. Dah panjang gila ni. Karang kau bosan pulak. Segala apa yang tertulis adalah pendapat aku. Jika ada kesilapan atau apa yang kau tak puas hati, bagitau aku. sebab aku ingin belajar dari kesilapan. Jangan biarkan aku dalam kejahilan. Karang sumbangka apa-apa untuk Fraternity #2. Aku minta maaf la ye. Kirim salam kat Din dan bebudak JB. Kalau ada stuff nak suruh tolong aku jualkan, bagitau aku okay! Sampai di sini dulu. Sampai berjumpa lagi di lain edisi. Do take care. Keep in touch.

Mencari Sinar;
Nasrol,
c/o Ikhtisyam Mohd Nasir, No. 74, Lorong 3A,
Taman Mahsuri, Bandar Darul Aman,
06000 Jitra, Kedah

'belajar dari kesilapan adalah baik daripada takut untuk belajar' - zerObrain

Gossip, khabar angin dan berita terkini yang mungkin telah basi...

*Editor sebuah zine sXe di Johor Bahru, iaitu saudara Kerk (detonate the mind) kini sedang bahagia di samping orang tersayang iaitu seorang gadis berumur 17 tahun dan Selangor. Mungkin lepas ini Detonate the Mind jadi zine emo yang lebih into love? Kita tunggu dan lihat saja. Jadi kepada saudara Kerk, selamat berbahagia di samping teman baru anda!

*Editor sebuah zine sXe di Johor Bahru juga, iaitu saudara Timmy (standpoint of mind) khabarnya, baru putus cinta dengan kekasihnya yang amat disayangi. Hmm.. kesan dia. Mungkn dia tengah emo di kala malam menjelma. Tapi, janganlah sangat dilayan perasaan tu. Bunga bukan sekuntum. Cari yang lagi best punya!

*Seorang budak punk terkenal di Johor Bahru iaitu Encik Jimbo, akan berkahwin dengan gadis pilihanraya eh.. silap lagi, pilihannya iaitu Kak Lin mungkin tahun depan. En. Jimbo baru melangsungkan majlis pertunangannya dengan Kak Lin pada bulan Mei yang lalu (2002). Semoga berbahagia En. Jimbo!

*Saudara Haznn atau lebih disenangi dengan panggilan Wak (drummer Makhlok Perosak) di Johor Bahru, kini sedang mencari seorang teman wanita. Doakan kebahagiaan Haznn kerana dia ni senang gigil depan awek. Kepada sesiapa yang berminat, sila hantarkan gambar kepad alamat zine ini. Haznn juga ada menawarkan perkhidmatan bekam untuk mengeluarkan darah kotor! Hehe...

*Dengar cerita En. Din Akar akan mengusahakan sebuah label yang akan meriliskan kaset 3 way split band Kasih Sayang, Jeritan Sepi dan juga Chenta Tiada Restu. Kita nantikan kemunculan label ini.

*Betul ke Endy dah ada awek? Ada orang kecoh-kecoh sebarkan berita yang Endy ni selalu tenet dengan seorang gadis kerja bank? Bank mana? Siapakan gadis bertuah itu? Diorang dah declare ke? Hmm.. Kalau nak tahu lebih lanjut, korang tanya Endy sendiri!

*Dengar cerita dua buah band gergasi dari Jepun iaitu Battle of Disarm dan AGE akan turun ke Johor Bahru pada tahun 2003 untuk membuat tour. Ye ke? Aku pun macam tak percaya. Tapi kita tunggu aje la. Minta-minta khabar angin ini betul. Kita tunggu dan lihat!

*Dengan kejayaan gig 'apa ada pada cinta' pada 30/3/02 yang lalu, kami bercadang untuk membuat gig 'apa ada pada cinta part 2'. Kami masih mencari band-band yang sesuai. Jadi band-band yang berminat sila keep in touch dengan seorang pakcik dan 3 remaja ini iaitu Jimbo, Din Akar, Fendy dan Wak.

*Aspirasi Recs. yang telah berjaya mengeluarkan Nostalgia 'tetap berdiri' EP kaset menjangkakan akan meriliskan sebuah lagi rilisan bermutu. Kali ini, Aspirasi sedang bekerjasama dengan sebuah band Digital Hardcore dari Johor untuk mengeluarkan CD. Tunggukan kemunculan rilis terbaru dari Aspirasi Recs.

*Sebenarnya Wak ada tatu kat bahu!

*Anda masih ingat lagi manusia bernama Abdul? Abdul inilah manusia yang paling busuk hati sekali di dalam scene di Malaysia. Penyebar fitnah merata-rata. Pernah membuat palat pada tahun 1999 dan kemudian menyepikan diri kerana malu pada din sendiri. Terkantol la pulak si Abdul ni. Kantol bodoh pulak tu. Sekarang ni, manusia hina tersebut mengganas lagi dengan menggunakan nama Doi. Hehe.. berjaga-jaga kalian semua. Mangsa pertama Jimbo!

*Ada berita panas lagi ni. Eh.. aku dengar si Abdul ni ada label. Besar jugak label dia. Label dia ni, repress CD dari luar. Betul ke? Ooo.. mungkin dia panas dengan Jimbo pasal label dia tak berjaya macam Broken Noise kot! Ishh.. macam ini punya orang pun ada ke?

*Korang pernah dengar cerita pasal Sireh dan Cengkeh Terpilih? Buku ni mengumpulkan poem-poem dari serata dunia. Editor buku ini sedang meminta bantuan kepada sesiapa yang minat menulis poem agar memberi sumbangan poem kepadanya. Sila hantar bebanyak tau!

*Editor Cronically Donut, Said nak kahwin bulan Mac 2003. Tapi masalahnya dia tak declare lagi! Macam ini punya orang pun ada ke? Muahaha..

*Gig di JB di lihat sebagai tempat bisness baik untuk segala benda di jual. So JB dah jadi tumpuan para bisnesman kecil. Bukan kata kaset/ cd/zine, letak biawak pun ada orang beli. Betul ke?

*Betul ke Jimbo ada fair dengan Umie Aida? Harap-harap benda ni tak benar...!! Hehehe..

*Atan! Pasti anda semua kenal dengan drummer Parkinson ini. Sekarang Atan telah menukar namanya menjadi 'Atan Hoed' kerana amat terpengaruh dengan Soundtrack 'Ada Apa Dengan Cinta'.

*Wak (drummer Makhlok Peosak) sebenarnya sudah berumahtangga dengan gadis pilihan keluarganya tetapi sekarang ini rumahtangganya sedang mengalami keretakan akibat buatan orang/orang ketiga.

*Lagi gosip mengenai Wak. Dia di katakan sedang hangat bercinta dengan gadis pilihan hati. Sering kelihatan di tempat-tempat awam kenulu hilir dengan skuter dan sering menggunakan 'brek depan' walaupun dalam keadaan tidak perlu menggunakan break.

*Akhir sekali, mengenai Wak juga, setelah tertekan dengan kutukan yang diterima masyarakat, Wak di katakan telah berazam akan mencederakan orang yang bertanggungjawap menyebarkan panggilan buruk 'WAK MUKA KETAT' di dalam zine.

** Ini adalah ruangan gossip, khabar angin dan berita terkini. Jadi terpulang kepada anda untuk percaya atau tidak!*

'... the major was smile but the children still fears...'.Itulah petikan daripada lirik lagu kugiran NOSALGIA yang bertajuk 'Fears'. Sungguh menarik dan mempunyai maksud yang mendalam. NOSTALGIA merupakan kugiran yang memilih melodic old school hc untuk diperdengarkan kepada komuniti DIY ini. Sudah meriliskan sebuah EP 'tetap berdiri' di bawah sebuah label baru dari Johor Bahru iaitu Aspirasi Records. Di sini aku mengambil peluang untuk menemuramah salah seorang line-up kugiran ini untuk mengetahui lebih lanjut apa yang ingin mereka sampaikan melalui penubuhan kugiran NOSTALGIA ini.

Hai, apa khabar dan kata-kata aluan untuk pembaca zine ini?
Hai, harap kalian senang di sana.

Soalan yang paling membosankan. Bolehkah anda menceritakan serba sedikit tentang diri anda serta penglibatan anda dalam komuniti DIY ini?
Semuanya bermula apabila saya merasakan diri ini seperti tiada identiti yang membolehkan saya berasa puas terhadap apa yang saya lakukan. Sama seperti remaja lain, 'ingin mencuba sesuatu yang belum pernah dicuba', tetapi adakah wajar saya mencuba tanpa memikirkan kesannya dikemudian hari? Saya fikir tak perlu untuk menunjukkan rasa marah secara melulu. Mungkin ada sebabnya mengapa perkara itu membuatkan saya berasa marah. Perhati, selidik, fikir dan barulah bertindak untuk menanganinya. Bagi saya PUNK adalah 'berfikir' dan seharusnya mempunyai fikiran yang rasional untuk menangani sesuatu perkara. Ianya bersesuaian dengan hidup saya jadi tiada masalah bagi saya untuk meng'consider'nya sebagai sebagai falsafah diri. Saya cuba mendalami DIY scene sejak saya berumur 17 tahun dan saya fikir ianya masih belum terlambat untuk memulihkan perkara yang telah keruh. Saya cuba memahami apa itu yang dimaksudkan tentang sXe walaupun saya tahu yang saya juga adalah perokok pada masa itu. Semuanya berhasil apabila saya memandangnya secara serius. PUNK bukanlah sesuatu perkara yang sementara buat diri saya, ianya adalah berkekalan kerana saya tidak menganggapnya sebagai satu trend pada usia remaja ni. Walaupun ianya bergantung pada seseorang individu itu bagi menetapkan falsafah diri masing-masing. Tiada paksaan dalan scene!

Kembali kepada cerita band anda, bolehkah ceritakan serba sedikit mengenai latar belakang serta sejarah tertubuhnya kugiran anda? (influnce, konsep, line-up..etc.)
Kami semua terdiri daripada penuntut di satu kampus di Batu Pahat. Saya mula mengenali Amir dan Arm pada penghujung tahun 1998. Tiada perancangan bagi menubuhkan sebuah band pada masa itu. Che Din dan Foo Kaw agak aktif di dalam aktiviti ketenteraan di kampus membuatkan kami bertiga berasa mual untuk bercampur dengan mereka. Hal ini tidak berlarutan. Ianya berubah setelah kami mengenali Che Din dan Foo Kaw dan mendapati mereka telah berhenti daripada terus menjadi 'tentera simpanan kampus'. Mungkin disebabkan kecenderungan kami sama iaitu meminati muzik yang agak bising membuatkan saya bercadang menubuhkan sebuah band yang begitu 'kejam' dan 'dramatik' dengan mereka, haha.... Agak sukar untuk saya menyatakan pengaruh daripada mana saya ambil. Yang nyata di sini kami membawa konsep melodic old skool dengan alunan citarasa kami sendiri. Sejak bermula pada pertengahan tahun 1999 sehingga sekarang, line-up NOSTALGIA masih belum bertukar pihak di mana saya (xHuzairix) selaku vokal, Amir dan xChe Dinx sebagai gitaris, Foo Kaw Cheng selaku bassist manakala Arm sebagai drummer.

NOSTALGIA. Hmm... sebuah nama yang unik! Mungkin ada maksud tersirat disebalik nama NOSTALGIA ini. Cuba terangkan sedikit mengapa anda memilih nama ini dan siapa pula yang bertanggungjawab dalam memberikan nama NOSTALGIA ini?
Tiada apa-apa nilai komersil yang saya berikan, hanya sekadar nama yang mungkin menonjolkan sentimen lama. Mengenai istilah tersirat bagi NOSTALGIA pula bagi saya agak sukar untuk diperjelaskan kerana masing-masing mempunyai pandangan yang tersendiri, tapi bagi saya ianya mengisarkan irama naluri kehidupan seseorang, itu sahaja.

Pada waktu ini, semakin banyak kugiran-kugiran yang berpotensi muncul di dalam komuniti DIY ini. Jadi, apakah tujuan kugiran NOSTALGIA ini ditubuhkan? Adakah sekadar untuk bermain muzik atau sebaliknya? Terangkan dengan lebih jelas...
Memang banyak band yang muncul atas sebab pengaruh muzik. Tambahan pula ramai diantara kita yang bermentalitikan muzik, jadi tidak hairanlah di antara kita yang asyik bercakap mengenai band-band di serata dunia yang memiliki pengaruh yang begitu kejam serta mampu merobek jantung yang sedang berfungsi. Di dalam scene DIY ini, bagi saya muzik umpama senjata yang mampu membuatkan seseorang itu sedar akan hakikat sebenar. Saya menganggap hiburan kita di dalam komuniti DIY sebagai satu revolusi minda yang sememangnya harus dipandang serius. NOSTALGIA bukan tertumpu pada muzik sahaja, ianya merupakan keluhan terhadap perkara yang nyata. Memang muzik itu independent tetapi bagi PUNK/HC ianya bukanlah menjurus kepada hiburan secara mutlak. Saya rasa komuniti DIY tahu untuk menilai perkara yang tidak seharusnya dieksploitasikan kepada pihak yang tidak sepatutnya. Berhati-hati akan haluan muzik yang dibawa!



Adakah dengan wujudnya kugiran NOSTALGIA ini, anda dapat rasakan bahawa anda dapat mengubah sesuatu di dalam komuniti DIY ini? Mengapa?
Semua perkara adalah bergantung kepada diri sendiri. Sisapalah kami untuk mengubah kehendak dan haluan orang lain agar mengikuti apa yang cuba kami sampaikan. Kami bukanlah penyebar sebarang dogma. Bagi saya, sudah cukup baik sekiranya segala apa mesej yang terkandung d dalam lirik NOSTALGIA di'highlight'kan dalam pemikiran dan dinilai sendiri. Sudah tentu kami tidak mengharapkan kepada pemikiran yang berbentuk fascist dan saya pasti komuniti DIY di luar sana mampu menilai lirik yang terkandung dalam lagu kami. Seelok-elok perubahan adalah datangnya daripada penilaian yang bagus dan ini semua bergantung kepada individu tersebut, jadi ianya terpulang kepada semua.

Bercakap mengenai liriknya pula, saya dapati lirik kugiran anda begitu bagus sekali. Siapakah yang bertanggungjawab dalam mencipta lirik-lirik untuk kugiran NOSTALGIA? Apakah yang amat dititik beratkan dalam pembikinan sebuah lirik itu? Adakah anda berpendapat bahawa lirik sesebuah lagu itu dapat menyampaikan mesej dengan sempurna? Sila ulaskan sedikit...
Kesemua lirik ditulis oleh saya. Semuanya berkisar tentang perkara yang tercetus dalam pemikiran saya dan sesetengahnya adalah daripada pengalaman hidup saya sendiri. Saya tidak dapat untuk memastikan perkara apa yang seharusnya dititikberatkan di dalam penghasilan lirik. Adakah kamu maksudkan tentang prosa katanya? Ataupun dari segi penggunaan ayatnya? Saya tidak mengikut sebarang protokol di dalam menghasilkan lirik NOSTALGIA. Saya fikir dan saya tulis mengikut kesesuaian susunatur ayat dengan melodinya. Ringkas, straightforward dan tiada tapisan dibuat! Mengenai keberkesanan penyampaian sesuatu mesej, bagi saya lagu dan lirik adalah merupakan dua perkara yang tersurat manakala mesej pula adalah satu perkara yang tersirat. Tapi ianya boleh juga disekalikan mengikut kesesuaian melodi yang dimainkan. Bagi NOSTALGIA, melodi old skool yang dibawa sudah cukup jelas bagi menyampaikan mesej sebenar yang cuba diketengahkan.

Sesetengah lagu yang dinyanyikan oleh anda adalah dalam Bahasa Melayu, adakah anda rasa ia dapat memudahkan mesej yang ingin disampaikan diterima oleh penghuni komuniti DIY di Malaysia? Bagaimana pula dengan mereka yang berada di luar negara yang tidak tahu atau tidak faham akan Bahasa Melayu ini?
Agak janggal sekiranya didengar buat pertama kalinya. Tapi bagi saya ianya bukanlah merupakan satu masalah besar bagi mereka yang tidak memahami Bahasa Melayu, sudah tentu dengan memberi penerangan dapat menyelesaikan perkara ini. Agak mudah untuk saya berinteraksi sesama rakan dengan menggunakan Bahasa Melayu memandangkan Bahasa Inggeris saya agak lemah. Tambahan pula Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi di Malaysia dan penggunaannya agak meluas. Saya faham akan senario yang berlaku di dalam scene ini, di mana kita agak segan untuk bersuara dengan menggunakan cara kita sendiri. Secara generalnya kita menggunakan Bahasa Inggeris di dalam berkomunikasi, tetapi itu sekiranya melibatkan rakan-rakan yang berada di luar negara. Saya pelik melihat kerenah sesetengah band-band DIY di sini dimana mereka lebih kerap menggunakan bahasa internasional semasa beraksi di gig yang dipenuhi dengan komuniti DIY tempatan. Adakah anda rasa crowd akan terus dapat menangkap mesej yang cuba anda luahkan di dalam lagu tanpa memberi sebarang penerangan yang jelas terhadap perkara yang terkandung disebaliknya? *Saya tidak menyalahkan anda berkomunikasi dalam sebarang bahasa sekali pun tapi biarlah ianya dapat dimaklumkan dengan jelas kepada majoriti yang berada di dalam gig tersebut.* Wajar?? Melihat crowd bersuka ria melompat dengan gaya ala Supermannya tanpa mengetahui mesej yang cuba disampaikan dalam lagu tersebut. Seolah-olah vokalis umpama 'pelawak yang sedang menjerit' saya fikir! Hal ini nampak remeh tapi cuba fikirkan akan kesannya terhadap

benar-benar inginkan suatu revolusi yang lebih berkesan. Tidak mungkin kita ingin melihat idea-idea dan filosopi yang sedia ada di dalam komuniti ini dijadikan suatu bahan lawak untuk memperbodohkan diri sendiri dan juga orang lain. Pendirian yang kental itu sangat diperlukan untuk mencapai sebuah perubahan. Aku percaya, apa yang cuba kamu maksudkan di sini ialah mengenai beberapa individu yang terlalu tepu dengan idea sendiri. Kamu jangan risau dengan permasalahan ini, persetankan dengan mereka semua, teruskan sahaja kehidupan seharian kamu seperti biasa, kerana tentunya kamu masih mempunyai ramai kenalan yang boleh dibawa bergurau senda. Walaubagaimanapun, setepu mana seseorang idividu itu, dia masih juga memerlukan sedikit humor untuk menceriakan hidupnya dan persekitaran. Lawak yang dimaksudkan mungkin dari aspek perbualan bersama teman rapat. Tidak disangkal, kadang kala hendak membuat lawak, kita juga harus mengenali terlebih dahulu individu yang sedang kita berhadapan, agar apa yang cuba dilawakkan itu nanti tidak disalah faham di kemudian hari. Mana mungkin kita melawak secara membabi buta dengan individu yang kita masih lagi tidak mengenali hati budinya. Contohnya, aku juga pernah dan selalu melawak dengan beberapa pendukung idea sXe kental di sini, dengan lawak-lawak kronik yang boleh mencetuskan kontroversi jika disalah fahami. Memandangkan kami di sini saling mengenali, maka tidak pernah timbul sebarang perselisihan. Dari segi fun pula, aku rasa ianya memang sangat diperlukan, terutama dalam melakukan beberapa perkara, agar suasana tidak terlalu tegang dan membosankan. Contoh yang boleh diambil ialah seperti melakukan aksi langsung. Didalam kesibukkan kamu melakukan penyebaran risalah propaganda, tidakkah kamu berasa seronok apabila dalam masa yang sama kamu dapat mencuci mata melihat kerenah orang ramai dan maklum balas yang kamu terima dari penyebaran tersebut. Kamu juga boleh memberikan risalah tersebut kepada gadis-gadis / teruna-teruna (teringat aku Jalan Teruna Tampan kat Melaka tu!) yang kamu rasakan manis / kacak agar mereka tahu apa yang cuba kamu sampaikan. Jika ada jodoh pasti gadis / teruna tadi akan menjadi pasangan kamu jika kamu masih lagi tidak mempunyai kekasih. Itu juga boleh dianggap sebagai keseronokkan sambilan. Apa yang aku sebutkan ini hanyalah sebagai contoh yang aku sendiri pernah mengalaminya. Mungkin ada lagi yang lebih menarik seperti dalam situasi berkugiran, berkolektif, membuat zine dan sebagainya. Revolusi juga boleh tercetus dengan memasukkan elemen lawak jenaka, untuk menarik minat orang ramai mengikutinya, tanpa ada rasa tegang atau terancam. Untuk situasi aku pula, apa yang aku rasakan dan apa yang aku lakukan ketika ini masih lagi mempunyai unsur keseronokkan walaupun mungkin tidak seronok bagi individu yang lainnya termasuklah kamu sendiri. Yang penting cubalah berfikir secara matang dan jangan terlalu bersifat kebudak-budakkan dalam menerima teguran, pandangan atau apa sahaja. Pernah juga apa yang aku anggap lawak telah disalah anggap oleh beberapa individu yang boleh dikatakan sengal, sehingga timbulnya beberapa salah faham yang mengakibatkan bermasam muka. Terus terang aku katakan, aku tidak akan memperdulikan lagi situasi sebergini. Jika kamu masih lagi mengangap isu yang remeh itu suatu yang terlalu serius dan sering memperbesar-besarkannya, nasihat aku, kamu harus cuba sedaya upaya mengawal emosi kamu agar tidak kelihatan bangang dikemudian harinya. Mungkin ini suatu kesilapan yang sudah disengajakan, tetapi cuba jadikan ianya sebagai suatu iktibar untuk mengenali dengan lebih rapat lagi seseorang individu itu sebelum kamu memberikan sebarang spekulasi mengenainya. Nampaknya itu sahaja yang mampu aku coretkan untuk perbincangan pada kali ini. Jumpa lagi kita untuk edisi yang akan datang. Selamat berbahagia kepada saudara Endy Player, woi bila kita nak keluar 'double date' lagi! (gua on aje! Eleh, nanti lu keluar sorang-sorang tinggalkan gua! Kecik hati siak! Hehe.. – editor)..."

- Saudara zDINz (Diselesaikan pada: 13.08.2002 Besday 'dia')

(ah!!! tak sudah2 ko!!! ni yang aku menyampah ni! Edit zine Endy pun, ko ada jugak! Pulak tu sempat nak mengada2! ish.. tension aku! Din, senang2 ko ajak je dia kawin, beli rumah kat Kota Masai. Malam2 boleh meniaga warong makan! - Jimbo)



"..Pada pendapat saya, unsur lawaknya masih tidak hilang lagi kerana saya masih lagi berlawak/fun dengan rakan-rakan yang memang di dalam komuniti DIY tetapi lawak yang saya lakukan bertempat dan bersesuaian dengan keadaan. Namun seseteng ah isu sensitif haruslah diambil serius supaya tidak menyinggung perasaan individu-individu yang lain. Bagi saya lawak/fun tidak salah janji bertempat, bersesuaian dan ada limitnya. Secara jujurnya, saya masih belum berjumpa dengan individu yang terlalu ekstrim/fanatik dengan ide-ide sendiri mungkin kerana saya masih mentah dalam scene dan belum malihat dengan sepenuhnya. Minta maaf jika pendapat yang saya berikan kurang memuaskan saudara editor.."

- Saudara Mus (editor Ijtima')



"..Salam sejahtera pertama sekali diucapkan kepada saudara Fendi kerana sudi menemuramah aku yang boleh dikatakan masih mentah dalam perjuangan hc/punk ini. Hihi.. dan seterusnya salam kepada semua pembaca di luar sana. Okay kita terus kepada jawapannya..

Ehmmm.. sebelum itu aku nak memohon maaf kepada Fendi dan pembaca diluar sana sekiranya jawapan yang akan aku berikan nanti kurang/tidak memuaskan hati anda semua. Sorry okay?!!. Disebabkan aku baru involve ke dunia hc/punk ini jadi aku kurang pasti yang komuniti DIY ini semakin hilang unsur lawak/fun. Minta maaf, tapi apa yang aku nampak sekarang semuanya berjalan dengan lancar. Tapi aku tidak menafikan bahawa wujudnya golongan yang terlalu ekstrim dalam menegakkan idealogi atau pendapat mereka sendiri. Emmhh entah la! Kekadang diri aku sendiri pun tak terlepas dari melakukan perkara sebegitu, tetapi kita perlu berusaha agar kita dapat mengawal diri kita dari melakukannya dan sentiasa berhikmah dalam memberi sesuatu pendapat, ideologi dan sebagainya. Berhikmah yang aku maksudkan di sini ialah sentiasa berlemah lembut, ceria, serius pada sesuatu keadaan, senyum selalu dan tidak memaksa. Kalau boleh kita wujudkan satu sunsana yang harmoni dan funny yang jauh dari penyakit-penyakit hati seperti hasad dengki, sombong, nak, memandang rendah kepada orang lain, marah bukan pada tempatnya, iri hati, dan sebagainya. Dengan ini satu pendapat akan mudah diterima oleh kedua-dua pihak dengan hati yang terbuka, puas, happy, tenang dan penuh toleransi serta keikhlasan. Hihihi.. aku ni cakap macam sendiri buat jek kan?!! Selain itu kita juga boleh membuat lawak atau gurauan yang dalam masa yang sama boleh memikat diorang mengikut pendapat kita. Tetapi anda semua mesti ingat gurauan atau lawak itu jangan terlalu melampaui batas-batas sehingga boleh bikin pergaduhan, ketidakpuashatian, sakit hati etc. Di sini aku ingin menasihati kepada diri aku sendiri dan pembaca di luar sana bahawa seseorang akan mudah menghormati atau menerima pendapat/ideologi seorang yang sentiasa rendah diri dan bersifat baik. Ehm.. aku ni dah lari dari soalan engko ke Fendi!? Aku harap-harapla tidak. Okay aku rasa itu je kot yang boleh aku kongsi bersama korang semua. Sekali lagi aku nak minta maaf kepada semua jika jawapan aku ini tidak dapat memuaskan hati anda sebab aku terima soalan ini pun last minute dari xpiex! Sorry ok?! Stay DIY stay fun!!! Wasalam. --- Any feedbacks please send it to *mic_check1986@hotmail.com*. InsyaAllah aku sedia menerima pembelajaran dari korang semua.."

- Saudara Umar



"..Pada pandangan aku, hilangnya sifat-sifat atau unsur cipan tersebut di dalam komuniti DIY kita maka hilanglah serinya. Kerana dengan adanya unsur jenaka, lawak cipan, kelako bodo dan sebagainya akan memeriahkan lagi suasana yang sedia ada walaupun kita berada di dalam kelompok atau dalam pergaulan kita dalam suasana kemasyarakatan. Sebenarnya benda ini atau unsur-unsur ini tidak melibatkan dalam komuniti sahaja, malah ia juga melibatkan dalam kehidupan kita seharian. Sememangnya tidak mustahil ada dikalangan kita yang terlalu ekstrim serta serius dengan idealogi mereka dan ada juga dikalangan kita yang menolak sekeras-kerasnya unsur-unsur ini dan berlagak serius macam Jalaludin Hassan. Aku pun kadang-kadang hairan kenapa la diorang ini terlalu serius sangat. Nak suruh ketawa pun susah. Oit tak boring ke? Kalaulah kambing tu reti ketawa, aku rasa dah lama dah banyak kambing yang mati tercekik disebabkan ketawa sambil makan pastu main tanduk-tanduk rusuk. Tidakkah mereka terfikir sifat bosan itu akan muncul sekiranya masing-masing terlalu serius dengan pendapat mereka (mungkin bagi mereka benda tu baik kot?). Seperti contoh, setiap pergaulan kita tiada unsur lawak atau gelak ketawa disebabkan salah seorang itu terlalu serius, mungkin bosan bukan? Sebenarnya dengan adanya unsur-unsurlawak tahap gaban ini sekurang-kurangnya dapat mengeratkan lagi persahabatan dan yang paling utama dapat mengenali personaliti seseorang itu dengan lebih dekat lagi. Tapi, lawak itu biarlah kena dengan masa dan tempatnya. Begitu juga dengan sifat serius, terlebih dahulu kita lihat aspek atau isu yang cuba dibincangkan. Janganlah buat lawak time benda serius contohnya kecelakaan, itu memang minta penampo jepon. Bukan aku kata tapi orang kata la. Biarlah sesuatu perbincangan itu diselitkan dengan lawak jenaka, sekurang-kurangnya dapat merelekskan kepala hotak yang berjambul ini. Secara terus terangla, aku mudah boring jika berbual atau berbincang dengan seseorang yang terlalu serius giller. Alangkah baiknya, kalau gurau-gurau dan gelak ketawa disebabkan lawak gaban sambil tangan berjalan (tumbuk, karate, tendang-tendang etc) bagus tu, ia adalah satu bentuk senaman moden (kapla hotak ko ungu! Hehe.. –ed). Memang aku sendiri pun dapat merasakan akan kekurangan unsur lawak dalam komuniti kita (mungkin ada yang rasa dah tua kot??) Bagi aku, aku sukakan komuniti kita meriah seperti dahulu yang mana adanya gelak ketawa, tumbuk-tumbuk rusuk, karate tengkok dan sebagainya. Pedulikan mereka-mereka yang terlalu agresif dengan pendapat mereka. Biar mereka ketawa sorang-sorang dalam bilik air atau tengok Senario baru nak gelak, apa da... (gila ape?)

- Tuan Haji Ir. Hazrin (Pakar mengawan Flower Horn) (dia ni la Wak, yang muka ketat tu... Ni nama betul dia, hahahah - jimbo)

koleksizine.blogspot.com

PENDAPAT

(Pendapat apa Endy? Ko tak tulis pun headline dia? Nanti orang tak paham la apa yang diorang bincangkan. Ko ni, nak buat zine ke tak nak? Main2 eh ko! Kira dah declare, konon dah abang2 la tu! - Jimbo)



".. Ok, aku jawab ni pun berdasarkan apa yang aku nampak, apa yang aku rasa, berdasarkan kawan-kawan yang aku jumpa dan berhubungan serta apa yang aku baca. Selain daripada itu aku tak tahu. Bagi aku, aku kurang setuju dengan kenyataan di atas. Pada aku unsur lawak itu tidak hilang dan tidak pergi ke mana-mana pun. Terpulanglah kepada indvidu tu bagamana dia menilai lawak dan serius itu. Ada orang menilainya pada apa yang terkandung dalam zine, pada apa yang dinyanyikan oleh sesebuah band dan ada juga yang menilai pada cara penampilan seseorang dan cara dia bercakap. Sesuatu yang aku rasa kita patut ingat ialah dengan buat sesuatu tu biar kena pada tempatnya. Kalau tidak 'zalim' jadinya kan? Bermakna nak buat lawak pun biarlah kena pada tempatnya, dan nak cakap benda serius pun biarlah kena pada masanya. Takkan masa orang tengah bincang isu serius kita pergi buat lawak bodoh. Kalau nak makan kasut bolehlah buat begitu kot.

Mungkin juga kenyataan di atas timbul kerana kebelakangan ini lahirnya zine-zine atau band-band yang banyak membawakan isu-isu serius dalam hasil kerja mereka. Aku tidak ada masalah dengan hal tersebut. Pada aku, kalau sesuatu isu yang dibawa adalah serius, maka eloklah ianya dibincangkan secara serius. Jangan dicampur adukkan dengan lawak kerana dengan cara mencampur adukkan tersebut sedikit sebanyak boleh mengurangkan keyakinan seselengah orang dengan apa yang dibincangkan. Sekejap lawak, sekejap serius, yang mana satu betul ni? Haa.. mungkin akan ada orang yang berfikiran sedemikian. Dalam pembikinan sesebuah zine, hak untuk mencorakkan kandungan zine tersebut adalah 100% kepunyaan editor. Hanya mereka yang tahu apa yang mereka mahukan. Terpulang samada mahu ia kelihatan serius, kelakar ataupun campuran. Setiap 'kategori' itu ada khalayak pembacanya yang tersendiri dan bukan dipaksa-paksa atau semata-mata ingin mengikut sebagaimana yang orang lain buat. Untuk lebih selamat atau supaya semua khalayak mudah memahami sesuatu penulisan, gaya bahasa yang mudah serta 'straight to the point' adalah cara yang terbaik. Tapi mungkn agak bosan. Ada yang suka guna bahasa yang tinggi supaya kelihatan lebih intelektual. Aku pula suka kalau sesuatu penulisan itu ditambah dengan gaya menulisan sinikal atau sindiran. Dan bahasa yang aku gunakan pula lebih banyak dipengaruhi oleh penulisan-penulisan yang aku baca.

"I'll remember reading the third issue and I'm quite surprised to see how it has change so much. This fourth issue has become too political! Look likes DRSA have make SOLIDARITAS (local political punk zine) as an example, because the contents and the way it is presented in DRSA is similar with SOLIDARITAS. For me, I find SOLIDARITAS is exciting to read because it is not too serious and it mix HC/punk element in the zine, while DRSA is too serious and I feel like reading a political magazine." Nah! Itu adalah salah satu review oleh pembaca DRSA. Aku tak nafikan yang DRSA sememangnya satu zine serius dan itu saja yang mampu aku tawarkan kepada pembaca. Kalau ikutkan hati aku, memang aku nak masukkan sekali selingan berbentuk lawak/humor tetapi aku bukanlah seorang pelawak dan tidak mempunyai 'sense of humor' yang baik kerana dalam perbualan sehari-hari pun, orang susah nak faham lawak aku. Jadi lebih baik aku tidak masukkan daripada ianya membuatkan orang rasa sakit hati bila membacanya.

Terkadang orang terlebih menilai/menganggap terhadap apa yang mereka nampak walaupun itu hanyalah permukaan/luaran sahaja atau cuma sebahagian daripada keseluruhan. Ini juga mungkin satu faktor wujudnya isu di atas. Orang biasanya akan membuat kesimpulan bahawa penulis adalah seorang yang serius sekiranya apa yang ditulis sentiasa serius. Bagi aku ini tidak tepat. Penulisan adalah salah satu medium untuk meluahkan apa yang difikirkan oleh si penulis. Sedangkan aku rasa tidak ada seorang pun manusia yang dok asyik fikir mende-mende serius sepanjang masa. Perkara serius ni pula agak sukar untuk dibincangkan dengan kawan-kawan berbanding lawak yang lebih disukai oleh rakan-rakan. Oleh itu, perkara serius biasanya berakhir dengan penulisan manakala lawak lebih senang dikongsi secara langsung dengan kawan-kawan. Sepanjang perkenalan aku dengan editor-editor zine yang konon-kononnya serius pula, ternyata mereka tidaklah seserius mana pun malah terlebih pulak 'joker'nya. Terkadang juga, bila kita nak bawa isu serius pun dibuat lawak lagi. Bagi band pula, aku tidak kisah sekiranya ada satu atau dua lagu yang bertemakan lawak bodoh atau cerita pasal awek sebagai selingan. Itupun sebahagian daripada hidup juga sebenarnya, cuma rasa macam tak elok kalau dilebihkan sangat.

Aku minta maaf sekiranya pendapat aku ni agak lari dari tajuk atau pun kelihatan berat sebelah (tak kira lah sebelah mana pun). "Don't let my seriousness make you think that I am serious and don't let my unseriousness make you think that I am not serious!"

- Saudara Fazri(editor DRSA)



".. Fun? Aku rasa perkara seperti ini ada tertulis dalam isu #3 Roots, interview bersama saudara Norhizam dan Ibrahim jika tidak silap aku. Sebenarnya bagi aku sendiri perkara ini memang ada kebenarannya. Scene kita sekarang kurang unsur fun dan lebih kepada serius. Walau bagaimanapun, di sini ada dua perkara yang bermain di dalam pemikiran aku. Pertama, aku rasa sudah sampai masanya untuk kita membuang sedikit fun tersebut. Sampai bila kita harus sentiasa berlawak sahaja? Aku rasa kita perlu bersikap sedikit radikal demi menunjukkan perjuangan kita bukan setakat di atas kertas. Aku berpendapat dengan cara serius sahaja yang boleh menjadikan kita bangun dari lena. Tetapi serius yang aku maksudkan bukanlah 'serius melulu yang tidak menghiraukan pendapat pihak lain' sebaliknya biar kena pada tempatnya untuk kita bersikap sebegitu. Yang kedua pula, bagi aku sendiri apa yang aku lakukan selama ini adalah sesuatu yang 'fun'. Aku jarang menganggapnya sebagai suatu perkara yang serius sekalipun aku tetap akan cuba untuk menjadikannya se'fun' yang boleh. Bagi aku sendiri, ianya lebih mudah walaupun nampak seperti 'main-main'. Dan dengan cara ini juga aku rasa lebih mudah untuk berinteraksi dan bercerita mengenai masalah dan sebagainya. Tidak pasti pula jika ada di antara kalian yang lebih mudah berinteraksi secara serius. Bagi saya sendiri, jika terlalu serius pun akan menimbulkan ketegangan. Masalah juga tu.."

- Saudara Shahril (editor Critical Mind)



"..for me, every little thing that we do have to be accompany/ embroidery with fun and joke. Just exactly like school session, I believe that every one of you hates to be serious all the time. But, fun and joke has its limit and border. Surely you all have to be serious or paying attention during critical moment. Perhaps, each of you has to know the barrier from being too extreme that lead to so called fascist. Spread your idea peacefully and deny to any form of fascism manners. Further more, each person have to respect other's idea as well as others respect yours. So, the conclusion here, fun and joke has it's time to be joking for. Clever enough to relate the condition within your manner. Act normally, be yourself and be true. Peace, respect and love.."

- Saudara xPiex (editor Ijtima')



".. kekadang aku bosan baca zine yang terlalu serius ni. Tahulah, nak sampaikan mesej. Mungkin dorang ingat dengan penulisan yang serius mesej dia orang akan sampai ke telinga-telinga manusia ini. Mereka silap. Perlu ada unsur kegembiraan di dalam setiap kehidupan. Mereka hanya mempraktikkan unsur kegembiraan di dalam kehidupan seharian bersama rakan-rakan mereka dan tidak mempraktikkan di dalam penulisan untuk dikongsi bersama kegembiraan itu.."

- Saudara Angah



"..Terima kasih kepada saudara Endy Player yang meminati saudari Bad, kerana sudi memberikan aku peluang untuk turut serta dalam perbincangan mengenai topik yang agak memboringkan ini. Kalau tidak silap, aku sendiri pernah memberikan soalan ini kepada saudara Zam dan Ibrahim dalam temuramah bersama mereka di dalam Roots #3 yang lepas. Tidakkah kalian di luar sana perasan, atau mungkin ada membeli tetapi tidak membacannya, sekadar menjadikannya koleksi. Sebenarnya tidak dinafikan sejak lewat ini, komuniti Hc / Punk yang telah sedia ada ini semakin agak berkurangan dari segi unsur lawak / fun. Masing-masing agak serius dalam menengahkan idea-idea yang lebih radikal dan politikal. Secara jujurnya juga aku tidak akan mengambil peduli akan perkara ini lagi. Kerana aku percaya masing-masing berpotensi untuk menjadi pemimpin yang baik kepada diri sendiri. Yang lebih penting setiap individu harus tahu apa yang cuba dan sedang dilakukannya. Aku agak bersetuju dengan pandangan dari saudara Zam , mengenai perkara ini. Tidak dinafikan juga idea-idea yang terkandung didalam komuniti ini seharusnya juga dianggap dan diterajui secara serius jika kita

scene DIY di Malaysia ini. Apa salahnya kita menggunakan cara termudah bagi memberikan keberkesanan terhadap penerimaan masej. Ianya untuk semua bukan!!

Okay, berita terbaru dari kugiran NOSTALGIA? Adakah anda akan meriliskan sesuatu untuk masa hadapan?
Kami dalam usaha bersama dengan Aspirasi Records bagi meriliskan kaset demo kami yang mungkin akan siap pada penghujung tahun 2001 ini. Kali ini kami telah memuatkan 9 buah lagu dan kualiti soundnya amat memuaskan. Kemungkinan NOSTALGIA akan merecordkan lagu seterusnya pada tahun 2002 nanti bagi dimuatkan di dalam rilis yang kedua. (ed- untuk pengetahuan pembaca semua, kaset NOSTALGIA 'tetap berdiri' EP telah pun rilis. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Aspirasi Recs. c/o Izwan Fandi, 21, Jalan Jagong 8, Bandar Baru Uda, 81200 Johor Bahru, Johor.)

Huzairi, Saya difahamkan, sebelum anda menubuhkan kugiran NOSTALGIA, anda ada menubuhkan sebuah kugiran yang tidak kurang hebatnya iaitu WARFARE. Telapi saya dapati bahawa band itu terkubur begitu sahaja. Nampaknya mungkin ada sebabnya mengapa berlakunya perkara tersebut, boleh ceritakan mengenai perkara itu?
WARFARE adalah band pertama yang saya tubuhkan bersama Fahmi (Reconstruct), Razee (Semerepang), Obe (Placeed), Rizman dan Along. Band ini dapat bertahan selama 1 tahun bermula pada pertengahan tahun 1998 dan berkubur pada pertengahan tahun 1999. Disebabkan masih baru untuk menubuhkan sebuah band menyebabkan kami begitu tergesa-gesa sehinggakan kami sendiri lupa tentang keinginan sebenar masing-masing. Saya tidak suka melakukan perkara yang bukan datangnya sendiri daripada kehendak diri saya sendiri dan saya tak suka memaksa orang lain untuk mengikuti cara saya. Mungkin kerana kabur terhadap perkara yang saya sebutkan ini menyebabkan kami berbalah sesama sendiri. Komitmen dalam band hancur apabila kami dapati keinginan bercanggah antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, kami berpecah atas persetujuan masing-masing.

Saya difahamkan bahawa seorang gitaris kamu sudah pun habis belajar di KUITTHO dan nampaknya kugiran NOSTALGIA seperti sudah hilang rentak. Bagaimanakah kamu akan mengatasi masalah tersebut? Dan bagaimana pula jika kesemua kamu sudah habis belajar di KUITTHO? Adakah anda akan menyambung semula kesinambungan kugiran NOSTALGIA atau pun terus padam begitu sahaja?



lanya merupakan satu kerumitan bagi NOSTALGIA. Saya rasa komitmen masih lagi jelas di antara kami walaupun Amir berada berjauhan. Kami sudah menjangkakan masalah ini sejak daripada awal penubuhan NOSTALGIA lagi, memandangkan kami datang dari negeri yang berlainan. Sekarang Amir berada di Kelana Jaya, manakala saya berada di Raub, Che Din, Foo Kaw dan Arm masih lagi berada di kampus KUiTTHO. Tiada masalah, cuma rumit sedikit bagi kami untuk berjumpa dalam jangka masa yang terdekat. Sudah tentu kami akan memandang kepada kerjaya masing-masing tetapi saya yakin NOSTALGIA tidak akan padam begitu saja. Kesinambungan ini sudah pasti akan diteruskan biarpun dimamah usia! Bagi kami tiada perkara yang lebih bernilai selain daripada persahabatan yang kami bina sejak dari dulu dan nilai persahabatan itu terkandung di dalam NOSTALGIA. Mustahil bagi kami untuk meleraikannya walaupun masing-masing mempunyai jalan ceritanya tersendiri.

Gig pertama untuk kugiran NOSTALGIA adalah di Johor Bahru. Apakah pandangan anda terhadap sambutan pengunjung gig tersebut? Adakah itu pengalaman menarik bagi anda semua? Selain di Johor Bahru, sudah berapa kalikah anda semua bermain di gig dan di mana?
Kami memang suka akan gig tersebut biarpun ianya merupakan gig yang pertama buat kami. Saya berpuas hati kerana dapat membawanya mengikut cara saya sendiri. Agak terperanjat saya melihat rakan-rakan di Johor Bahru begitu memberi sokongan kepada kami. Saya beranggapan memang ramai di kalangan rakan-rakan di sana yang berfikiran terbuka, jadi tiada masalah yang timbul. Kali keduanya gig kami di Kuantan bersama-sama dengan Plague of Happiness dan crowd di sana. Satu pengalaman yang menyeronokkan. Terima kasih kepada Pidah, Aie dan Uda di Kuantan.

Sekarang kita ke topik yang lebih terbuka. Bercakap mengenai DIY, semakin banyak kugiran-kugiran meriliskan stuff mereka dalam kualiti yang amat teruk. Adakah itu masih DIY jika kualiti tidak diutamakan? Apakah yang anda faham mengenai istilah DIY ini?
Bercakap mengenai DIY memang tidak sudah. Semua benda boleh kita cakap DIY, sama ada in berkualiti atau tidak. Pada saya tidak bermakna DIY di sini kita cuba seboleh-bolehnya merendahkan atau meminimakan perkara-perkara yang tak sepatutnya ada dalam satu-satu stuff. Penghasilan demo salah satunya, patut ke kita anggap 'sampah' bagi pihak major label yang begitu mainstream dan double standard? Sampai bila senario ini akan berlarutan? Bagaimana kita ingin menjadi satu ancaman kepada pihak yang sering mengeksploitasikan muzik PUNK/ HC kepada keuntungan sedangkan kita masih terlalu jauh untuk bersaing dari segi kualiti. Sudah tentu pihak major label mempunya kemudahan dan alatan yang membolehkan kualiti sound mereka baik. Tetapi itu tidak bermakna kita tidak mampu untuk menghasilkan kualiti sendiri. Tidak jadi masalah bagi kita untuk menghasilkan kualiti muzik yang baik kerana masih banyak tempat rakaman studio yang independent di sekitar Malaysia yang saya rasa mampu mendapatkan sound mengikut citarasa sendiri. Mungkin ini semua memerlukan kos yang tinggi akan tetapi cuba fikirkan tentang kepuasan dan objektif yang kalian inginkan, sama ada mahu terus berada di takuk lama atau buat satu perubahan.

Apakah pendapat anda mengenai sistem politik di negara ini? Adakah negara ini mengamalkan sistem demokrasi yang sebatulnya? Adakah anda mencapai kebebasan yang sebenarnya? Saya juga difahamkan bahawa anda adalah seorang pelajar dan adakah AUKU telah menghalang kebebasan anda?
Saya percaya pada demokrasi. Saya percaya pada korupsi yang berlaku di dalamnya. Saya juga percaya pada sistem politik dan saya juga percaya pada pembohongan yang berlaku terhadapnya. Walau apa pun jenis sistem yang terkandung bersama politik, semuanya menjurus kepada korupsi wang semata-mata. Saya akui dengan sistem pemerintahan yang terdapat di Malaysia sekarang mampu melicinkan politik kehidupan sebilangan besar masyarakat di negara ini. Akan tetapi kebebasanya belum pasti. Orang-orang yang berpengaruh sahaja merasakan yang negara ini demokrasi kerana mereka berhak memilih jenis bentuk kuasa apa yang mereka fikirkan bersesuaian dengan tempat di mana mereka berbanding dan kuasai. Saya rasa hidup ini tidak akan tercapai kepada kebebasan secara total, ada sesuatu masa saya terpaksa akur dengan kongkongan yang diberi. Saya tidak tipu, ianya benar. Kita telah dididik sejak dahulu supaya akur dengan seberang perkara yang telah ditetapkan, seperti disiplin sekolah. Ianya umpama latihan bagi kita untuk terus mengikut tanpa sebarang bantahan. Kewujudan AUKU snakan-akan bayangan bagi ISA kepada para pelajar di kampus agar terus tunduk kepada sistem pemerintahan sepenuhnya apabila sudah tamat kelak. Saya tidak dapat untuk pastikan apakah hak saya sebagai penuntut di kampus. Saya rasa kebebasan saya tidak diancam mungkin kerana saya tdak mahu untuk ambil tahu akan keadaan di kampus kerana saya begitu benci untuk mengambil tahu akan keadaan yang sememangnya berlandaskan kepada birokrasi wang ringgit, walaupun saya terpaksa akur dengan bayaran-bayaran yang dikenakan ko atas saya sepanjang saya menuntut. Sudah saya katakan tadi, satu-satu masa kita terpaksa akur dengan kongkongan yang diberi. Bukan ini sahaja, masih banyak lagi jenis kongkongan yang dberikan kepada kita di negara ini sekiranya kita lihat secara terperinci diseparangi kehidupan dalam sehari.

Saya difahamkan anda sekarang sedang bercinta! Betul ke? Apakah definisi anda mengenai cinta ini dan satu lagi soalan yang boleh dikatakan mencabar ini ialah, kekasih dan persahabatan, yang manakah lebih penting? Ulaskan sedikit....
Eh, macam gossip artis pulak. Cinta bagi saya satu perkara yang normal bagi setiap manusia, ianya merupakan satu jalinan kasih sayang di antara dua individu. Bagi saya, cinta membuatkan seseorang itu rasa bertanggungjawab terhadap pasangan dan dirinya sendiri. Antara kekasih dan persahabatan yang mana lebh penting, sukar untuk saya jelaskan yang mana satu perlu diutamakan kerana saya tidak pernah menghadapi situasi begini. Sahabat saya sedia maklum tentang hubungan saya bersama kekasih saya, begitu juga dengan kekasih saya, mungkin dia memahami keadaan saya yang kadangkala terpaksa meluangkan masa untuk NOSTALGIA. Ini semua bergantung pada keadaan semunya.

Rancangan masa depan kugiran NOSTALGIA?
Agak tergendala sedikit buat masa sekarang kerana saya sudah pun tamat menuntut di kampus, tetapi semuanya tak mustahil bagi kami. Perancangan kami untuk menghasilkan rilis yang seterusnya masih lagi berjalan. Kesemua lagu telah pun siap dibuat, cuma kami di sini masih menunggu masa yang sesuai untuk masuk ke studio. Kemungkinan kami akan memulakannya pada permulaan tahun 2002.

Soalan yang paling membosankan sekali. Kata-kata penutup atau apa-apa ucapan yang ingin anda sampaikan kepada pembaca semua...
Apa lagi yang harus saya nyatakan di sini kerana interview ini betul-betul membuatkan minda saya dijana semula setelah lama saya menyepi bersama MAXIMUM THINK zine dahulu. Terima kasih kepada Endy dan rakan-rakan lain di sekitar Johor kerana bagi saya scene DIY di sana benar-benar hidup dan mampu menunjukkan komitmen yang di luar jangkaan tanpa perlu berkonflik terhadap perkara-perkara yang tak sepatutnya. 'Tetap Berdiri" pada scene DIY di sini.

Terima kasih kerana sudi menjawab temuramah ini!
Sama sama, sekian!!

Matlamat

Akan ku kejar jejak langkah mu,
Akan ku cari di mana arahnya,
Walau ianya sangat mementkan,
Kan ku redahkannya jua,
Semangat juang ini tidak pernah mengaku kalah,
Walau gelombang
Dengan syaitan-syaitan durjana dunia,
Demi menaruh segenggam kebenaran,
Kebebasan, ketidakpuas hatian hati,
dan perasaan yang telah di rampas kuasanya,
Oleh golongan manusia yang tidak pernah puas
Akan sesuatu hal...
dan jahil menuntut hak kemanusiaaan dan
Keduniaan... sehingga membutakan ras-ras,
Yang sedia ada...
Minoriti menjadi mangsa, dihina, dicaci,
ditindas sehendaknya...
Mereka hanya memperda'ahkan kemuliaan,
meracuni golongan dengan propaganda-propaganda yang,
menyialkan....untuk kepentingan korupt,
perkauman, kuota, pendidikan, sosial dan...
seumpamanya adalah adunan andaian
Kekotoran semata-mata...
Sedarlah, bangunlah!!!
Jadi, marilah kita bergerak balas,
Dan merampas kuasa dan hak,
Yang telah tergadai bertahun-tahun....
(jangan jadikan keturunan generasi kita menjadi mangsa yang kedua!)
Oleh: Rashid

Seorang tua....

Seorang tua,
Bersimpuh sopan di tepi pusara,
Sambil tangan kanannya,
Menjirus air mawar,
Kelopak-kelopak mawar merah segar,
Menghiasi pusara,
Kemudian,
Laju tangannya mencabut rumput-rumput liar di
sekeliling pusara itu,
Selepas menyedekahkan Al-Fatihah,
Dia merenung sejenak,
Matanya tertumpu di tanah kuburan itu tetapi
fikirannya menerawang,
Menerawang jauh mengenangkan nostalgia masa lampau,
Suka,duka melalui kehidupan bersama arwah,
Tersimpan kemas di lipatan ingatan,
Tiba-tiba, setitis air jernih mengalir di sudut
kelopak matanya,
Lalu diambilnya hujung selendang
dan menyapu air mata itu,
Bilalah pula giliran aku? fikirnya,
Dimbas segala dosa-dosa lalu,
Membuatkan si tua berasa gerun serta takut,
Takut menghadapi segala persoalan serta siksaan di
alam yang lagi satu,
Ajal, maut memang tidak dapat diduga, fikirnya lagi,
Setelah lama di situ,
Si tua pun menyapu kain batiknya yang di penuhi
debu-debu tanah,
Dilipatnya kembali tikar mengkuang,
Dan direnung kembali pusara itu dengan penuh kasih,
Berbahagialah kekanda di sana,
Kalau umur dinda panjang,
Akan dinda datang lagi, bisiknya,
Lalu pergilah si tua dengan langkah sayu kembali ke
tempat tinggalnya

Oleh: Cik Suraya

A mute world
Authority is darkness...
Authority is evil...
Authority is a liar...
Authority controlled us...
Authority makes a rule...
Shut our mouth..
We live in a mute world..
Arghh... we've been caught in a cell made by authority!

Oleh: Sidharta

Kehijauan memikirkan aku segalanya!
Bertenggek jasadku di pepejalan batu..
Membongkah dagu ratapi kehijauan
syukur masih tersepit kehijauan
tatkala rimba batu menujah bumi
masih tersisa rupanya pepayung kehijauan ini!
Tenang... damaikan... susup mata sayup... lena...
Dalam pakuan mata meramahi redup kehijauan..
Terburai rupanya butiran cecair jernih..
Terus melayan pipiku yang kian lembab..
Tidakkah sekeruan itu menonton gelojak dunia..
Dunia berkarat sudahnya... berlumut menadah rakusnya..
Rakusnya manusia seperti ku..
Menyumbang seni kemusnahan.. terpalit kerakusan..
Dalam kesenangan berselang-selikan kemewahan
Tenggelamnya luput dilenyap pedoman
Kesibukan mengejar kebendaan
Keresahan memburu kedudukan
Terlerai sebenarnya kerohanian
Sesat di landasan kesenangan
Terlepas kepahitan di landasan kesusahan
Bumi ini dibaja... cebisan daging terbujur kaku
Bumi ini disirami zat darah..
Subur sungguh bumi ini, dengan balang peperangan di sana..
Di tingkap luar sana...
Pekikan anak lembut, raungan lagu sayu..
Malamnya dihiasi kilat, kilauan logam berbentuk tirus..
Tercetus seni lagi ledakan sasaran..
Siangnya tercoret abstrak mayat bergelimpangan..
Diriku tidak pernah merasainya..
Meratap minda mensyukurinya..
Mungkin berteiengku ku di situasi berlainan daripada saudara semanusia ku..
Di sana!
Ternyata kepincangan tetap ada walaupun
Tempat ku berpijak
Tidak wujud ladang peperangan....NAMUN!
Depan mataku mengalir jeram, aliran jernih mengindahkan..
Berlumba-lumba merempuh jeram, liku dan batu,
Kata orang..
Sungai itu tangisan tuhan...
Melimpah menimpa bumi... itu hanya kata orang,
Terpulang pada empunya badan untuk menerimanya atau menyepaknya..
Semestinya ku tidak sedar akan tangisan sayu itu,
Yang meluahkan kekecewaan, kehampaan..
Atas sikap ku, manusia sendiri...
Tinggi gunung, tinggi lagi hidungnya..
Busuk bangkai, busuk lagi hatinya... nalurinya..
Siapa tahu.. diriku, dirimu dan diri mereka..
Akan mungkin jadi seperti itu.. segalanya mungkin..
"Mudah-mudahan terlindung diriku dari perkara keji itu..
ku yang kerdil menyatakan kecilan hati padaMu.."
Amin...
Percaya atau tidak.... Pem'bangun'an,
Mem'bangun'... adalah dari perkataan Arab...
Dan BANGUN itu maknanya musnah..
Musnah .. dalam erti bahasa itu..
Terima kasih alam hijau ini..
Kerana termanggu keseorangan menghambakan
Diri pada hijaumu dan DIA ... mengungkai sesuatu,
Membongkar kejahilan diri yang tebal,
Menginsafi rintihan semanusia ku
Diluar sana yang tidak lah senasib dinku ini...
Diriku ini sekarang.
Oleh: ayed (25/8/01, Tmn. Rekreasi Ulu Bendul)



Imagining One's Death

If someone hadn't saved herand she diedin that ravine: beautifulblue glass skin,showing dark dead veins.
Policemen chiselingout the child's bodyfrom the frozen pond.Her mother, face puffy,wears powder blue.
Friends forgetall the little girl fights.They always loved her, likethey loved the ice creamserved at the receptionafter the funeral.
By: Meghan Pollock, Havergal College, Toronto, Ontario

Terbelenggu

Hati terpasung
Jiwa ter[en]arakan dengan seribu mimpi
Hasrat terbelenggu dengan satu perasaan

Bayangan keindahan sinar
Kelam, kelam, kelam
Makna yang tidak dapat teruraikan
Hanya hati yang mengerti
Bahawa Sang Insan dalam kesuraman

Keinginan hati tertolak pada satu desakan
Gila, gila, gila
Gelora jiwa tidak dapat tertahankan
Hanya satu dalam keinginan hati
Berjuang pada satu hasrat intuk tidah terbelenggu
Oleh: Amin (Sept 2001)
(untuk seseorang yang ada di dalam hati ku saat ini)





A Metaphor of My Life

A flower will die without water.A flower will die without light.I am a flower trapped inside a box.Life is a desperate struggle, a fight.I live without the water.I live without the light.I survive one day at a time,But is it day or night?I watch the road I drive on,But I am not behind the wheel,"Controlling one's own destiny",Is not exactly how I feel.Life is one big contest,To see whom can come out ahead.But a flower trapped inside a box,Will only end up dead.
By: Sasha Boni, ECS School, Westmount, Quebec

If one day...
"I stand up and start to scream praises to you, when I'm weak you're my strength and i cry out from my soul. Whisper back to you.... I love you, yes I do. Weak but strong..."
"If one day you feel like crying...call me.... I don't promise you that... I will make you laugh...but I can cry with you..."
"If one day you want to run away don't be afraid to call me...I don't promise to ask you to stop but... I can run with you..."
"If one day you don't want to listen to anybody call me and....I promise to be very quite but.... If one day you call...there is no answer.... Come fast to me..."
Perhaps I need you!!!!!...

By: Through the never

Betrayed trust

I told my best friend, Irene about my secret,
That I lied to my boyfriend,
Telling him I would never flirt,
I really thought she would shut up...
.....But she thought spreading it is a must,
and she actually betrayed the trust.
One day, my 'retarded' brother read my daily journal,
I believed he wouldn't tell anyone coz its embarrassing and personal,
But the next day his friends were laughing at me as I passed their class,
And I knew Jerry actually betrayed that trust.
I told my mum about the financial problem I was having,
And she wouldn't tell dad that I needed to use all of my savings,
But one-day dad said I should repay the money...
....And that was his only warning and the last,
And some how I knew mum had betrayed that trust.
I got caught in school for misbehaving,
I believed the teacher wouldn't tell the headmaster...
....Coz he'd be pissed off about that thing .
But later on that day he made stand on the chair in class,
And f#@k that teacher coz he betrayed that trust!
One day my friend in school lent me his porno mag,
I trust my family that they wouldn't open my school bag,
But my lil brother did and he had caused a total fuss,
Geez, how could he betrayed that trust?
I let the gate open when mowing the lawn,
And I knew my cat wouldn't go out or else he'd be gone,
But it's been 2 days and all I could fine in his place was dust,
Oh my, could that fat cat betrayed my trust?

Oleh: Norhayati Mat Top

On Silence

I love the feel of wordlessnessHeavy as the weight of water;The slow and ponderous transparencyOf a quiet, pure as the greenTranslucence of a soundrenched leafI love the taste of soundless wordCaught on the tip of the tongue,I love the inflections of rippling stillnessDrawn taut in empathic responseTo sound's satietyI love silence, clear as waterThe expectancy of inspired breath
By: Liana Hwang, St. Mary's High School, Calgary, Alberta

Memori

Apabila duduk bersendirian
Timbul satu perkara
Memori..
Yang tidak hilang
Kerna ianya hadir setiap masa
Yang mengingatkanku
Akan suatu pengajaran
Dalam hidup ini
Ianya untuk mengingatkan aku
Kisah suka duka
Alangkah indah hari ini
Kerna ia pasti menjadi satu memori

Oleh: Addy Zaidy

Siapalah aku?

Aku bukan seorang pemuitis
Yang bisa melakar bait-bait indah
Arti kehidupan
Tapi,
Ku cuba untuk meluahkannya
Menjadi sesuatu yang indah
Untuk menjadi pegangan hidup
Hingga ke akhir hayat
Hidupku yang kosong
Cuma diisi dengan senyuman palsu
Yang tidak bisa tahu
Hakikat hdup yang
Bahagia..

Oleh: Addy Zaidy

A Poem by Leonard Peltier

Silence, they say, is the voice of complicity.But silence is impossible.Silence screams.Silence is a message,just as doing nothing is an act.Let who you are ring out and resonatein every word and every deed.Yes, become who you are.There's no sidestepping your own beingor your own responsibility.What you do is who you are.You are your own comeuppance.You become your own message.You are the message.In the Spirit of Crazy Horse,Leonard PeltierFrom the book: *My Life Is My Sun Dance*, by Leonard Peltier

The Prophet

When love beckons to you, follow him,Though his ways are hard and steep.And when his wings enfold you yield to him,Though the sword hidden among his pinionsMay wound you.And when he speaks to you believe in him, Though his voice may shatter your dreams As the north wind lays waste the garden.For even as love crowns you So shall he crucify you.Even as he is for your growth So is he for your pruning. Even as he ascends to your height and caresses Your tenderest branches that quiver in the sun, So shall he descend to your roots and Shake them in their clinging to the earth.
By : Kahlil Gibran

koleksizine.blogspot.com